

Bil. 22

**Khamis
18 Disember 2008**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT KETIGA**

KANDUNGAN

PEMASYURAN TUAN YANG DI-PERTUA Perutusan Daripada Dewan Rakyat	(Halaman 1)
URUSAN MESYUARAT	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Kewangan 2008	(Halaman 20)
Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2008	(Halaman 27)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik)
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Ir. Wong Foon Meng, D.P.M.T. (Dilantik)
3. “ Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
4. “ Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
5. “ Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
6. “ Tuan Ahmad bin Hussin (Perlis)
7. “ Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahaim (Kelantan)
8. “ Datuk Akbar bin Ali (Melaka)
9. “ Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik)
– *Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi*
10. “ Tan Sri Amirsham A. Aziz (Dilantik)
– *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
11. “ Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
12. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
13. “ Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
14. “ Datuk Chandrasekar Suppiah (Dilantik)
15. “ Datuk Chew Vun Ming (Dilantik)
16. “ Tuan Chiw Tiang Chai (Dilantik)
17. “ Dato' Daljit Singh Dalliwal
18. “ Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
19. “ Dato' Gooi Hoe Hin (P. Pinang)
20. “ Puan Heng Seai Kie (Perak)
21. “ Dato' Ir. Hiang A Li (Pahang)
22. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
23. “ Dato' Haji Ikhwan Salim bin Dato' Sujak (Selangor)
24. “ Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh (Dilantik)
25. “ Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin (Dilantik)
26. “ Dato' Kamarudin bin Ambok (Dilantik)
27. “ Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
28. “ Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S. Maniam (Dilantik)
29. “ Tuan Lee Chee Keong (Negeri Sembilan)
30. “ Puan GK Loga Chitra (Dilantik)
31. ” Datuk Majjol Mahap (Sabah)
32. “ Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik)
– *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
33. “ Yang Berhormat Dato' Maznah Mazlan (Dilantik)
– *Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar*
34. “ Dato Sri Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)
35. “ Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)

36. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib (Dilantik)
Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
37. " Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi (Kelantan)
38. " Tuan T. Murugiah (Dilantik)
– Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri
39. " Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
40. " Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie (Terengganu)
41. " Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn (Dilantik)
42. " Dato' Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
43. " Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik)
44. " Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
45. " Tuan Rawisandran a/l Narayanan (Dilantik)
46. " Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W. Persekutuan KL)
47. " Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
48. " Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
49. " Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan)
50. " Tuan Haji Shamsudin bin Mehat (Dilantik)
51. " Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Dilantik)
52. " Datuk Sim Kheng Hui (Dilantik)
53. " Dato' Hajah Siti Rokiah binti Haji Mohd. Zabidin (Pahang)
54. " Puan Siw Chun a/p Eam (Perlis)
55. " Datuk Soon Tian Szu (Melaka)
56. " Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik)
57. " Tan Sri Datuk Tee Hock Seng (Dilantik)
58. " Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram (Dilantik)
59. " Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh (Terengganu)
– Timbalan Menteri Dalam Negeri
60. " Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor (Dilantik)
61. " Dato' Wan Nordin bin Che Murat (Perlis)
62. " Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik)
63. " Dato' Wong Siong Hwee (Dilantik)
64. " Dato' Yip Kum Fook (Selangor)
65. " Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf (Kedah)

DEWAN NEGARA**Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Haji Kamaruddin bin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Negara

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Ikmalrudin bin Ishak

PETUGAS-PETUGAS**CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak

Sarimah binti Haji Amran

Hadzirah binti Ibrahim

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya

Ganesan a/l Nanthan

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Ainul Wahidah binti Ismail @ Fakhri

Nur Hidayah binti Janudin

Siti Azalia binti Ahmad Tarmazi

Sukmawati binti Abdul Rahman

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraida binti Manaf

Hafizah binti Abu Samah

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****KHAMIS, 18 Disember 2008****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA***[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]***PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA****PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

"17 Disember 2008

Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2008

Yang Ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT."

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Noriah binti Kasnon]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan supaya rang undang-undang yang disebut di dalam Perutusan dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. **Datin Paduka Datuk Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan, apakah usaha-usaha yang telah dijalankan oleh pihak kementerian bagi membantu pengusaha-pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) untuk memasarkan barangan dan hasil produk mereka di pasar raya-pasar raya utama dan *hypermarket* di negara ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Jelaing anak Mersat]: Selamat pagi dan terima kasih untuk Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator atas soalan yang dikemukakan.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna membantu pengusaha-pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) memasarkan produk-produk mereka di *hypermarket* ataupun pasar raya tempatan dan asing di dalam negara melalui program Promosi Produk Malaysia Cita Rasa Kita. Nama pendeknya, PMCK.

Program ini telah dimulakan pada tahun 2003 bertujuan untuk memberi peluang pemasaran yang lebih luas kepada para peniaga untuk mengembangkan lagi perniagaan sedia ada. Melalui program ini, kementerian membantu pengusaha-pengusaha untuk memasukkan produk-produk yang berpotensi ke *hypermarket* ataupun pasar raya dan disenaraitetapkan. Para peniaga yang berjaya disenaraitetapkan, akan menikmati kemudahan seperti pengecualian ataupun pengurangan caj yang dikenakan terhadap penjualan produk seperti caj penyenaian ataupun *listing fee*, *opening rebate*, *anniversary rebate*, *promotion fund*, untuk *mailer* dan *gondola fees* serta menikmati tempoh terma kredit yang lebih pendek iaitu selama 30 hari berbanding tempoh kredit biasa iaitu 90 hari.

Sehingga kini sebanyak 3,020 gram PMCK ataupun Produk Malaysia Cita Rasa Kita telah berjaya dijalankan. Kementerian juga memberi bantuan khidmat nasihat kepada para peniaga dalam mendapatkan pinjaman dan pembiayaan untuk mengekalkan dan meningkatkan perniagaan mereka. Melalui program-program dan promosi yang dijalankan, kementerian sentiasa berusaha untuk meningkatkan daya saing para peniaga-peniaga kecil dengan memastikan bahawa produk-produk yang dihasilkan mempunyai mutu piawaian yang tinggi. Pelabelan yang bersesuaian, bungkusan yang menarik dan pensijilan yang lengkap. Dengan itu produk-produk ini akan lebih berupaya bersaing dengan produk-produk yang ternama di pasaran. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Datin Paduka Nor Hayati, selepas itu Puan Mumtaz.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah pihak kementerian memastikan IKS-IKS kita memenuhi piawaian ataupun pasar raya-pasar raya utama dan *hypermarket* di negara ini dan apakah usaha pihak kementerian dengan kerjasama pasar raya-pasar raya utama dan *hypermarket* di negara ini bagi memastikan IKS-IKS terutamanya yang berasaskan makanan dapat diperkasakan untuk membolehkan barangan keluaran IKS kita memenuhi piawaian antarabangsa. Terima kasih.

Tuan Jelaing anak Mersat: Terima kasih Yang Berhormat. Usaha kementerian dalam mempromosikan IKS ini kepada pasar raya-pasar raya adalah melalui promosi seperti mengadakan satu promosi di pasar raya-pasar raya tersebut dan juga memberi maklumat-maklumat mengadakan peluang untuk IKS ini berbincang dengan pasar raya-pasar raya supaya produk mereka dapat diterima dan mengikut pensijilan ataupun mengikut *packaging* tertentu yang telah ditetapkan oleh pasar raya-pasar raya.

Yang Berhormat juga untuk makluman Dewan yang mulia ini, baru-baru ini kita mengadakan satu *Taste of Malaysia* ataupun Cita Rasa Malaysia di Hong Kong selama satu hari dan kita berbincang dengan pihak pasar raya di Hong Kong iaitu Welcome Supermarket di mana mereka menentukan ataupun *packaging* nya menentukan *condition* nya, dengan izin, yang tertentu supaya produk-produk *hypermarket* yang menyertai program ini dapat diterima di *hypermarket* ataupun *supermarket* di Hong Kong.

■1010

Juga, pada masa yang sama ada satu kedai ataupun mini market di Hong Kong di mana ia menjadi satu *outlet* kepada barangan keluaran daripada Indonesia dan kita cuba hendak mengaitkan ataupun memberi peluang kepada IKS. Pada masa itu ada 13 orang yang ikut kita pergi ke Hong Kong untuk datang ke situ dan semak bagaimana mereka dapat memasuki pasaran antarabangsa seperti di Hong Kong. Sekian.

Puan Hajah Mumtaz binti Md Naw: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mempunyai dua soalan tambahan. Soalan yang pertama, apakah kerajaan bercadang untuk menetapkan kuota bagi barangan IKS untuk dipasarkan di pasar raya-pasar raya utama negara kita.

Kedua, apakah kerajaan mempunyai dasar untuk mengintegrasikan produk-produk hasil Sabah dan Sarawak ditukarkan dengan produk Semenanjung untuk menggalakkan integrasi di kalangan produk IKS. Terima kasih.

Tuan Jelaing anak Mersat: Terima kasih, Yang Berhormat. Soalan Yang Berhormat bukan sahaja soalan tetapi saya rasa adalah suatu cadangan khasnya untuk produk-produk IKS daripada Sarawak dan Sabah di mana sekarang ini memang betul belum lagi masuk ke pasaran pasar raya-pasar raya di Semenanjung. Kementerian berusaha untuk memberi jalan, untuk menjemput malahan kalau saya faham benar-benar ada juga *hypermarket* di sini yang berminat untuk melibatkan IKS kita di Sarawak dan Sabah supaya mereka dapat bersama-sama ada pengeluaran IKS mereka di *hypermarket*.

Soalan pertama Yang Berhormat tadi ialah sama ada kementerian menetapkan kuota untuk barangan kita ataupun produk Malaysia di *hypermarket* sama ada di dalam negara ataupun di luar negara. Bagi dalam negara, apa yang saya tahu, kementerian memang menggalakkan dan menetapkan ekuiti daripada orang tempatan supaya peniaga-peniaga tempatan, khasnya peniaga-peniaga kecil dapat bersama-sama berniaga di situ. Pada tahun ini kita telah mengadakan kalau tidak silap saya sehingga minggu lepas ada lapan kali *promotion* ini di mana semua *hypermarket* yang terlibat yang terlibat *Malaysian product* memang banyak di atas *shelf* mereka. Jemputlah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk datang ke situ. Terima kasih.

2. Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, akibat kurangnya penguatkuasaan, sebahagian besar daripada sisa pepejal dan toksik dari industri di negara ini di buang merata-rata termasuk di tempat pelupusan sampah. Apakah langkah-langkah kerajaan bagi mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan II [Dato' Hamzah bin Zainudin]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, terdapat dua perkara yang berbeza di sini iaitu sisa pepejal dan sisa toksik. Pembuangan sisa toksik dari industri adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Manakala KPKT bertanggungjawab ke atas sisa pepejal. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedia maklum akan kurangnya penguatkuasaan ketika ini bagi menangani pembuangan haram sisa pepejal di merata tempat. Oleh yang demikian di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007, Akta 672 yang dijangka akan dikuatkuasakan pada awal tahun 2009, penguatkuasaan akan dijalankan oleh perbadanan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dengan dibantu oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) di samping Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara yang bertindak sebagai agensi kawal selia.

Dengan meningkatnya keupayaan penguatkuasaan ini, dijangka kita dapat mengawal aktiviti pembuangan sisa pepejal secara haram daripada terus berleluasa. Akta 672 ini meletakkan kesalahan membuang sisa pepejal secara haram sebagai kesalahan yang serius dan akan dikenakan penalti yang tinggi iaitu tidak kurang daripada RM10,000 jika sabit kesalahan. Di samping itu kuasa eksekutif yang diberikan kepada Kerajaan Persekutuan melalui Akta 672 ini memastikan pengurusan sisa pepejal dapat dilaksanakan secara bersepadu yang membolehkan aliran sisa pepejal daripada pelbagai sektor dapat dikawal selia dan dikenal pasti bermula daripada penjaan sehingga kepada pelupusan dan rawatannya. Kawal selia sedemikian dapat mengurangkan aktiviti pembuangan sisa pepejal secara haram di merata tempat. Di samping aktiviti penguatkuasaan kerajaan akan meningkatkan kemudahan infrastruktur bagi mengumpul dan mengutip sisa pepejal supaya orang ramai dan pihak industri tidak mempunyai alasan untuk membuang sisa pepejal di mereka tempat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Haji Ahamat kemudian Tuan Lee Chee Keong.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah suatu ketika dulu beberapa kerajaan negeri dan juga kementerian bercadang untuk membina *incinerator* tetapi ternyata rancangan tersebut di batalkan ataupun ditangguhkan. Apakah sebab-sebabnya dan adakah kementerian bercadang untuk menggantikan dengan kaedah yang lain. Terima kasih.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih, sahabat saya Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat. Saya bersetuju bahawa sebenarnya sistem yang ada di dalam negara kita ini, kita mempunyai beberapa teknologi sama ada kita menggunakan teknologi yang menggunakan loji *incinerator* ataupun kita menggunakan pelupusan tersebut menggunakan tapak pelupusan sisa pepejal jenis *sanitary*. Kos untuk kita menggunakan loji *incinerator* memerlukan suatu kos yang agak tinggi berbanding dengan kos untuk kita menggunakan *sanitary landfill*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Loji *incinerator* hanya sesuai dibina di kawasan-kawasan di mana tanahnya yang terhad seperti di pulau-pulau. Kalau di pulau-pulau kita tahu bahawa oleh kerana kawasannya agak berkurangan untuk kita mengadakan *sanitary landfill*, maka sebab itu kita benarkan untuk menggunakan loji *incinerator*. Begitu juga di kawasan-kawasan tanah tinggi, di *resort* yang mempunyai *facilities* yang kurang kalau kita hendak adakan *sanitary landfill*, itu juga kita benarkan untuk menggunakan *incinerator*.

Namun daripada kajian yang kita buat, kita merasakan kaedah *sanitary landfill* ia agak lebih berkurangan dari segi kosnya maka dengan sebab itu kita yakin oleh kerana rakyat sekarang ini memerlukan satu teknologi yang boleh digunakan dan agak juga rendah maka sebab kita menggalakkan supaya kita menggunakan lagi sistem *sanitary landfill* di seluruh negara.

Tuan Lee Chee Keong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, rancangan loji *incinerator* di Broga dikatakan telah gagal mungkin disebabkan oleh pengeluaran gas dioxin. Saya ingin tahu berapakah kementerian telah belanjakan dalam projek loji *incinerator* di Broga dan adakah kementerian akan meneruskan projek-projek *incinerator* ini.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Lee. Soalan ini apabila ditanyakan sebegini rupa, saya hendak jawab begini. Projek Broga sekarang ini telah pun kita tamatkan dalam proses untuk menyelesaikan dari segi masalah kontrak di antara yang kita beri, individu yang telah pun kita lantik dan juga kerajaan. Insya-Allah akan selesai dalam masa yang terdekat. Dalam masa seminggu dua ini selesailah masalah itu. Masalahnya bukan kerana kita tidak mahu menggunakan *incinerator* ini tetapi kerana kosnya agak terlampau tinggi.

Sebab itu saya katakan tadi, oleh kerana teknologi yang ada pada hari ini boleh menyelesaikan masalah bau, masalah licin, masalah untuk kita *treatkan* semua masalah sisa pepejal ini boleh kita gunakan kerana dia bukanlah merupakan satu teknologi yang begitu hebat sehinggakan tidak boleh kita selesaikan untuk menyelesaikan pelupusan sisa pepejal ini.

■1020

Sebab itu hari ini bila kita merasakan *sanitary landfill* yang kosnya agak lebih murah jika dibandingkan dengan menggunakan *incinerator* ini, maka kita mencadangkan supaya kalau boleh semua teknologi yang hendak digunakan dalam negara, biarlah kosnya agak lebih rendah jika dibandingkan dengan *incinerators* yang ada. Jadi, menjawab soalan banyak mana telah pun kita berikan, akan saya jawab secara bertulis kerana saya tidak boleh menyebut di sini kerana angkanya mungkin tidak betul. Saya ada angka di kepala saya tetapi mungkin tidak tepat. Jadi lebih baik saya berikan secara bertulis selepas saya *check*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat yang telah menjawab dengan begitu ikhlas sekali. Silakan Datuk Wira Syed Ali Tan Sri Syed Abbas Alhabshee.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebelumnya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab sendiri soalan saya nombor 3. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dewan Negara mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Menteri.

3. Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan, setakat ini berapa banyakkah menara pemancar telekomunikasi yang telah dipasang di kawasan luar bandar dalam usaha meningkatkan perkhidmatan telefon selular.

Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha kerajaan untuk meluaskan liputan selular di seluruh negara telah bermula tahun 2004 dengan pengenalan kepada Program *Time 1* and *Time 2*. Walaupun Program *Time 1* hanya terhad kepada kawasan-kawasan utama di Lembah Klang, Putrajaya dan Cyberjaya, program *Time 2* telah berjaya memperluaskan liputan di seluruh negara terutamanya di empat kawasan utama iaitu pekan-pekan jalan raya Persekutuan, kawasan perindustrian dan kawasan tumpuan pelancongan.

Di bawah Program *Time 2*, sebanyak 1,268 menara telah dibina. Ini adalah sepanjang tahun 2005 sehingga penghujung tahun 2006. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia mendefinisikan kawasan luar bandar sebagai kawasan yang mempunyai kepadatan penduduknya kurang daripada 90 orang per kilometer persegi. Bagi kawasan-kawasan luar bandar ini, Program *Time 2 (Expansion)* telah diperkenalkan pada tahun 2007 dengan penambahan 330 menara lagi yang telah beroperasi. Di samping itu juga syarikat-syarikat pemberi perkhidmatan disyaratkan secara komersial dan berterusan membina menara di kawasan-kawasan luar bandar jika terdapat permintaan dan keperluan daripada masyarakat dan pihak kerajaan negeri.

Hasil daripada program-program ini, kadar liputan populasi negara (*national population coverage*) berjaya ditingkatkan kepada 92% berbanding pada 82% pada tahun 2004. Sebagai usaha lanjutan, SKMM akan terus memperluaskan liputan selularnya terutamanya di kawasan pedalaman dan kawasan-kawasan luar bandar yang ekstrem di bawah program *Time 3*. Program ini yang telah diumumkan pada Jun 2008 yang lalu akan memberi tumpuan kepada kawasan dengan kepadatan penduduk kurang daripada 80 orang per kilometer persegi yang merangkumi sebahagian penempatan FELDA, FELCRA dan Orang Asli.

Di bawah program ini, sebanyak 1,250 menara akan dibina dalam tempoh dua tahun sehingga tahun 2010. Sebanyak 100 menara akan disiapkan penghujung 2008 di mana kini sejumlah 80 menara telah disiapkan dan baki 20 menara lagi akan disiapkan juga sebelum penghujung tahun ini. Dengan kata lain, Tuan Yang di-Pertua, semenjak 2007, sejumlah 410 menara telekomunikasi telah dibina di kawasan luar bandar yang berkepadatan penduduk kurang daripada 90 orang per kilometer persegi, manakala sebanyak 1,150 menara lagi di bawah program *Time 3* ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat sehinggalah tahun 2010. Dengan siapnya program ini, kadar liputan telekomunikasi negara (*national population coverage*) dijangka akan meningkat kepada 97%. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Kita lihat bahawa jurang digital di negara kita secara umumnya masih besar dan memerlukan perhatian yang serius oleh pihak kerajaan untuk menanganinya. Selain telefon selular, menara pemancar telekomunikasi adalah projek yang begitu penting untuk membuat persediaan bagi perkembangan teknologi komunikasi tanpa wayar seperti 3G dan WiMax. Soalan saya, bagaimanakah pihak kementerian memacu pemain-pemain industri untuk memainkan peranan mereka dalam agenda pembinaan komunikasi nasional supaya permasalahan seperti jurang digital dapat kita selesaikan dalam usaha kita untuk mencapai status negara maju menjelang 2020. Terima kasih

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Senator walaupun dia daripada Wilayah Persekutuan yang mana kadar penetrasinya begitu tinggi, pada hari ini untuk makluman Dewan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kadar penetrasi *population coverage* hari ini adalah 99.8% tetapi Yang Berhormat menunjukkan keprihatinan dan ingin mengetahui bagaimana kementerian memainkan peranan untuk merapatkan lagi jurang digital antara masyarakat bandar dan luar bandar.

Untuk pengetahuan Dewan, pada hari ini kementerian bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia. Pertama kami meminta syarikat-syarikat telekomunikasi yang ada di negara ini sebagaimana yang saya sebutkan dalam jawapan terlebih dahulu supaya mereka membina menara-menara di kawasan-kawasan yang tidak berkepadatan penduduk seperti kawasan-kawasan FELDA dan FELCRA yang pada pendapat mereka tidaklah *economical* ataupun tidak menguntungkan bagi mereka membina menara-menara ini.

Oleh itu bagi kawasan-kawasan yang terlalu ekstrem, kementerian ini akan menggunakan dana yang dipanggil dana *USP Fund* ataupun *Universal Service Provision Fund* yang mana jumlahnya pada ketika ini berada dalam lingkungan RM3 bilion. Wang ini digunakan untuk memberi kemudahan kepada syarikat-syarikat telekomunikasi yang membuat *contribution* kepada dana ini, menggunakan wang ini untuk membolehkan mereka membina menara-menara di kawasan yang mereka rasa tidak memberi pulangan ekonomik.

Cuma pada hari ini kadang-kadang *constraint*, masalah-masalah yang dihadapi oleh kementerian dan juga pembina-pembina syarikat-syarikat telekomunikasi ini adalah untuk mendapat tanah-tanah persetujuan daripada kerajaan negeri yang kadang-kadang mengambil masa. Seperkara lagi adalah kadang-kadang yuran yang dikenakan oleh kerajaan negeri itu agak tinggi bagi kawasan-kawasan *underserved* iaitu sampai tahap RM10 ribu untuk proses satu tapak sedangkan bagi syarikat telekomunikasi, kawasan-kawasan ini tidak menguntungkan.

Ini adalah perkara-perkara yang diambil kira oleh kementerian ini untuk membantu supaya syarikat-syarikat telekomunikasi ini boleh menembusi kawasan-kawasan luar bandar dan juga membantu masyarakat luar bandar mendapat perkhidmatan-perkhidmatan telekomunikasi seiring dengan masyarakat luar bandar. Perkara yang terakhir ialah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia ini memantau pelan-pelan *business plan* setiap syarikat telekomunikasi yang ada di negara ini, bagaimana kaedah mereka untuk memastikan mereka ini berusaha membantu kerajaan untuk merapatkan jurang digital yang ada di dalam negara ini. Ini adalah perkara-perkara yang dilakukan oleh kerajaan supaya masyarakat di luar bandar tidak tercicir dalam mendapatkan jurang digital dalam negara ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kita dimaklumkan bahawa sejak November 2008, sebanyak 74 syarikat telah dikenal pasti untuk mendapat konsesi bagi pembinaan menara ini. Apakah pihak kementerian mempunyai satu dasar tertentu dari segi spesifikasi kadar sewaan serta mengambil kira terhadap kesihatan dan keselamatan para penduduk, khususnya kesan daripada pembinaan menara-menara di kawasan luar bandar. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Yang Berhormat Senator, sebagaimana yang saya jelaskan tadi, kadang-kadang terdapat jurang perbezaan antara kadar sewa yang dikenakan oleh negeri-negeri kepada syarikat-syarikat telekomunikasi. Kementerian ini ingin bekerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri supaya kita mengadakan siling untuk sewa bagi tapak-tapak telekomunikasi ini dan juga yuran pemprosesan. Ini supaya terutamanya bagi kawasan-kawasan luar bandar yang mana tidak memberi pulangan kepada syarikat-syarikat telekomunikasi ini kerana tujuannya sebagaimana yang saya katakan tadi semata-mata untuk merapatkan jurang digital.

▪ 1030

Untuk soalan yang kedua ingin saya tegaskan bahawa mungkin kebimbangan yang ada pada hari ini mungkin Yang Berhormat maksudkan adalah segi radioaktif. Untuk pengetahuan Dewan setakat hari ini mengikut kajian yang dilakukan, kesannya tidak membahayakan, tidak ada kesan yang menunjukkan membahayakan kesihatan. Malah kementerian ini telah meminta Suruhanjaya Komunikasi untuk meneruskan kempen-kempen penerangan khasnya kepada kawasan-kawasan yang mana di bandar terutamanya bagi golongan-golongan yang bimbang akan sinaran radioaktif ini yang mana kempen-kempen kesedaran di peringkat sekolah, pusat-pusat pengajian tinggi dan kami juga menyediakan *booklet* supaya masyarakat tidak bimbang akan masalah kesihatan yang bakal diwujudkan atau dilahirkan daripada menara-menara telekomunikasi yang ada di kawasan-kawasan perumahan mereka. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Ahmad bin Hussin.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya Yang Berhormat Menteri ialah apakah isi kandungan garis panduan bagi membina menara pemancar telekomunikasi dan struktur pemancaran, itu yang pertama. Kedua, menara pemancar telekomunikasi di kawasan luar bandar telah sedikit sebanyak merosakkan pemandangan yang begitu indah. Adakah KTAK bercadang untuk memperkenalkan satu bentuk menara yang lebih estetika dan menarik? Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Dewan pada masa ini kementerian ingin memaklumkan bahawa setiap menara yang hendak didirikan di mana-mana kawasan, ia perlu memenuhi piawaian-piawaian yang telah ditetapkan oleh Majlis Daerah bagi sesuatu kawasan. Makna dari segi keselamatan dan sebagainya perlu diambil kira sebelum *tower* itu dibina, sebelum menara itu dibina, ini yang pertama. Keduanya, kementerian juga sedar banyak kadang-kadang di bandar-bandar bukan sahaja menara-menara itu agak tidak sedap mata memandangi tetapi kadang-kadang terdapat banyak pemancar-pemancar yang berada di atas-atas bangunan yang kadang-kadang tidak berapa cantik.

Jadi kementerian telah meminta supaya Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia membuat perbandingan dengan negara-negara lain bagaimana kaedah-kaedah mereka untuk memastikan bahawa menara-menara pemancar ini dan juga pemancar-pemancar yang berada di bangunan ini supaya tidak nampak sangat, dia ada *camouflage* supaya dia nampak lebih cantiklah. Hari ini kita lihat juga kadang-kadang telah ada menara-menara *tower* yang kita nampak macam pokok kadang-kadang, cuma nampak sedikit sahaja dia punya pemancar. Ini perkara-perkara pembaikan yang telah dilakukan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia.

Akan tetapi pada masa yang sama pemancar-pemancar yang ada di atas bangunan-bangunan yang kita lihat kadang-kadang berselerak di atas sesuatu bangunan yang perlu kita tangani iaitu bagaimana untuk mencari kaedah supaya menara-menara itu tidak memberatkan mata memandangi. Jadi ini yang kita lakukan hari ini dan kita ingin mengikut jejak langkah negara-negara lain yang dapat menyorok pemancar-pemancar mereka supaya mata sedap memandangi. Terima kasih.

4. Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin minta Menteri Pelajaran menyatakan, apakah usaha-usaha yang telah dijalankan bagi memastikan tenaga pengajar di Institut Pengajian Guru (IPG) mempunyai kelulusan peringkat Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD).

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, Bahagian Pendidikan Guru (BPG) dan Bahagian Tajaan Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia, telah menyediakan program pensarjanaan pensyarah iaitu di peringkat sarjana dan PhD melalui mod sepenuh masa dan separuh masa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai tahun 2008 sehingga 2012, unjuran bagiambilan pengajian sepenuh masa adalah 45 orang setahun bagi ijazah kedoktoran dan 50 orang setahun bagi peringkat ijazah sarjana. Sementara itu unjuran bagiambilan pengajian separuh masa bagi ijazah kedoktoran ialah 60 orang setahun dan 60 orang setahun bagi ijazah sarjana.

Ini bermakna dalam tempoh lima tahun ini kita akan melahirkan sejumlah 1,075 pensyarah yang mempunyai kelayakan sarjana atau Ph.D dan berbanding dengan jumlah pensyarah yang ada iaitu 3,871 orang kini, kita mempunyai 4% adalah yang berkelayakan Ph.D dan 76% pada masa sekarang pun mereka telah memiliki sarjana dan selebihnya 20% mereka memiliki ijazah pertama. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Hajah Samsiah selepas itu Datuk Abdul Rahman bin Bakar.

Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, apabila semua tenaga pengajar di IPG mempunyai kelulusan ijazah sarjana dan juga doktor falsafah, apakah harapan kementerian terhadap corak atau pola pendidikan negara kita dalam memenuhi tuntutan semasa? Terima kasih.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana yang pernah dibincangkan semasa pindaan Akta Pendidikan 1996, sebenarnya kita melihat IPG ini sebagai satu institusi yang bertaraf universiti. Ini bermakna dari segi kualiti pensyarah itu perlu kita titik beratkan. Sebab itulah sejak hari pertama apabila IPG dinaiktarafkan, kita sentiasa pegang dan memenuhi keperluan seperti mana yang telah disyaratkan di bawah kerangka kelayakan Malaysia iaitu *Malaysian Qualification Framework* seperti mana yang telah ditetapkan oleh MQA.

Terdapat sembilan bidang yang telah dititikberatkan. Sebab itulah apabila kita menyentuh tentang kelayakan ini, ianya amat penting kerana tanpa pengiktirafan daripada MQA bermakna IPG yang kita hendak beri perhatian ini, kualiti graduan itu apabila kita kata inya bertaraf universiti, ianya benar-benar menggambarkan kualiti melalui produk yang kita akan lahirkan.

Kedua apabila kita mempunyai pensyarah sepenuhnya mendapat Ph.D, apa yang akan terjadi kepada IPG? Kalau Yang Berhormat memerhatikan apa yang terdapat dalam pindaan itu, IPG ini bukan sekadar berfungsi melahirkan guru yang berijazah pertama. Ianya juga boleh melahirkan guru-guru yang mempunyai kelayakan sarjana dan malahan Ph.D. Dari segi kualiti guru itu juga kita tingkatkan. Kalau kita hendak jadi sebuah universiti, ianya mestilah rancak dan giat dalam aktiviti P&P iaitu dari segi R&D yang perlu kita lakukan. Saya rasa itulah antara perkara yang selepas kita telah mencapai, memenuhi syarat-syarat minimum, selepas itu akan kita naiktarafkan ianya menjadi satu IPG itu boleh melahirkan *post graduate* selepas mereka mendapat ijazah pertama. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya Datuk Abdul Rahman bin Bakar.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, sedikit masa dahulu kelulusan Ijazah Doktor Falsafah ataupun lain-lain yang keluar daripada pusat ataupun institut pengajian guru ini tidak dijamin untuk memperoleh pekerjaan. Apakah masalah ini telah pun dapat diatasi? Kalau belum, apakah langkah-langkah untuk menjamin bahawa lulusan daripada Institut Pengajian Guru ini memperoleh pekerjaan? Terima kasih.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya saya ingin membetulkan sedikit, setakat ini IPG belum lagi melahirkan mana-mana sarjana ataupun Ph.D, yang ada sekarang sebelum itu adalah diploma dalam bidang perguruan. Selepas itu kalau kita lihat dari segi setelah kita membuat satu keputusan untuk menubuhkan MOHE atau Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran, maka telah dibuat satu garis panduan yang begitu jelas sekali untuk latihan guru di peringkat sekolah menengah ianya diambil alih oleh universiti atau IPTA.

Selepas itu IPG hanya bertanggungjawab untuk sekolah rendah sahaja, bermakna isu itu tidak bangkit. Kedua, mengenai kelayakan yang akan dilahirkan oleh IPG. Ianya tidak ada masalah kerana apabila ditubuhkan MQA pada 2 November tahun lalu seperti mana yang diluluskan di Dewan yang mulia ini, ianya merupakan satu *authority* atau pihak berkuasa yang mengawal tentang kelayakan. Jadi itu memang dipantau oleh MQA yang mempunyai rangkaian dengan mana-mana badan yang melakukan pengiktirafan terhadap kelayakan akademik mana-mana universiti di dunia ini. Terima kasih.

5. Puan Heng Seai Kie minta Menteri Pengangkutan menyatakan, mengapakah berlakunya kelewatan menyiapkan kemudahan kereta api "*Double Rail Electronic*" antara Ipoh-Kuala Lumpur. Projek ini telah dijadualkan siap pada Jun 2007 tetapi kini hanya boleh disempurnakan pada tahun 2010.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Seri Panglima Lajim Ukin]: Tuan Yang di-Pertua, projek landasan kembar trek Rawang-Ipoh telah siap sepenuhnya pada 31 Disember 2007.

■1040

Pada masa ini, perkhidmatan penumpang barang yang beroperasi di landasan tersebut adalah menggunakan lokomotif diesel. Walau bagaimanapun perkhidmatan penumpang akan menggunakan elektrik transit atau ETS pada tahun 2010, apabila KTM menerima set berkenaan. Di samping itu, perkhidmatan komuter antara Rawang dan Rasa yang menggunakan set tren ataupun *Electrical Multiple Unit* (EMU), telah dilancarkan pada 21 April 2007. Manakala laluan antara Rasa dan Kuala Kubu Baharu akan dilancarkan pada 5 Januari 2008. Terima kasih.

6. **Dato' Haji Idris bin Haji Buang** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, adakah kerajaan berhasrat mengenakan ke atas IPTS untuk mewajibkan garis panduan atau *code of conduct* untuk mengawasi pelajar-pelajar asing di IPTS supaya mereka tidak melanggar undang-undang negara kita dengan sewenang-wenangnya dan agar mereka menghormati undang-undang, adat resam dan ketenteraman negara kita.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I [Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Haji Idris *versus* Idris. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap pelajar asing yang ingin belajar di negara ini, telah diberikan pendedahan tentang negara ini termasuk budaya, persekitaran, undang-undang, politik semasa dan juga masyarakat tempatan semasa promosi dilakukan oleh IPT itu sendiri.

Seterusnya, sebaik sahaja pelajar berkenaan mendaftar di institusi-institusi pengajian tinggi di peringkat tempatan, mereka akan dimaklumkan dan didedahkan kepada peraturan universiti dan undang-undang yang perlu dipatuhi semasa program suai kenal, ataupun program orientasi di institusi pengajian tinggi masing-masing. Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, setiap IPTS juga mempunyai peraturan-peraturan sendiri bagi mengawal disiplin dan tata kelakuan pelajar-pelajar termasuk pelajar-pelajar asing tidak terkecuali.

Berdasarkan kepada peruntukan dalam IPTS(1) Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta, Akta 555, Ketua Eksekutif yang dilantik *Vice Chancellor* ataupun Presiden-presiden sebuah universiti, hendaklah bertanggungjawab bagi disiplin dan tatalaku pelajar-pelajarnya. Bagi IPTS yang diberi kelulusan KDN bagi merekrut pelajar antarabangsa, salah satu syarat yang perlu dilaksanakan oleh IPTS berkenaan ialah mengadakan *handbook*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *International Student Handbook*, untuk diberikan kepada setiap pelajar antarabangsa di IPTS masing-masing dan antara lain, isi buku tersebut adalah dijadikan panduan kepada pelajar-pelajar dari segi peraturan-peraturan kolej, undang-undang serta cara-cara tata budaya di Malaysia dan sebagainya semasa pelajar berada di IPTS.

Untuk makluman selanjutnya, walaupun usaha dan langkah yang perlu telah pun diambil, namun pada masa ini dilihat ada kekurangan keberkesanan sana sini, di mana sering terdengar kes-kes yang menyalahi undang-undang yang dilakukan oleh kumpulan pelajar antarabangsa. Pihak kementerian percaya tatacara dan undang-undang negara yang sedang berkuat kuasa pada masa ini dapat membendung masalah-masalah tersebut. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Satu soalan tambahan..

Timbalan Yang di-Pertua: Lepas itu, Datuk Soon.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana jawapan yang diberi itu boleh dikatakan memuaskan, tetapi sekiranya ada langgaran undang-undang oleh mana-mana pelajar asing, yang mengakibatkan sama ada jenayah ataupun sivil, maka apakah jaminan yang kita dapat? Dari segi sivil saya rasa ada rumit sikit, dari segi jenayah, kerajaan ataupun badan berwajib boleh mengambil tindakan seperti polis dan sebagainya.

Dari segi sivil, apakah jaminan rakyat kita, rakyat Malaysia atau individu ataupun siapa sahaja entiti lain. Apa jaminan yang mereka dapat daripada pelajar asing ini untuk mendapatkan pampasan atau apa jualah, sekiranya ada pelanggaran sivil terhadap mereka. Kalau mereka balik diekstradisikan, maka si individu yang dianiaya itu mungkin tak dapat apa-apa. Itu yang saya hendak tanya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Idris. Suka saya maklumkan juga kepada Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini keseluruhan pelajar antarabangsa yang berada di negara kita adalah berjumlah 66,782 orang, suatu angka yang besar dan sasaran kementerian untuk mencapai 100,000 ribu pada tahun 2010.

Saya percaya apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi di dalam kiraan kementerian, di mana, banyak kes jenayah telah pun berlaku dewasa ini yang melibatkan pelajar-pelajar antarabangsa, di antara sebabnya adalah kejutan budaya yang mereka telah terima apabila mereka sampai ke negara kita, walaupun program-program pendedahan telah pun dilakukan.

Merujuk kepada persoalan Yang Berhormat tadi, iaitu lindungan yang boleh diberikan kepada masyarakat di negara kita, apabila pelajar-pelajar antarabangsa ini terlibat dengan kes-kes sivil. Saya yakin dari komitmen yang telah diberikan oleh negara-negara yang menghantar pelajar-pelajar antarabangsa ini, saya sendiri telah bertemu dengan beberapa Timbalan Menteri dan juga Menteri daripada negara-negara yang banyak menghantar pelajar mereka di sini.

Mereka memberikan jaminan yang pelajar-pelajar mereka perlu mematuhi segala undang-undang sama ada ianya berkaitan dengan jenayah dan sivil dan jika berlaku kes-kes ini pihak negara berkenaan, mengambil tanggungjawab penuh di atas salah laku pelajar-pelajar mereka. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Soon Tian Szu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah, sejauh manakah kebenaran sesuatu laporan internet yang menyatakan masalah cuaca, makanan dan kekurangan kemudahan teknologi dikenal pasti sebagai antara penghalang kepada pelajar asing untuk belajar di pusat IPTS di negara ini? Terima kasih.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Soon Tian Szu di atas..

Timbalan Yang di-Pertua: Daripada Melaka..

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Daripada Melaka Tuan Yang di-Pertua, kalau saya pakai bahasa Melaka pun, dia boleh faham. Tuan Yang di-Pertua, kenyataan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Datuk Soon tadi, sebenarnya memang di bawah perhatian Kementerian Pengajian Tinggi dan bukan sahaja itu Yang Berhormat, ada juga yang menyatakan masalah masyarakat majmuk, kemajmukan masyarakat di negara kita juga menjadi salah satu daripada sebab antara masalah-masalah yang timbul di kalangan pelajar antarabangsa ini.

Suka saya nyatakan di sini bahawa cuaca, makanan dan juga kecekapan pengurusan ICT ini, tidak menjadi masalah kepada pelajar-pelajar antarabangsa kerana kita dapati peningkatan penambahan bilangan pelajar-pelajar antarabangsa yang telah melamar untuk menuntut di negara kita. Saya telah sebutkan angka tadi Yang Berhormat, jadi suka juga saya sebutkan di sini bahawa negara-negara yang paling besar menghantar pelajarinya di sini ialah seperti negara Indonesia, negara China, negara Iran, negara Nigeria, dan semalam Timbalan Menteri dari Yaman sendiri telah menyatakan kekaguman mereka terhadap segala kemudahan termasuklah dari segi kejujuran dan kemesraan masyarakat di negara kita.

Keenakan makanan, kepelbagaian cuaca dan juga kelengkapan infrastruktur ICT negara kita telah menyebabkan negara Yaman sendiri menjanjikan penambahan pelajar 500 orang akan dihantar ke negara kita. Suka saya maklumkan kepada Yang Berhormat, Universiti Teknikal Melaka adalah salah satu daripada sasaran mereka. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

7. Dato' Wan Nordin bin Che Murat minta Menteri Pelancongan menyatakan, kriteria-kriteria yang diguna pakai oleh pihak kementerian di dalam memberi peruntukan pembangunan bagi produk-produk pelancongan di setiap negeri di Malaysia.

■1050

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, semua projek-projek yang dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan adalah berdasarkan kepada permohonan dari negeri-negeri dan kelulusan dibuat oleh Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri. Antara kriteria-kriteria bagi permohonan projek-projek adalah seperti berikut:

- (i) projek yang dipohon mestilah mempunyai tapak dan tidak ada masalah berbangkit berkaitan dengan tapak projek. Tapak seharusnya dimiliki oleh kerajaan. Jika ada tapak yang melibatkan masalah setinggan dan bayaran pampasan, ianya perlu diselesaikan dan dibayar oleh pihak kerajaan negeri terlebih dahulu;

- (ii) projek-projek yang dicadangkan adalah hasil perakuan penemuan daripada kajian-kajian pelancongan yang telah dilaksanakan sebelum ini;
- (iii) projek-projek yang mempunyai pertalian dengan lain-lain projek pelancongan sedia ada di kawasan yang dicadangkan supaya ianya boleh dipakejkan dan memberi impak kepada industri pelancongan negara;
- (iv) projek yang termasuk dalam pelan ekopelancongan; dan
- (v) projek-projek yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri.

Semua cadangan projek oleh agensi negeri hendaklah dibuat melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) atau Pejabat Pembangunan Persekutuan (PPN). Seterusnya pihak UPEN dan PPN akan membuat pertimbangan dan persetujuan setelah projek disetujui, barulah boleh dikemukakan pada Kementerian Pelancongan untuk diperlakukan kepada pihak Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Wan Nordin selepas itu Puan Hajah Wan Ramlah.

Dato' Wan Nordin bin Che Murat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah bagaimanakah kementerian mengenal pasti produk-produk pelancongan ini dan bagaimana ini merancang memasarkan produk-produk pelancongan ini.

Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib: Yang Berhormat, produk-produk ini dipilih oleh kerajaan negeri dan kerajaan negeri berikan kepada kementerian. Kalau dipersetujui oleh kementerian dan juga Unit Perancang Ekonomi, barulah dilaksanakan. Pasaran lain, ini pasal kriteria-kriteria, tidak terlibat dengan soalan ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Berkenaan pembangunan projek pelancongan tidak melibatkan pemasaran pelancongan.

Dato' Wan Nordin bin Che Murat: Itu soalan tambahan saya, bagaimana memasarkan produk-produk ini.

Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib: Saya akan kemukakan jawapan ini kepada Yang Berhormat secara bertulis sebab dia tidak termasuk dengan soalan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Puan Hajah Wan Ramlah.

Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya, apakah strategi yang akan diambil oleh kementerian untuk menarik pelancong datang ke negara kita dalam situasi kegawatan ekonomi global serta nyatakan sasaran pelancong yang akan melawat negara kita pada tahun 2009. Terima kasih.

Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib: Sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, soalan ini soalan tambahan yang tiada kena mengena dengan soalan yang asal. Jadi kalau boleh saya kemukakan jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

8. Datuk Akbar bin Ali minta Menteri Pembangunan, Usahawan dan Koperasi menyatakan, sasaran yang hendak dicapai pada tahun 2010, 2015 dan 2020 dalam usaha untuk mewujudkan MPPB dan STI di pelbagai bidang serta tahap pencapaian masing-masing pada akhir Oktober 2008 dan usaha pihak swasta dan bukan bumiputera dalam sama-sama menjayakan usaha tersebut.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, soalan ini merangkumi tiga persoalan sebenarnya. Izinkan saya baca agak panjang sedikit jawapan ini kerana dia mempunyai tiga persoalan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan, kalau boleh ringkaskan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ringkaskan, ya saya cuba. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan, Usahawan dan Koperasi bertanggungjawab dalam membangunkan usahawan bumiputera dan koperasi dalam pelbagai bidang dan industri selaras dengan hasrat mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera. Selain itu MeCD juga bertanggungjawab dalam membangunkan golongan profesional bumiputera dalam pelbagai bidang selari dengan keperluan pembangunan sains teknologi dan inovasi negara atau STI.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, sehingga tahun 2010, MeCD menasarkankan untuk melahirkan seramai 150,000 usahawan baru dalam pelbagai bidang di samping meningkatkan keupayaan dan kapasiti 25,000 *enterprise* yang sedia ada. Sehingga tahun 2015 pula menerusi Rancangan Malaysia Kesepuluh, MeCD menasarkankan untuk melahirkan seramai 160,000 usahawan baru di samping memantapkan 27,500 usahawan sedia ada.

Melalui Rancangan Malaysia Kesebelas, MeCD berhasrat untuk melahirkan seramai 175,000 usahawan baru di samping membantu melonjakkan kapasiti 30,000 usahawan yang sedia ada. Bagi mewujudkan lebih ramai golongan menengah bumiputera, MeCD menasarkankan untuk membangunkan seramai 75,000 sumber manusia profesional dalam pelbagai bidang seperti kejuruteraan, perubatan, teknologi maklumat dan seni bina dalam tempoh RMK-9. Bagi RMK-10 pula, MeCD berhasrat untuk membangunkan seramai 80,000 sumber manusia profesional manakala bagi RMK-11, seramai 90,000 sumber manusia profesional akan dibangunkan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi penyampaian sehingga Oktober 2008 seperti yang ditanya, seramai 95,395 usahawan baru telah berjaya dibangunkan terutamanya melalui program-program pembiayaan perniagaan. Manakala 15,680 *enterprise* sedia ada pula telah berjaya dimantapkan melalui program-program pemantapan seperti *grooming*, peningkatan kualiti produk, menaik taraf lesen untuk usahawan pengangkutan dan pembinaan serta promosi dan pemasaran. Sementara itu menerusi program-program pendidikan tinggi dan penganjuran pelajaran di bawah Majlis Amanah Rakyat, seramai 46,188 sumber manusia profesional telah berjaya dibangunkan dalam tempoh yang sama.

Untuk soalan yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, kementerian sedar bahawa penglibatan pihak swasta dan bukan bumiputera dalam memenuhi visi dan misi dasar MeCD masih kecil dan terhad. Namun begitu tidak dinafikan penglibatan pihak swasta dan bukan bumiputera turut menyumbang kepada pencapaian sasaran yang telah ditetapkan. Ke arah itu, pelbagai program dilaksanakan oleh MeCD terhadap usaha memperhebatkan peranan pihak swasta dan bukan bumiputera bagi membantu mempercepatkan kewujudan MPBB yang disasarkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Akbar Ali, selepas itu Datuk Ahmad Rosli.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Dato' Noh. Pertama sekali saya ucap tahniah kerana kementerian ini antara yang saya gembira kerana sekurang-kurangnya di muka surat 325 memasukkan *output*, memaparkan *output* ini yang relevan dengan kementerian bukan sekadar bilangan mesyuarat, bilangan surat yang ditulis sepanjang tahun.

Datuk Akbar bin Ali: Soalan saya ialah kalaulah saya dapat catatkan angka yang Dato' berikan tadi pada tahun 2010 sebanyak 150,000 disasarkan di samping 25,000 *enterprise* yang sedia ada. Begitu juga pada tahun 2020 secara cepat saya *calculate* kalau kita ambil bilangan penduduk bumiputera berumur 21 tahun dan ke atas, *percentage* nya menurun Yang Berhormat dari 1.8% kepada 1.6% pada tahun 2020.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat.

Datuk Akbar bin Ali: Jadi adakah sasaran itu menepati sasaran negara untuk memperbesarkan MPBB dan STI kerana dari segi *percentage* menurun dari 1.8% kepada 1.6%, terima kasih.

■1100

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Pertama sekali terima kasihlah ke atas penghargaan yang diberi kepada MeCD. Mengenai soalan Yang Berhormat, segala angka yang saya nyatakan tadi, ini ialah sasaran.

Seperti dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, walaupun kita ada sasaran kita tetapi kita tidak nafikan selalunya kita tak dapat capai 100% seperti angka-angka yang saya sebut tadi. Kalau ikut perangkaan yang saya sebut tadi dalam *target* kita dalam RMK-9 ini, kita yakin sekurang-kurangnya kita boleh capai ke tahap 90%.

Namun demikian, kita akan terus berusaha untuk kita memastikan terutamanya sasaran kita ialah golongan belia dan juga siswazah untuk menjadi usahawan dan kita juga sedar bahawa untuk mencapai sasaran yang saya sebut tadi bukannya perkara yang mudah. Lebih-lebih lagi kami di pihak MeCD ialah merupakan agensi yang memberikan pembiayaan kepada usahawan dan hari ini kita lihat salah satu sebab mengapa sukar kita nak melahirkan usahawan dengan berjaya ialah kerana masalah modal dan juga masalah pasaran. Daripada masalah modal ini Yang Berhormat, kita sedar bahawa hari ini dan juga di masa-masa yang akan datang, dua faktor utama iaitu untuk mencari penjamin dan untuk mencari kolateral membolehkan untuk membuat pinjaman bukannya perkara yang mudah.

Oleh sebab itu kita akan berusaha untuk mencari jalan bagaimana dapat kita memberikan pembiayaan kepada usahawan-usahawan ini supaya mereka tidak dibebankan dengan syarat-syarat untuk mendapatkan penjamin dan juga untuk mendapatkan kolateral. Yang kedua, kita juga akan berusaha daripada sekarang seperti semalam Yang Berhormat, kita telah membuat MoU dengan institusi pengajian tinggi untuk kita melahirkan graduan-graduan di dalam bidang keusahawanan. Kita percaya kalau budaya dan minat usahawan ini kita tanam bukan saja daripada peringkat universiti malah hari ini kita dah mula pun daripada peringkat sekolah, dengan menubuhkan koperasi dan juga kelab-kelab usahawan di dalam sekolah dan di universiti juga kita akan teruskan aktiviti ini. Saya percaya ianya mungkin kita boleh capai melebihi daripada sasaran yang kita *target* kan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Haji Ahmad Rusli.

Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahim: Yang di-Pertua, dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri penglibatan pihak swasta adalah agak berkurangan. Soalnya, apakah setakat ini sambutan daripada syarikat GLC dan apakah masih lagi terdapat sistem payung dan juga sistem francais yang dilaksanakan oleh pihak kementerian.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk melaksana dan memperkasakan program pembangunan vendor seperti yang dinyatakan tadi, kita telah pun menggalakkan syarikat-syarikat GLC dan juga syarikat-syarikat swasta untuk mewujudkan sistem perniagaan secara vendor. Sebagai contoh, sehingga November 2008, sebanyak 17 buah GLC dan 20 buah MLC telah pun menyertai program ini dengan mewujudkan sebanyak 627 syarikat vendor dengan jumlah kontrak bernilai RM11.02 bilion.

Dalam masa yang sama, kementerian juga telah menubuhkan Majlis Pembangunan Vendor di mana menteri sendiri telah menjadi Pengerusi dan kita telah pun mengadakan mesyuarat dengan semua GLC untuk kita memantau supaya GLC-GLC ini akan benar-benar dapat melahirkan usahawan-usahawan melalui sistem vendor mereka. Yang kedua, melalui Perbadanan Nasional Berhad, kita menggalakkan sistem perniagaan francais. Dengan adanya sistem perniagaan ala francais ini, maka *master* francais akan dapat melahirkan lebih ramai lagi francais-francais.

Yang ketiga, kita juga telah pun mewujudkan majlis usaha sama tulen dengan niat kita untuk mewujudkan syarikat bumiputera dengan syarikat bukan bumiputera dalam usaha sama yang bersungguh-sungguh yang bersama-sama, bukan dalam usaha sama Ali Baba sahaja tetapi usaha sama tulen dengan harapan kita, syarikat-syarikat yang bergabung ini akan dapat peluang. Syarikat swasta akan dapat peluang kerja daripada pihak kerajaan dan dalam masa yang sama juga syarikat-syarikat bumiputera ini pula nanti akan dapat peluang memperoleh kerja-kerja di dalam syarikat-syarikat swasta yang hari ini banyak dimonopoli oleh syarikat-syarikat bukan bumiputera.

Jadi dengan usaha-usaha yang kita adakan ini, kita percaya dalam negara kita yang berbilang kaum, kita mestilah mendapat bantuan antara satu sama lain dan antara kaum hendaklah tolong-menolong supaya kita dapat mencapai hasrat kerajaan, melahirkan masyarakat yang lebih harmoni dan juga sejahtera. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

9. **Tuan Rawisandran a/l Narayanan** minta Perdana Menteri menyatakan, memandangkan peratus kelulusan pelajar dalam peperiksaan SPM, STPM (mendapat gred A dalam semua mata pelajaran) semakin meningkat setiap tahun, pihak ibu bapa dan wakil masyarakat berpendapat bahawa pelajar-pelajar cemerlang seperti ini perlu diberi pengiktirafan sewajarnya tanpa mengira bangsa dan agama. Justeru itu, adakah kementerian berhasrat untuk memberikan bantuan biasiswa (JPA) kepada semua pelajar yang terlibat tanpa sebarang batasan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan pada dasarnya sentiasa berusaha untuk membangunkan sumber manusia yang berpengetahuan, terlatih dan kompeten untuk memenuhi keperluan strategi sektor awam dan negara. Justeru, kerajaan telah menawarkan biasiswa kepada semua pelajar cemerlang daripada pelbagai kaum tanpa mengira bangsa dan agama. Pada tahun 2008, JPA telah menyediakan 2000 biasiswa untuk pelajar-pelajar cemerlang melanjutkan pelajaran ke luar negara di peringkat ijazah pertama dan 10,000 biasiswa untuk menaja pelajar di institusi pengajian tinggi tempatan di bawah program ijazah dalam negara.

Namun demikian, tidak semua pelajar cemerlang mendapat peluang penajaan kerajaan untuk melanjutkan pengajian ke pusat-pusat pengajian tinggi kerana bilangan penajaan yang disediakan adalah terhad. Itu saja.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Rawisandran, selepas itu Ir. Haji Zamri.

Tuan Rawisandran a/l Narayanan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat sedia maklum bahawa hospital kerajaan sentiasa kekurangan doktor dan pakar tertentu. Soalan tambahan saya, apakah kerajaan tidak boleh membentuk satu dasar di mana semua pelajar aliran sains yang layak mengikuti kursus perubatan dan setaraf sama ada di luar negara atau dalam negara diberi pinjaman JPA 100% tanpa mengira kaum.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Berkenaan dengan penetapan dasar itu, saya rasa tidak ada kena mengena dengan JPA. JPA kita hanya menyediakan biasiswa. Jadi terpulanglah kepada pihak-pihak atau kementerian-kementerian lain yang mencadangkan sama ada pengajian tinggi dan sebagainya. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, berkenaan dengan pelajar-pelajar yang kita hantar ke luar negeri, kita mempunyai masalah seperti yang beberapa kali saya telah maklumkan dalam Dewan yang mulia ini terutama sekali dalam bidang perubatan, mereka-mereka yang dihantar ke luar negara masih ramai yang tidak pulang.

Seramai 235 orang sampai sekarang ini tidak pulang dan setiap orang yang kita belanja itu, kos perbelanjaannya adalah lebih kurang RM1 juta. Jadi maknanya kita banyak kena belanja dan mereka-mereka ini tidak pulang ke negara kita. Ini banyak masalah-masalah lain. Berkenaan dengan kerajaan, tanggungjawab kita, kalau kita tengok dari segi perbelanjaan dan bilangan pelajar, pada tiap-tiap tahun telah meningkat dengan begitu besar sekali. Umpamanya kita ambil pada tahun 2005, pelajar dalam negara yang ditaja oleh JPA ialah seramai 5,286 orang iaitu dalam masa lima tahun. Sekarang ini lepas dalam masa tiga tahun sahaja sudah meningkat kepada 10,000 orang.

Maknanya sudah berapa kali ganda kita hantar dan perbelanjaan pada ketika tahun 2005, kita membelanjakan RM637.7 juta dan kalau kita tengok pada tahun lepas, kita berbelanja RM1.263 bilion iaitu maknanya dua kali ganda kita berbelanja. Jadi banyak masalah yang kita kena ambil kira berkenaan dengan penghantaran pelajar ini daripada segi tempat, kursus-kursus yang ditawarkan dan masalah-masalah yang dihadapi oleh JPA. Kalau kita hantar lebih ramai pun tapi kalau ramai yang tak balik pun masalah kepada kita. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya Ir. Haji Zamri.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga Timbalan Menteri. Jadi memang pelajar cemerlang perlu dipermudahkanlah peluang untuk meneruskan pengajian.

■ 1110

Pertanyaan tambahan saya ialah apakah kementerian sedar dan mengambil inisiatif untuk koordinat semua sumber biasiswa dalam negara. Maksud saya selain daripada JPA yang ditawarkan oleh kerajaan dan sebagainya, juga sumber-sumber daripada syarikat-syarikat swasta, yayasan dan sebagainya agar peluang mendapat bantuan biasiswa untuk pelajar-pelajar cemerlang ini lebih luas dan lebih ramai, dan di nisbah yang kita lihat nanti lebih besar daripada dua ribu sahaja oleh JPA. Sekian, terima kasih.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi berkenaan dengan kementerian-kementerian lain, saya tidak dapat memberi jawapan tetapi sebagaimana yang saya maklum, sekiranya JPA sendiri mempunyai peningkatan yang begitu besar. Saya rasa dalam GLC, Tenaga Nasional, Petronas dan lain-lain juga menawarkan biasiswa yang berlipat ganda pada tiap-tiap tahun. Walau bagaimanapun kita kena ingat bahawa dalam soal pemilihan ini, memang kita pilih yang terbaik kerana sekarang kalau kita lihat keputusan-keputusan, keputusan SPM, STPM, 5A kah, 10A, 10A1 itu perkara biasa sekarang ini.

Jadi daripada situ, selain daripada kelayakan akademik, kita juga melihat kalau JPA kita melihat dari segi sosioekonomi, latar belakang keluarga ketika dia datang untuk *interview* dan juga kokurikulum. Jadi banyak lagi aspek-aspek selain daripada kecemerlangan yang kita pilih, banyak lagi faktor-faktor lain yang kita ambil kira untuk pemilihan pelajar-pelajar ke luar negara. Terima kasih.

10. Dato' Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, statistik kes penculikan bayi dan kanak-kanak.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Dato' Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin yang telah mengemukakan soalan pada pagi ini. Bagi makluman Yang Berhormat, jumlah kes culik mengikut jantina bagi tahun 2006 ialah sebanyak 11 kes terdiri daripada lelaki seramai lima orang dan perempuan seramai enam orang.

Bagi tahun 2007 pula, sebanyak 10 kes dilaporkan iaitu enam kes melibatkan bayi ataupun kanak-kanak lelaki dan empat perempuan. Manakala bagi tempoh bulan Januari hingga Oktober tahun ini, sebanyak 22 kes culik dilaporkan di seluruh negara melibatkan enam lelaki dan 16 orang perempuan. Jika dilihat dari segi umur, kes culik yang melibatkan mangsa berumur kurang daripada satu tahun, tiada kes dilaporkan pada tahun 2006, satu kes pada tahun 2007 dan tiga kes bagi tempoh Januari hingga Oktober tahun 2008. Manakala bagi kes culik melibatkan mangsa berumur dalam lingkungan satu hingga tujuh tahun. Sebanyak lapan kes dilaporkan pada tahun 2006, tiga kes pada tahun 2007 dan tujuh kes dilaporkan pada tahun yang sama pada tahun 2008.

Jumlah kes penculikan yang paling tinggi adalah melibatkan mangsa berumur 12 hingga 16 tahun di mana sebanyak 11 kes dilaporkan bagi tempoh Januari hingga Oktober 2008. Manakala bayi Melayu mencatatkan jumlah penculikan tertinggi bagi tempoh yang sama tahun 2008 iaitu sebanyak 11 kes culik diikuti dengan Cina dan India, masing-masing sebanyak lima kes dan satu kes bagi bangsa-bangsa yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, bagi tahun 2006 sebanyak tujuh kes atau bersamaan 63.64% dari 11 kes penculikan berjaya diselesaikan oleh pihak polis. Bagi tahun 2007, jumlah kes penculikan kanak-kanak dilaporkan sebanyak 10 kes dan enam daripada kes tersebut berjaya diselesaikan oleh pihak polis. Manakala bagi bulan Januari hingga Oktober tahun ini, sebanyak 22 kes telah dilaporkan dan jumlah kes yang telah diselesaikan ialah sebanyak lima kes. Walau bagaimanapun, kesemua kes-kes yang belum selesai ini masih dalam siasatan pihak polis dan suspek-suspek yang telah disabit kesalahan dengan kes ini juga telah pun dituduh di mahkamah. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Hajah Siti Rokiah. Selepas itu Puan Mumtaz.

Dato' Hajah Siti Rokiah binti Haji Mohd. Zabidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah sekiranya kementerian membuat kajian, saya ingin tahu berapa peratuskah kanak-kanak yang diculik pertama untuk dijual atau didagangkan? Kedua, berapa peratuskah menuntut wang tebusan? Ketiga, berapa peratuskah dijadikan peminta sedekah? Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Hajah Siti Rokiah. Bagi makluman Yang Berhormat, pada siasatan pihak Polis Diraja Malaysia, didapati bahawa tidak mempunyai perangkaan yang khusus mengenai sebab-sebab kanak-kanak diculik tetapi dari segi permintaan wang tebusan, dalam lingkungan 3% dari kes culik ini adalah dianggap sebagai kes culik dengan tujuan untuk meminta wang tebusan. Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah memandangkan negara kita mempunyai kepakaran mesin bio metrik yang baik, adakah kerajaan bercadang untuk mewajibkan kad pengenalan MyKid kepada semua kanak-kanak di Malaysia bagi mengelakkan mereka diculik, yang pertama.

Kedua, adakah pihak PDRM akan menubuhkan unit khas atau skuad khas bagi menangani kes-kes culik memandangkan kes ini telah meningkat dengan begitu banyak? Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Hajah Mumtaz. Bagi makluman Dewan yang mulia ini, kad untuk kanak-kanak buat masa ini belum diadakan lagi tetapi ini adalah satu cadangan yang baik dan ini akan dibawa balik ke kementerian untuk dibincangkan dengan lebih mendalam. Dari segi *special squad* ini, saya ingin memberitahu bahawa dalam Bukit Aman ini memang terdapat satu skuad yang khusus untuk mengendalikan semua kes-kes yang bertanggungjawab dengan kes-kes penculikan kanak-kanak ataupun orang-orang ataupun rakyat yang dianggap hilang, ini memang sudah ada tetapi yang penting sekali ialah buat masa ini pihak Polis Diraja Malaysia sedang menjalankan dengan giat iaitu dari segi pendedahan maklumat-maklumat kepada rakyat kita.

Pertama supaya rakyat kita lebih prihatin terhadap keselamatan anak-anak sendiri, pada masa yang sama juga kita ingin mendidik supaya masyarakat kita lebih prihatin pula terhadap persekitaran tempat kita tinggal khususnya kita harus mempunyai semangat kejiranan di antara kita semua. Supaya jika ada kes-kes culik berlaku, lebih senang bagi pihak polis untuk menjalankan siasatan sebab dalam kes-kes yang dilaporkan hilang ataupun diculik, pihak polis memang menghadapi banyak masalah. Salah satu masalah yang dihadapi oleh pihak polis ialah semangat rakyat kita ini, mereka kurang minat hendak datang tampil ke hadapan untuk bekerjasama dengan pihak polis. Ini adalah salah satu masalah yang dihadapi oleh pihak polis.

Kita sedang menjalankan program-program ini dan kita haraplah dengan kerjasama di antara pihak polis dengan rakyat kita, rakyat majmuk yang datang dari satu komuniti, kita bolehlah mengurangkan kes-kes culik di negara ini. Sekian, terima kasih.

11. Tuan Khoo Soo Seang minta Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan, adakah kementerian bercadang untuk menggubal Akta Perhubungan Kaum sebagai pengganti Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Timbalan Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Tuan Teng Boon Soon]: Tuan Yang di-Pertua, di dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada 10 September 2008 yang lalu, Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan telah diminta menyusul pandangan tentang kewajaran kerajaan mempertimbangkan kewujudan akta mengenai perhubungan antara kaum untuk membendung sentimen perkauman seperti mana yang dilaksanakan di negara-negara tertentu yang mempunyai masyarakat majmuk.

Akta Hasutan tahun 1948 mungkin telah ketinggalan dengan mengambil kira perkembangan masa kini walaupun ia telah dipinda beberapa kali sejak mula diwujudkan dalam tahun 1948. Cadangan perwujudan Akta Hubungan Kaum perlu dikaji dan diteliti dengan mendalam agar ianya tidak bercanggah dengan fasal-fasal dalam Perlembagaan Persekutuan serta undang-undang sedia ada.

■1120

Selain itu juga, cadangan perwujudan akta ini telah menimbulkan pelbagai reaksi dari pemimpin-pemimpin badan-badan sukarela, ahli-ahli politik yang masing-masing memberikan pandangan ke atas rasional perwujudannya. Kementerian ini telah mengambil tindakan mengkaji dan meneliti keperluan untuk mewujudkan akta tersebut melalui langkah-langkah ini. Pertama, Mesyuarat Panel Penasihat Perpaduan Negara yang telah diadakan pada 18 Oktober 2008 di Kota Kinabalu Sabah. Mesyuarat ini adalah untuk membincangkan perkara ini, dan yang kedua perbincangan meja bulat sehari mengenai usulan penggubalan Akta Hubungan Ras di Malaysia. Nilai murni ataupun perundangan sebagai asas kawalan tajuknya.

Ia dianjurkan oleh Institut Kajian Etnik - Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), pada 30 Oktober 2008. Ketiga mengatur pertemuan dengan pemimpin-pemimpin NGO's, pemimpin masyarakat ulasan di media cetak, elektronik serta pandangan segolongan orang awam. Namun, walau apa pun keadaannya sehingga kini masih belum terdapat persetujuan yang jelas sama ada akta ini perlu diwujudkan atau sebaliknya. Ini kerana terdapat akta-akta lain yang kandungannya mempunyai maksud yang sama dengan Akta Hubungan Kaum yang dicadangkan. Akta Keselamatan Dalam Negeri dan Akta Hasutan 1948 umpamanya merupakan akta yang terdekat dengan mirip kepada Akta Hubungan Kaum yang dicadangkan itu. Cuma perlu dimantapkan dari segi pelaksanaan dan penguatkuasaannya.

Di samping itu, isu-isu semasa hubungan kaum yang berbangkit dan dibincangkan juga perlu diteliti dengan lebih mendalam sebelum sebarang keputusan diambil mengenai perwujudan akta ini. Justeru, sesuatu isu itu ada yang dikaitkan dengan isu ketidakstabilan politik, kelemahan pelaksanaan sesuatu dasar yang berkaitan dengan ekonomi, pendidikan, perundangan, sosial mahupun perpaduan yang mendorong golongan tertentu untuk mengambil kesempatan memperjuangkannya. Kemungkinan juga isu-isu yang berbangkit itu dikaitkan dengan kelemahan penerapannya nilai-nilai dan kelemahan tentang spirit penggubalan Perlembagaan Persekutuan dahulu atau nilai-nilai kenegaraan yang terkandung di dalam Rukun Negara itu diabaikan.

Model kepimpinan negara dari dahulu lagi banyak tertumpu kepada model perbincangan dan perundingan yang perlu dijadikan contoh. Modal ini telah digunakan oleh pengasas-pengasas kemerdekaan negara yang bersifat *inclusive* dan *accommodative* dengan memberi tempat dan ruang kepada semua untuk meluahkan keresahan di mana matlamat akhirnya adalah untuk membina dan mewujudkan masyarakat yang bersatu padu bagi negara yang kukuh. Terima kasih.

Tuan Khoo Soo Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan saya juga ucapkan syabas kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi jawapan yang begitu komprehensif. Soalan tambahan saya ialah, adakah kajian dan pungutan maklum balas tentang Akta Hubungan Kaum sudah selesai? Bilakah ia boleh dikemukakan kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan dan keputusan? Soalan yang kedua adakah *Race Relations Act* di Britain, Australia dan Kanada akan dijadikan rujukan semasa menggubal Akta Hubungan Kaum negara kita? Sekian terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon: Tuan Yang di-Pertua, memang kajian tentang kewajaran Akta Hubungan Kaum itu sudah pun selesai di buat oleh kementerian ini. Ia dijangka akan dikemukakan untuk pertimbangan Jemaah Menteri dan juga keputusan muktamad Jemaah Menteri pada Januari tahun 2009. Berkaitan dengan rujukan kepada *Race Relations Act* negara-negara lain. Kementerian ini juga telah membuat rujukan ke atas *Race Relations Act 1976 amendment 2000* yang diguna pakai di Great Britain serta Akta Hubungan Kaum yang diguna pakai di Australia dan juga Kanada. Di mana kandungannya banyak menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan diskriminasi *race*. Warna kulit dan juga keturunan dan dengan sedemikian kementerian berpendapat bahawa akta ini kurang sesuai dicontohi dan diguna pakai di Malaysia kerana keperluannya amat berbeza dengan latar belakang masyarakat negara ini.

Puan Heng Seai Kie: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya sudah pun ditanya, yang sama, sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya nampak Tuan Ir. Haji Zamri ada bangun tadi. Beri peluang.

Tuan Ir. Hj Zamri Hj Yusuf: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya adalah akta-akta yang cuba digubal ini adalah lebih dekat kepada perbandingan dengan hukum iaitu lebih kepada menghukum. Jadi pertanyaan tambahan saya ialah apakah pendekatan yang lain yang lebih serius dan berterusan oleh Kementerian dalam menyemai kefahaman yakni perbezaan budaya di kalangan rakyat Malaysia? Justeru selain daripada sekadar berbentuk sambutan dan perayaan yang kita lihat banyak program sekarang tetapi agak kurang berkesan. Jadi saya mohon penjelasan tentang program-program yang lebih berterusan dan lebih menyemai kefahaman.

Tuan Teng Boon Soon: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya selain daripada saluran perundangan ataupun pendekatan perundangan ada juga banyak pendekatan yang lain yang boleh dirujukkan untuk menanam ataupun nilai-nilai murni misalnya. Selain daripada perundangan saya rasa, mungkin ia akan membawa kesan yang lebih luas, jauh dan mendalam jika kita bersama-sama mempromosikan ataupun menggalakkan amalan nilai-nilai murni. Nilai-nilai murni yang selama ini bukan sahaja dia diajarkan di sekolah-sekolah dan juga memang sedia wujud di dalam sistem nilai masyarakat kita. Jadi hanya kita pulang ke pangkal jalan untuk melihat kepada nilai-nilai murni ini. Kita sama-sama memujuk rakyat jelata khususnya pemimpin-pemimpin politik sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni ini. Justeru dengan cara itu dia akan *complement* apa yang kita cuba capai melalui pendekatan perundangan. Itu adalah satu pandangan daripada Kementerian ini juga. Terima kasih.

12. Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta Menteri Pembangunan, Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, jenis makanan yang disediakan untuk mangsa banjir dan apakah Kementerian memastikan makanan yang dimasak untuk mangsa banjir itu mempunyai zat mencukupi dan berkualiti.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Noriah binti Kasnon]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Armani binti Haji Mahiruddin. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) adalah bertanggungjawab membantu mangsa bencana seperti kebakaran, banjir, tanah runtuh dan lain-lain yang tertakluk di dalam arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) nombor 20.

■1130

JKM menyediakan peraturan tetap operasi pengurusan bantuan bencana atau SOP dengan izin, sebagai bantuan pengurusan mangsa bencana. Senarai bahan makanan kering yang dibekalkan kepada mangsa juga terkandung di dalam SOP tersebut. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, terdapat tiga tahap jenis bencana iaitu tahap satu, tahap dua dan tahap tiga.

Antara bahan makanan yang disenaraikan adalah seperti beras, telur, makanan dalam tin, ikan kering, susu, gula, biskut dan air mineral. Selain daripada itu, bahan makanan basah seperti sayur, ikan, ayam dan daging juga disediakan sekiranya pembekal dapat membekalkan bahan tersebut. Walau bagaimanapun, ianya adalah bergantung kepada kebolehcapaian di pusat-pusat pemindahan yang terlibat. Jenis makanan yang dimasak termasuklah nasi berlauk dua kali sehari, sarapan, minum pagi, minum petang dan minum malam.

Penyediaan makanan kepada mangsa di pusat-pusat pemindahan disediakan secara gotong-royong Yang Berhormat oleh pasukan petugas dan sukarelawan yang diuruskan oleh JKJ. Kementerian sentiasa berusaha memastikan makanan yang dimasak itu mempunyai zat yang mencukupi mengikut jadual dan menu yang disediakan tetapi dalam keadaan-keadaan darurat, ianya sudah semestinyalah dapat zat yang penuh seimbang. Akan tetapi, JKJ sentiasa memastikan ia mencukupi untuk mangsa-mangsa dan tahap kebersihan makanan yang disediakan di pusat-pusat pemindahan adalah terjamin. Sekian, terima kasih.

Datuk Armani binti Haji Mahiruddin: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memberi jawapan yang begitu jelas sekali. Walau bagaimanapun, saya mohon satu soalan tambahan. Apakah yang dimaksudkan dengan bencana tahap satu, dua dan tiga yang disebut oleh Yang Berhormat tadi?

Bolehkah mangsa-mangsa ini ditempatkan di hotel-hotel selain ditempatkan di dewan-dewan sekolah atau balai raya? Terima kasih.

Puan Noriah binti Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya Senator Datuk Armani. Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, bencana tahap satu adalah bencana di peringkat daerah iaitu di mana kejadian setempat yang terkawal dan tidak berpotensi untuk merebak. Ianya tidak begitu kompleks dan kemungkinan mengakibatkan kehilangan nyawa dan harta benda adalah kecil.

Bencana tahap satu ini tidak menjejaskan aktiviti harian penduduk secara meluas dan pihak berkuasa di peringkat daerah mempunyai tanggungjawab untuk mengawal dan mengatasi kejadian di tahap ini. Sementara bencana tahap dua adalah di peringkat negeri iaitu kejadian yang lebih serius meliputi kawasan yang luas dan melebihi daripada dua daerah dan berpotensi untuk merebak. Kemungkinan mengakibatkan kehilangan nyawa dan kemusnahan harta benda yang juga akan memusnahkan infrastruktur dan menjejaskan aktiviti harian masyarakat. Ianya bersifat lebih kompleks dari bencana tahap satu tadi dan menyulitkan dari segi usaha mencari dan menyelamatkan. Ianya dikendalikan oleh pihak berkuasa di peringkat negeri.

Sementara itu, untuk bencana tahap tiga, pula Yang Berhormat adalah di peringkat persekutuan di mana ianya berpunca daripada tahap bencana tahap dua yang bersifat lebih kompleks atau pun meliputi kawasan yang lebih luas dan kadang kala melebihi daripada dua buah negeri.

Untuk soalan yang satu lagi Yang Berhormat, sama ada kita boleh tempatkan mangsa-mangsa ini di hotel Yang Berhormat. Mungkin semua terbaca di akhbar pada baru-baru ini terdapat kejadian tanah runtuh yang menimbus 14 buah banglo. Walaupun atas budi bicara, terdapat daripada usaha kerajaan negeri menyediakan hotel De Palma atas bayaran 50% potongan tetapi itu adalah atas inisiatif mereka. Apa yang kementerian ini laksanakan Yang Berhormat adalah mengikut arahan Majlis Keselamatan Negara nombor 20 di mana proses penetapan sesuatu tempat sebagai tempat pemindahan adalah dikenal pasti oleh JKM dan kemudian diputuskan oleh Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Daerah.

Kalau di tahap dua oleh Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Peringkat Negeri. Biasanya tempat-tempat pemindahan yang kita pilih mengikut arahan MKN 20 ini adalah bangunan-bangunan yang merupakan bangunan awam seperti sekolah, balai raya, dewan orang ramai, dan sebagainya mengikut kesesuaian dan kemudahan yang sedia ada di sesuatu tempat penempatan penduduk yang berdekatan. Bangunan itu pastilah mesti selamat, tidak didedahkan kepada bencana tersebut, dan terdapat kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan elektrik, ari yang bersih, tandas, bilik air yang boleh berfungsi dan boleh diguna pakai dan ruangan yang mencukupi untuk menampung kapasiti mangsa dan kadang-kadang mesti terdapat kawasan yang lapang di sekeliling bangunan yang boleh dijadikan kawasan rekreasi atau yang memerlukan pemasangan khemah tambahan mengikut keperluan-keperluan semasa mangsa-mangsa yang terlibat. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

13. Ir. Haji Zamri bin Haji Yusof minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan, langkah promosi penggunaan NGV yang dijalankan, serta kaedah dan kajian terbaru yang dilaksanakan bagi tujuan menurunkan kos pemasangan sistem tersebut pada kenderaan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Jelaing anak Mersat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Kerajaan telah memperkenalkan beberapa insentif bagi menggalakkan penggunaan gas asli kenderaan atau NGV.

Antara insentif yang telah diambil adalah potongan cukai jalan sebanyak 25% bagi kenderaan yang menggunakan *bi-fuel* atau pun *dual-fuel*, dan 50% untuk mono gas. Dalam usaha untuk menggalakkan dan memperluaskan kemudahan NGV pula, kerajaan telah mengarahkan Petronas untuk membina 200 buah stesen NGV menjelang pada tahun 2008. Walau bagaimanapun, sehingga 30 November 2008 sebanyak 98 buah stesen NGV yang beroperasi iaitu 63 buah di Lembah Klang, 19 buah di Johor, enam buah di Negeri Sembilan, empat buah di Melaka dan dua di Pulau Pinang, Kedah dan Perak.

Manakala bakinya sebanyak 60 buah masih dalam pelbagai peringkat pembinaan dan 42 lagi sedang lokasi dalam peringkat analisa kesesuaian. Keutamaan akan diberikan kepada lokasi yang berdekatan dengan saluran paip gas. Selain daripada itu, kerajaan juga membantu pusat servis bagi perkhidmatan NGV melalui pengecualian 100% cukai import ke atas *conversion gate*, dengan izin.

Petronas NGV merupakan pihak yang bertanggungjawab dalam memantau dan menyelia pusat servis yang layak untuk mendapat pengecualian ini. Sehingga kini, sebanyak 58 buah pusat servis bagi perkhidmatan NGV telah beroperasi di seluruh negara. Asakan kepada kos bahan bakar alternatif yang sememangnya rendah iaitu 68 sen seliter jika di bandingkan dengan harga petrol serta insentif pengurangan kadar lesen kenderaan bermotor dinikmati oleh pengguna, maka kerajaan pada masa kini tidak bercadang untuk menetapkan harga kos pemasangan sistem NGV pada kenderaan. Sekian, terima kasih.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berdasarkan jawapan tadi memang kita menyedari ada sedikit masalah dalam mempromosikan NGV ini. Pertanyaan tambahan saya ialah apakah langkah lebih efektif yang boleh dilakukan oleh kementerian memandangkan pengguna juga menghadapi masalah untuk pemasangan ini kerana tidak banyak pusat jualan servis walaupun 200 disasarkan oleh Petronas menjelang akhir 2008 dan 58 pusat servis. Jadi seperti di Kedah, kita sudah nampak ada stesen minyak NGV tetapi kita tidak nampak ada pusat servis yang dipromosikan oleh kementerian. Jadi, kita minta supaya ada langkah yang lebih untuk memudahkan promosi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat.

■1140

Tuan Jelaing anak Mersat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Ini merupakan satu teguran yang kita terima dan kita akan bawa ini kepada mesyuarat tetapi walau bagaimanapun pihak kementerian memang bersungguh-sungguh hendak mempromosikan NGV ini dan menggalakkan lebih banyak lagi kereta menggunakan NGV. Walau bagaimanapun dalam menubuhkan satu-satu stesen ini banyak juga kajian yang perlu diadakan khasnya dari segi *safety*, dengan izin, ataupun keselamatan. Oleh kerana itu yang senang sedikit dibuat ini di kawasan-kawasan tersebut tadi lebih banyak lagi dan kawasan-kawasan lain yang dalam lingkungan yang 200 cadangan ini telah juga di dalam kajian adanya dalam peringkat tender ada juga yang dalam peringkat kajian awal seperti di Sabah dan di Sarawak. Terima kasih.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN 2008

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.41 pg.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Kong Cho Ha]: Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan suatu rang undang-undang yang bernama Rang Undang-undang Kewangan 2008 untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Setem 1949, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990. Rang undang-undang ini adalah bagi membolehkan pelaksanaan langkah percukaian yang diumumkan dalam Bajet 2009 di samping untuk melaksanakan urusan kerajaan yang memerlukan pindaan kepada akta-akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua saya memohon untuk menghuraikan setiap fasal di dalam rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini mempunyai 72 fasal yang dibahagikan kepada lima bab seperti berikut:

Bab I permulaan. Dalam bab permulaan terdapat dua fasal seperti berikut:

- (i) Fasal 1 menyatakan tajuk ringkas akta ini iaitu dikenali sebagai Akta Kewangan 2008; dan

- (ii) Fasal 2 menerangkan tujuan rang undang-undang ini iaitu untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Setem 1949, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990.

Bab II - Pindaan Akta Cukai Pendapatan 1967. Bab II mengandungi dua bahagian yang terdiri daripada 48 fasal iaitu fasal 3 hingga 40.

Bahagian I Bab 2 terdiri daripada 44 fasal iaitu fasal 3 hingga 46 dan bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 seperti berikut. Fasal 3 adalah bagi menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta tersebut. Kesemua pindaan kepada akta mempunyai tarikh kuat kuasa mulai tahun taksiran 2009 dan tahun-tahun taksiran berikutnya kecuali perenggan 45(a) mulai tahun taksiran 2008 dan tahun-tahun taksiran berikutnya. Seksyen 8, 9, 26, 28, 30, 31, 33, 34, 35, 36, perenggan 43(a) seksyen 44, Perenggan 46(b) dan Seksyen 47, 48, 49 dan 50 apabila berkuat kuasanya akta ini. Seksyen 5, 10, 15, 25, 37, 39, 40 dan 41 dan Perenggan 42(d) mulai 1 Januari 2000. Perenggan 42(c) daripada 1 Januari 2009 hingga 31 Disember 2011. Subperenggan 46(e)(3) bagi tahun taksiran 2009 dan 2010 dan seksyen 32 mulai tahun taksiran 2010 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

Fasal 4 bertujuan meminda seksyen 2 bagi memasukkan takrifan "*amended return*" yang berbangkit daripada pengenalan pindaan sendiri ke atas borang cukai pendapatan seperti yang akan dijelaskan dalam Fasal 21.

Fasal 5 bertujuan meminda perenggan 6(a)(i) supaya pendapatan yang diagihkan oleh Amanah Pelaburan Hartanah atau REITS kepada pemegang unit selain daripada syarikat pemastautin mengenakan cukai pada kadar seperti yang ditetapkan bahagian 10 Jadual 1. Bagi tempoh selama tiga tahun seperti dinyatakan dalam Fasal 40 dan memasukkan perenggan baru 6(1)(k) supaya lain-lain pendapatan yang diterima oleh bukan pemastautin dikenakan cukai di dalam bahagian 13 Jadual 1 pada kadar seperti yang dinyatakan dalam Fasal 42.

Fasal 6 bertujuan meminda rebat diri dari RM350 kepada RM400 bagi pembayar cukai yang mempunyai pendapatan cukai tidak melebihi RM35,000.

Fasal 7, 38 dan perenggan 45(b) bertujuan meminda seksyen 7 dan subperenggan 28(1) Jadual 6 berbangkit daripada pemotongan seksyen 130. Dengan pindaan ini individu warganegara Malaysia yang tidak bermastautin dan bertugas dalam perkhidmatan awam dikenakan cukai sebagai pemastautin.

Fasal 8 dan 9 bertujuan meminda seksyen 15 dan 15A untuk memperuntukkan bayaran yang dibuat oleh pihak berkuasa tempatan kepada bukan pemastautin disifatkan diperolehi dari Malaysia.

Fasal 10 bertujuan memasukkan seksyen baru 15B supaya laba atau keuntungan yang termasuk di bawah perenggan 4(f) disifatkan telah diperolehi dari Malaysia.

Fasal 11 bertujuan meminda seksyen 25 supaya fi pengarah atau bonus dikenakan cukai pada tahun diterima.

Fasal 12 adalah bertujuan meminda subperenggan 32(1)(a), (b)(i) untuk memperluaskan skop penentuan nilai pasaran saham bagi tujuan pengiraan amal manfaat skim saham pekerja atau *Employee Share Option Scheme, ESOS*. Bagi meliputi saham syarikat yang tersenarai di mana-mana bursa saham selain bursa Malaysia dan memasukkan sub seksyen baru 32(4) untuk tidak mengambil kira nilai ESOS bagi tujuan pengiraan nilai tempat kediaman yang disediakan percuma.

Fasal 13 bertujuan meminda Perenggan 34(6)(h) supaya skop projek amal dan komuniti yang layak mendapat keuntungan diperluaskan kepada projek bagi pemeliharaan atau pemuliharaan alam sekitar dan projek peningkatan pendapatan golongan miskin.

Fasal 14 bertujuan meminda perenggan 43(d) dan (e) dan subperenggan 46(d)(ii) berbangkit daripada pemotongan seksyen 31A Akta Menggalakkan Pelaburan 1986 berkuat kuasa mulai 31 Ogos 2007.

■ 1150

Fasal 15 bertujuan meminda perenggan 39(1)(j) untuk tidak membenarkan potongan kepada pembayar cukai yang tidak memegang amaun cukai bukan pemastautin berkenaan dan pendapatan yang termasuk di bawah perenggan 4(f).

Fasal 16 bertujuan untuk meminda subseksyen 46(6)(11B) dan (11c) supaya had kelayakan untuk potongan cukai ditingkatkan dari 7% kepada 10% daripada pendapatan agregat syarikat.

Fasal 17 bertujuan meminda seksyen 44A supaya kadar kerugian tahun semasa yang dibenarkan ditolak dalam layanan *group relieve* ditingkatkan daripada 50% kepada 70%.

Fasal 18 bertujuan meminda seksyen 53 supaya "Persatuan Profesional" dimasukkan ke dalam definisi "Persatuan Perdagangan".

Fasal 19 bertujuan memasukan seksyen baru 53A untuk mewujudkan satu peruntukan khas bagi memberi layanan cukai pendapatan yang khusus bagi kelab.

Fasal 20 bertujuan meminda seksyen 54A supaya keuntungan pendapatan perkapalan di cukai di peringkat pendapatan *statutory* dengan menganggap elaun modal sebagai dituntut.

Fasal 21 bertujuan memasukan seksyen baru 77B untuk membenarkan pembayar cukai membuat pindaan sendiri bagi kesalahan terkurang lapor pendapatan ataupun terlebih lapor perbelanjaan atau elaun modal.

Fasal 22 bertujuan memasukkan seksyen baru 91A yang berbangkit daripada kemasukan seksyen baru 77B. Dengan pindaan ini, penyata yang dipinda disifatkan sebagai notis taksiran atau taksiran tambahan.

Fasal 25 bertujuan memasukan seksyen baru 97A bagi memberi peluang kepada pembayar cukai membuat rayuan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan atau PKCP bagi kes yang tidak dikenakan cukai.

Fasal 26 bertujuan meminda Subseksyen 98(3) bagi membolehkan pelantikan Timbalan PKCP.

Fasal 27 bertujuan meminda subseksyen 103 untuk memasukan seksyen baru (1A) yang berbangkit daripada pengenalan pindaan sendiri ke atas borang cukai pendapatan seperti yang telah dijelaskan dalam Fasal 21. Amaun cukai asal atau tambahan berserta kenaikan cukai hendaklah dibayar pada masa borang pindaan sendiri dikemukakan. Tambahan kenaikan 5% akan dikenakan jika amaun cukai tidak dijelaskan dalam tempoh 60 hari dari tarikh ditetapkan untuk penghantaran borang penyata.

Fasal 28 adalah bertujuan meminda perenggan 104(1)(b) untuk memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri mengeluarkan perakuan menghalang seseorang daripada meninggalkan Malaysia jika dia gagal membayar jumlah cukai yang dinaikkan. Meminda perenggan 104(1)(c) untuk memberi kuasa kepada KP Lembaga Hasil Dalam Negeri, mengeluarkan perakuan menghalang seseorang daripada meninggalkan Malaysia jika tidak membayar Cukai Pegangan Bukan Pemastautin dan memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk mengeluarkan perakuan menghalang daripada meninggalkan Malaysia kepada seseorang yang merupakan pengarah syarikat.

Fasal 29 bertujuan meminda subseksyen 106(3) berbangkit daripada kemasukan subseksyen 103(1A).

Fasal 30, 31 dan perenggan 33(b), 34(b), 35(b) dan 36(b) masing-masing bertujuan meminda seksyen 107A, 107B, 109, 109B, 109D dan 109E untuk membolehkan Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri meremitkan jumlah cukai yang dinaikkan di bawah seksyen itu.

Fasal 32 bertujuan meminda seksyen 107C supaya kelonggaran bagi syarikat untuk tidak mengemukakan anggaran bagi dua tahun taksiran apabila bermulanya perniagaan tidak terpakai bagi syarikat yang mengawal atau dikawal secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat lain dan modal berbayarnya melebihi RM2.5 juta.

Fasal 37 bertujuan memasukkan seksyen baru 109(f) bagi mengadakan mekanisme untuk memegang cukai bukan pemastautin bagi pendapatan yang termasuk di bawah perenggan 4(f).

Fasal 39 bertujuan memasukkan seksyen baru 138C bagi membolehkan pembayar cukai membuat permohonan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri untuk pengiraan penentuan harga awal.

Fasal 40 memasukan seksyen baru 140A bagi mengadakan peruntukan khas berkaitan dengan konsesi antara pihak yang berkaitan khususnya mengenai penentuan harga pindaan atau *transfer pricing* dan permodalan tipis atau *thin capitalization*. Dengan peruntukan ini, Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri boleh menggantikan pindaan harga jika transaksi tersebut tidak dibuat mengikut prinsip selengan atau *arm's length*.

Fasal 41 bertujuan meminda perenggan 154(1) yang berbangkit daripada permodalan peruntukan bagi penentuan harga awam.

Fasal 42 adalah bertujuan meminda Jadual 1 seperti berikut, meminda Bahagian 1 untuk memperkenalkan kadar cukai baru bagi individu pemastautin dan bukan pemastautin. Di samping itu, pindaan ini juga bertujuan membendung pengelakan cukai dengan mendefinisikan semua syarikat kecil dan sederhana. Dengan pindaan ini, kadar cukai keutamaan tidak terpakai bagi syarikat yang mengawal atau dikawal secara langsung oleh syarikat lain yang modal berbayarnya lebih daripada RM2.5 juta. Meminda Bahagian IV untuk mengurangkan kadar cukai pendapatan koperasi.

Meminda Bahagian X bagi tujuan menurunkan kadar cukai pegangan ke atas pendapatan yang diagihkan kepada pegangan unit yang merupakan pelabur institusi asing dan pelabur itu masing-masing dari 20% dan 15% kepada 10% dan memasukkan Bahagian XII bagi menetapkan kadar cukai 10% dikenakan ke atas bukan pemastautin bagi pendapatan yang termasuk di bawah perenggan 4(f).

▪ **1200**

Fasal 43 bertujuan meminda jadual tiga seperti berikut:

- (i) memasukkan perenggan baru 2D supaya tiada elaun modal dibenarkan atas amaun yang dibayar kepada bukan pemastautin berkaitan pemasangan sesuatu loji atau jentera jika cukai pegangan ke atasnya tidak dijelaskan;
- (ii) memasukkan sub perenggan 19A(3), (4) dan (5) bagi memperuntukkan bahawa sekatan ke atas elaun khas bagi aset bernilai kecil tidak lagi terpakai bagi syarikat kecil dan sederhana;
- (iii) meminda sub perenggan 36 berbangkit daripada pengenalan peruntukan untuk kos merungkai, mengalih aset dan membaik pulih tapak yang mana kos berkenaan tidak termasuk sebagai perbelanjaan modal yang layak; dan
- (iv) memasukkan perenggan 67C bagi memperuntukkan bahawa kos merungkai, mengalirkan aset dan membaik pulih tapak yang perlu dilakukan di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau perjanjian bertulis boleh diambil kira sebagai tambahan kepada bagi perbelanjaan.

Fasal 44 bertujuan meminda Jadual 5 untuk memberi kuasa kepada pengerusi EKCP, melantik Timbalan EKCP sebagai pengerusi bagi perbicaraan lain yang berjalan serentak dengan perbicaraan yang dipengerusikan oleh beliau sendiri. Perenggan ini adalah berbangkit daripada pindaan yang dibuat dalam Fasal 26.

Fasal 45 bertujuan meminda Jadual 6 untuk memperluaskan pengecualian cukai ke atas *pre-requisite* supaya meliputi anugerah inovasi dan produktiviti di samping meningkatkan amaun pengecualian daripada RM1,000 kepada RM2,000.

Fasal 46 bertujuan meminda Jadual 7A seperti berikut:

- (i) meminda perenggan 1, 1A, 1C dan 11 bagi memanjangkan tempoh operasi syarikat dari satu tahun kepada tiga tahun bagi membolehkan tuntutan elaun pelaburan semula;
- (ii) meminda perenggan 1B untuk menghalang tuntutan elaun pelaburan semula ke atas aset yang dipindah milik oleh syarikat dalam kumpulan yang sama yang mana aset tersebut telah diberi elaun pelaburan semula sebelum ia dipindah milik;
- (iii) meminda perenggan 2A untuk menarik balik elaun pelaburan semula yang telah diberi jika aset berkenaan dilupuskan dalam tempoh lima tahun daripada tarikh pemerolehan aset. Menggantikan subperenggan 7(b), berbangkit daripada pengenalan seksyen-seksyen baru dalam Akta Penggalakan Pelaburan 1986;
- (iv) meminda subperenggan 8(a) berikutan daripada pengenalan maksud *manufacturing* di perenggan 9 bagi tujuan projek yang layak untuk diberi elaun pelaburan semula; dan
- (v) meminda subperenggan 8(d) untuk menambah baik galakan elaun pelaburan semula bagi ternakan ayam dan itik. Dengan pindaan ini projek yang layak untuk tuntutan elaun pelaburan semula bagi ternakan ayam dan itik diperluaskan untuk meliputi pembesaran perniagaan ayam dan itik berkaitan dengan sistem reban tertutup dan meminda perenggan 9 untuk memberi takrifan kepada perkataan "*manufacturing*" supaya lebih jelas dan telus.

Bahagian II - Peruntukan Kecualian dan Peralihan. Bahagian II, Bab II terdiri daripada empat fasal iaitu Fasal 47 sehingga 50 yang mengandungi pindaan kepada Peruntukan Kecualian dan Peralihan dan hendaklah dibaca bersama dengan dan sebagai tambahan kepada seksyen 45, 46 dan 51 Akta Kewangan 2007.

Peruntukan Kecualian dan Peralihan ini adalah berikutan peralihan sistem percukaian daripada sistem adjudikasi penuh kepada sistem percukaian *single-tier* mulai tahun taksiran 2008. Tempoh peralihan selama enam tahun sehingga 31 Disember 2013 diberi kepada syarikat yang mempunyai baki kredit akaun seksyen 108. Untuk menggunakannya bagi tujuan pengagihan dividen.

Perkara ini telah diumumkan dalam Bajet 2008 yang lalu. Pindaan yang terlibat adalah seperti berikut: Fasal 48 bertujuan menambah peruntukan seksyen 45 untuk memastikan semua syarikat mengemukakan penyata bagi maksud menentukan status baki kredit akaun seksyen 108 atau apa-apa lebihan baki kredit yang disebabkan oleh pengurangan cukai atau pembayaran dividen yang melebihi baki kredit yang ada. Syarikat perlu mengemukakan penyata walaupun tidak membayar dividen ataupun jika syarikat telah membuat pilihan di bawah seksyen 50 untuk mengabaikan baki kredit yang ada.

Fasal 49 bertujuan menambah peruntukan seksyen 46 untuk memperuntukkan bahawa jika dalam tempoh peralihan sistem cukai *single-tier* terdapat cukai dilepaskan, di *remit* atau dibayar balik melebihi baki kredit yang ada, lebihan tersebut merupakan hutang kepada kerajaan. Selanjutnya jika syarikat telah membayar dividen melebihi baki kredit yang ada, lebihan tersebut merupakan hutang kepada kerajaan. Jika amaun tersebut tidak dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan, kenaikan cukai 10% boleh dikenakan.

Fasal 51 bertujuan menambah seksyen 51 untuk memperuntukkan bahawa tiada kredit seksyen 110 dibenarkan jika syarikat membayar dividen selain daripada dalam bentuk tunai.

Bab III, pindaan kepada Akta Setem 1949. Bab III terdiri daripada 15 fasal iaitu Fasal 51 hingga 65 yang bertujuan untuk meminda Akta Setem 1949 dan mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2009 seperti berikut. Fasal 52 adalah bagi meminda seksyen 2 untuk memasukkan takrif "*stamp certificate*" dan meminda takrif "*duty stamp*" yang berbangkit daripada pengenalan pembayaran duti setem melalui perantara elektronik.

Fasal 53 bertujuan meminda seksyen 7 untuk memperkenalkan cara penyeteman yang baru iaitu sijil setem yang diperoleh melalui saluran elektronik dikepilkan kepada surat cara sebagai keterangan bahawa duti telah dibayar. Pindaan ini juga berbangkit daripada pengenalan pembayaran duti setem melalui perantara elektronik.

Fasal 54 bertujuan memasukkan seksyen baru 11A bagi membolehkan perakuan pembayaran duti dibuat ke atas dokumen replika dengan syarat pemungut berpuas hati bahawa duti atas surat cara asal telah dijelaskan. Bayaran fi RM100 dikenakan bagi setiap permohonan.

Fasal 55 bertujuan meminda seksyen 12 untuk menganggap replika surat cara telah disetamkan melalui pengesahan atas *replica* itu atau sijil setem bagi penyeteman yang dibuat melalui perantara elektronik.

Fasal 56 adalah bagi meminda seksyen 36 untuk menyeragamkan kesemua jenis taksiran iaitu melalui proses adjudikasi tanpa dikenakan fi adjudikasi sebanyak RM10.

Fasal 57 dan 58 bertujuan meminda seksyen 37 dan 40 berbangkit daripada pindaan kepada Seksyen 36.

Fasal 59 dan 62 bertujuan meminda seksyen 48 dan seksyen 59A berbangkit daripada pindaan kepada seksyen 7 berikutan pengenalan pembayaran duti setem melalui perantara elektronik.

■1210

Fasal 60 bertujuan memasukkan seksyen baru 50A untuk memperuntukkan bahawa pemungut boleh memungut duti sebenar dan penalti walaupun terdapat kesilapan dalam tafsiran.

Fasal 61 adalah bagi memasukkan subperenggan baru 57 untuk membenarkan bayaran balik duti dibuat jika transaksi tidak boleh dilaksanakan disebabkan perjanjian jual beli dibatalkan, dimansuhkan atau ditamatkan. Selain dari itu tempoh memohon bayaran balik duti diberi sehingga dua bulan daripada tarikh surat cara pindah milik ditolak oleh pendaftar hak milik.

Fasal 63 bertujuan memasukkan seksyen baru 77A dan 77B untuk membenarkan pembayaran duti melalui perantara elektronik. Walau bagaimanapun, seseorang itu perlu berdaftar dengan pemungut terlebih dahulu. Melalui sistem ini tafsiran dan pembayaran duti serta perakuan pemungut akan dilakukan secara elektronik.

Fasal 64 bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 82(aa) untuk memberi kuasa kepada menteri menetapkan perakuan setem dan resit rasmi.

Fasal 65 bertujuan meminda butiran 22(1) Jadual Pertama untuk mengenakan duti *ad valorem* ke atas surat cara perjanjian pinjaman perkhidmatan dan pajakan perkhidmatan. Bab IV, pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967. Bab IV mempunyai lima fasal iaitu fasal-fasal 66 hingga 70 dan bertujuan bagi meminda Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 seperti berikut:

- (i) Fasal 66 menyatakan tarikh kuat kuasa bagi bab ini mulai tahun tafsiran 2010 dan tahun-tahun tafsiran berikutnya;
- (ii) Fasal 67 bertujuan meminda subseksyen 16(7B) untuk memperluaskan ruang lingkup potongan berkenaan projek komuniti untuk meliputi projek pemeliharaan atau pemuliharaan alam sekitar dan meningkatkan pendapatan golongan miskin;
- (iii) Fasal 68 bertujuan memasukkan seksyen baru 41A supaya selaras dengan Akta Cukai Pendapatan 1967 untuk membolehkan pembayar cukai membuat rayuan terhadap kes tidak dikenakan cukai. Rayuan hendaklah dibuat kepada PKCP dalam masa 30 hari dari tarikh notis pemberitahuan tidak dikenakan cukai yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri;

- (iv) Fasal 69 bertujuan memasukkan perenggan baru 2A Jadual Kedua supaya perbelanjaan modal yang dilakukan bagi loji atau jentera tidak dibenarkan potongan jika cukai pegangan ke atasnya tidak dijelaskan;
- (v) Fasal 70 bertujuan meminda perenggan 1 Jadual Ketiga untuk mengadakan peruntukan bagi pelantikan Timbalan Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan Petroleum; dan
- (vi) Bab V pindaan kepada Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990.

Bab V mempunyai dua fasal iaitu Fasal-fasal 71 hingga 72 yang bertujuan untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 seperti berikut:

- (i) Fasal 71 menyatakan tarikh kuat kuasa bagi bab ini adalah mulai tahun tafsiran 2009 dan tahun-tahun tafsiran berikutnya; dan
- (ii) Fasal 72 telah meminda subseksyen 3A(2) untuk memperuntukkan bahawa syarikat luar pesisir yang memilih untuk dikenakan cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 mesti membuat pemilihan dalam masa tiga bulan selepas permulaan kedua assess suatu tahun tafsiran.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada Ahli Yang Berhormat yang menyokong?

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Noraini binti Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Setem 1949, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat-Yang Berhormat sedia maklum bahawa rang undang-undang ini ialah kesan akibat langsung atau ekor atau berbangkit atau *consequential* kepada belanjawan yang Yang Berhormat telah luluskan, yang memerlukan beberapa pindaan kepada beberapa akta yang lain. Sekarang masalah terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbincangan]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tidak ada masalah. Mungkin kerana ianya kesan akibat langsung *consequential*.

Ali-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 71 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

■1220

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

[Dewan dtempohkan selama 15 minit kerana Menteri Pendidikan Tinggi berada di dalam Dewan Rakyat]

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 12.21 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 12.35 petang

[Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI (PINDAAN) 2008

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.37 tgh.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk mencadangkan iaitu Rang Undang-Undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2008 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh terus huraikan.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menghuraikan rang undang-undang ini izinkan saya menyusun jari sepuluh di atas kelemahan saya sebentar tadi. Urusan terpenting negara terpaksa ditangguhkan selama 15 minit kerana negara kita sibuk berbincang, pada masa yang sama Rang Undang-undang Pengajian Tinggi Swasta juga akan dibacakan di Dewan Rakyat. Jadi saya pohon maaf sekali, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak dijangka, tidak terdapat perbincangan dalam rang undang-undang yang baru diluluskan, maka jangan Yang Berhormat terlalu salahkan Yang Berhormat. Sila teruskan.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Itu mungkin kerana kebijaksanaan Ahli-ahli Dewan Negara, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 yang lebih dikenali sebagai AUKU telah digubal dan kuatkuasakan pada 30 April 1971. Tujuan utama AUKU digubal adalah untuk menyediakan asas undang-undang. Antara lain dari segi tatacara penubuhan, struktur tadbir urus, penyelenggaraan dan pentadbiran sebuah universiti dan kolej universiti awam di Malaysia, dan kegiatan pelajar. Secara keseluruhan AUKU mengandungi peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan sistem *governance* ataupun tabir urus, struktur organisasi, disiplin dan tata tertib pelajar dan pekerja universiti, dan kolej universiti awam di Malaysia serta beberapa peruntukan lain yang penting dalam memastikan perjalanan pentadbiran dan pengurusan universiti serta kolej universiti awam terus licin dan sejajar dengan matlamat asal penubuhannya.

▪ 1240

Tuan Yang di-Pertua, pada kesempatan ini suka saya tegaskan bahawa AUKU tidak terpakai ke atas Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Teknologi MARA dan institusi pendidikan tinggi swasta. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) telah dikecualikan daripada pemakaian AUKU kerana ditubuhkan di bawah *treaty* antara Kerajaan Malaysia dengan Negara-negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Dalam hal ini, tadbir urus UIAM adalah berdasarkan kepada perlembagaannya sendiri yang bersumberkan kepada Akta Syarikat 1965, Akta 125. Manakala dalam aspek disiplin dan tata tertib pelajar pula, UIAM telah diberi kuasa oleh perlembagaannya untuk membuat kaedah tata tertibnya sendiri. Walau bagaimanapun, kebanyakan peruntukan dalam kaedah tata tertib tersebut adalah hampir sama dengan peruntukan kaedah tata tertib yang diguna pakai oleh universiti awam yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Universiti Teknologi MARA (UiTM) ditubuhkan di bawah aktanya sendiri iaitu Akta Universiti MARA 1976 (Akta 173). Walau bagaimanapun dalam hal berkaitan disiplin dan tatatertib pelajar, UiTM adalah tertakluk kepada Akta Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976. Meskipun demikian, kebanyakan peruntukan dalam akta tersebut adalah hampir sama dengan peruntukan di dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti ini.

IPTS pula adalah tertakluk kepada Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) yang mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai penubuhan, pendaftaran, pengurusan dan pengawalseliaan serta kawalan kualiti pendidikan yang disediakan oleh IPTS di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan universiti pula, mulai tahun 2000, Akta Badan-badan Berkanun (Disiplin dan Surcaj) 2000, Akta 605 telah dikuatkuasakan ke atas semua badan berkanun kerajaan dan ia termasuklah ke atas universiti awam negara. Dengan itu, beberapa peruntukan AUKU yang berkaitan dengan disiplin pekerja universiti tidak lagi terpakai.

Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai beberapa alasan untuk meminda AUKU. Sejak AUKU digubal dan dikuatkuasakan seperti tarikh yang saya nyatakan tadi, ia telah dipinda sebanyak empat kali, Tuan Yang di-Pertua. Tarikh-tarikhnya ialah 24 September 1971 – 37 tahun yang lampau, 13 Mei 1975..., ini tarik lahir saya, Tuan Yang di-Pertua, 13 Mei 1966 lah, 9 tahun sebelum itu.

Tuan Yang di-Pertua: Akta ini lebih tua daripada Yang Berhormat.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Saya lebih tua daripada akta, Tuan Yang di-Pertua, lebih berusia daripada akta ini. 20 Februari 1983 dan pindaan kali yang terakhir ialah pada lebih kurang 12 tahun yang lalu, 1 Oktober 1996. Sejak daripada tarikh tersebut, banyak perkembangan berkaitan pendidikan tinggi sama ada di peringkat serantau mahupun antarabangsa telah berlaku. Justeru Kementerian Pengajian Tinggi merasakan bahawa sudah tiba masanya untuk Akta Universiti dan Kolej Universiti ini dipinda.

Tuan Yang di-Pertua, di sini sukalah saya jelaskan bahawa gerakan untuk meminda AUKU bukan baru dilaksanakan oleh pihak Kementerian. Sebenarnya Kementerian telah memulakan kajian untuk meminda AUKU sejak akhir tahun 2005 lagi. Memandangkan AUKU ini agak sensitif sifatnya, maka Kementerian perlu memperhalusi setiap pandangan dan cadangan yang diberi oleh pelbagai pihak. Ini antara sebab mengapa masa yang lama diambil.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ada banyak faktor yang menyumbang kepada gerakan untuk meminda AUKU ini. Kementerian sedar bahawa masyarakat pelajar yang masa ini lebih matang dalam menangani erti kebebasan dan kepelbagaian, Kementerian juga percaya dan yakin bahawa generasi muda yang terdiri daripada pelajar akan dapat memahami kehendak dan aspirasi kerajaan dalam melahirkan barisan kepimpinan muda yang unggul.

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna mereka yang cara hidup dan gaya hidup mereka di universiti dikawal di bawah akta ini dan jika mereka pada ketika itu berumur 23 tahun, sekarang mereka sudah berumur 60 tahun, atuk kepada penuntut universiti, patutlah akta ini dipinda.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Salah satu contoh, ramai daripada Ahli-ahli Dewan Negara, Ahli-ahli Dewan Rakyat yang ketika menuntut di universiti dinaungi oleh akta ini dan terbukti akta ini telah berjaya menghasilkan modal insan yang benar-benar berkualiti tinggi, Tuan Yang di-Pertua.

Saya tidak rasa Tuan Yang di-Pertua pernah dinaungi oleh akta ini ketika melanjutkan pelajaran di peringkat PhD dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya belajar di Pakistan, tidak ada AUKU-AUKU...
[Ketawa]

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Pakistan, saya yakin ia tidak mempunyai AUKU dan kita tahulah Pakistan di mana sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak masuk mana-mana kumpulan militan...
[Ketawa]

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kementerian juga sedang berusaha untuk menjadikan universiti awam negara sebagai universiti bertaraf dunia dan mengharapkan cendekiawan negara mendapat pengiktirafan sebagai *Noble Laurence*. Kementerian percaya bahawa pindaan AUKU yang holistik akan dapat menjayakan harapan dan sasaran tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, antara cadangan pindaan AUKU, pindaan yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini akan mendorong kepada pematapan tiga aspek utama;

- (i) urus universiti;
- (ii) kebajikan dan hak asasi pekerja universiti; dan
- (iii) kebajikan dan hak asasi pelajar universiti.

Tuan Yang di-Pertua, aspek pertama, tadbir urus universiti, prinsip-prinsip yang akan diterapkan dalam penambahbaikan kepada tadbir urus universiti adalah merangkumi membudayakan proses perundingan secara demokrasi, menggalakkan keterbukaan, ketelusan dan akauntabiliti, menambah baik autonomi kepada universiti, memantap dan memperinci fungsi dan kuasa pihak berkuasa universiti yang antara lain terdiri daripada Lembaga Pengarah Universiti, *Senate* dan Naib-naib Canselor, menyediakan mekanisme bagi menyelesaikan pertikaian antara pihak berkuasa universiti, menggalakkan penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan melalui perkongsian kepakaran dan memantapkan dasar pengantarabangsaan pendidikan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pelantikan Naib Canselor, ia akan dibuat oleh menteri selepas melalui proses pemilihan oleh jawatankuasa yang ditubuhkan oleh menteri dan juga selepas menteri berunding dengan Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti. Selain itu pemilihan keanggotaan *Senate* daripada kalangan profesor akan dijalankan secara lebih demokrasi di mana seramai tidak lebih daripada 20 orang profesor yang dahulunya dilantik oleh Naib Canselor akan dipilih oleh rakan sejawat mereka yang terdiri daripada profesor-profesor dan Profesor Madya di sesebuah universiti.

Keterbukaan, ketelusan dan akauntabiliti. Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini menitikberatkan keterbukaan, ketelusan dan akauntabiliti dengan menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Universiti, autonomi kepada universiti. Rang undang-undang ini menambah baik autonomi universiti dengan memindahkan beberapa kuasa ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan menteri kepada pihak berkuasa universiti itu sendiri.

Melalui rang undang-undang ini, kuasa untuk menubuhkan fakulti dan jabatan yang dahulunya berada di bawah bidang kuasa ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sekarang diberikan kepada *Senat*. Pindaan ini adalah selaras dengan fungsi *Senate* sebagai badan utama akademik di universiti kita.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu kuasa menteri dalam hal ehwal rayuan tatatertib pelajar universiti dipindahkan kepada Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar Universiti. Jawatankuasa ini akan ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah Universiti dan keanggotaannya juga akan ditentukan oleh LPU. Ini adakan dapat mempercepat proses penyelesaian sesuatu rayuan tatatertib pelajar.

■ 1250

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini juga akan memperkukuh fungsi dan kuasa Lembaga Pengarah Universiti sebagai badan yang mengelola, membuat dasar dan juga mengawasi universiti. Melalui rang undang-undang ini, keanggotaan LPU ditambah daripada lapan orang kepada 11 orang dengan tambahan tiga orang. Ahli-ahli yang ditambah adalah seperti berikut:

- (i) seorang profesor yang dipilih oleh *senat* dimasukkan sebagai ahli LPU;
- (ii) wakil swasta Tuan Yang di-Pertua, wakil swasta pun ada dalam LPU yang dahulunya seorang ditambah kepada tiga

orang. Ini dapat meningkatkan hubungan kerjasama antara sektor swasta dan pihak universiti; dan

- (iii) seorang wakil alumni universiti dimasukkan menjadi ahli LPU dan seorang lain yang dilantik oleh menteri.

Selain itu, LPU juga akan diberi kuasa untuk mendengar rayuan dari mana-mana pekerja universiti yang terkilan dengan keputusan berkaitan kenaikan pangkat ataupun pelantikan. Di samping itu, seperti yang disebutkan sebentar tadi, LPU juga akan diberi kuasa untuk menubuhkan jawatankuasa rayuan tatatertib pelajar bagi mengadili rayuan daripada pelajar-pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, fungsi dan kuasa Senat. Rang undang-undang yang dicadangkan ini akan memperkukuh fungsi dan kuasa senat sebagai badan akademik utama di universiti. Senat akan mempunyai kuasa yang mengatasi kuasa LPU dalam hal berkaitan akademik melainkan jika ia melibatkan peruntukan kewangan. Rang undang-undang ini juga membenarkan Senat untuk menjemput mana-mana orang termasuk pelajar untuk menghadiri mesyuarat Senat.

Tuan Yang di-Pertua, fungsi dan kuasa Naib Canselor. Rang undang-undang ini akan memperjelas fungsi dan kuasa Naib Canselor sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Universiti yang bertanggungjawab ke atas pentadbiran akademik dan pengurusan universiti secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, penyelesaian pertikaian antara pihak berkuasa universiti. Rang undang-undang yang dicadangkan ini juga akan membenarkan mana-mana pihak berkuasa atau pegawai universiti untuk merujuk sebarang pertikaian berhubung dengan fungsi dan bidang kuasa yang tidak dapat diselesaikan kepada menteri. Sekiranya menteri tidak bercadang untuk menyelesaikan pertikaian tersebut sendiri, beliau boleh menubuhkan satu Panel Penyelesai Pertikaian (PPP) bagi mendengar dan membuat keputusan berhubung pertikaian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini juga amat menitikberatkan perkara-perkara yang berkaitan dengan penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan. Justeru, rang undang-undang yang dicadangkan ini akan memberikan menteri kuasa untuk meminjam atau memindahkan perkhidmatan pekerja universiti atas persetujuan pekerja tersebut dari satu universiti ke universiti yang lain atas kepentingan pendidikan tinggi atau perkembangan pendidikan dan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini juga membenarkan menteri untuk menubuhkan kampus cawangan bagi sebuah universiti di luar negara. Ini akan dapat memastikan dasar pengantarabangsaan pendidikan tinggi negara dapat dilaksanakan. Komitmen KPT, Kementerian Pengajian Tinggi untuk mengantarabangaskan pendidikan tinggi negara adalah selaras dengan pelan strategik pengajian tinggi negara yang dilancarkan pada tahun lepas.

Tuan Yang di-Pertua, aspek kedua iaitu kebajikan dan hak asasi pekerja universiti. Prinsip asas bagi kejayaan dan kecemerlangan sebuah organisasi adalah kebolehan organisasi tersebut mengurus dan mentadbir pekerjaannya dengan baik.

Pekerja merupakan aset utama kepada sesebuah organisasi. Pengurusan pekerja umumnya adalah merangkumi aspek pelantikan dan kenaikan pangkat, kecenderungan organisasi untuk mendengar pandangan dan mendapatkan persetujuan pekerja sebelum sebarang keputusan yang melibatkan pekerja berkenaan atau organisasi pada keseluruhannya dibuat dan juga penjagaan hal ehwal kebajikan pekerja tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, antara perubahan yang akan dibuat melalui rang undang-undang yang dicadangkan ini adalah memberi ruang kepada mana-mana pekerja universiti yang terkilan atau tidak berpuas hati dalam hal pelantikan atau kenaikan pangkat untuk supaya boleh merayu kepada Lembaga Pengarah Universiti.

Bagi memastikan kebajikan dan hak pekerja sentiasa dipelihara, dan dijamin oleh universiti, maka rang undang-undang ini juga akan membenarkan penubuhan jawatankuasa kebajikan pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini juga akan memberikan hak kepada profesor dan profesor madia di sesebuah universiti untuk memilih 20 orang profesor untuk mewakili mereka di dalam senat.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini juga akan membenarkan seorang profesor yang dipilih oleh Senat untuk menganggotai LPU. Di sini, sukalah saya menegaskan bahawa rang undang-undang ini amat menitikberatkan pandangan pekerja universiti di mana ia memperuntukkan bahawa sebarang pelantikan dekan dan ketua sekolah, institut, pusat dan akademi hendaklah melalui proses perundingan dengan kakitangan akademik di setiap fakulti atau sekolah, institut, pusat dan akademi berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, aspek ketiga berkaitan dengan kebajikan dan hak asasi pelajar universiti, pelajar adalah merupakan *stakeholder* terbesar, pemegang kepentingan saham terbesar kepada sesebuah universiti. Justeru, kebajikan dan hak asasi pelajar hendaklah sentiasa dipelihara dan mengikut Perlembagaan Persekutuan dan amalan terbaik antarabangsa merangkumi:

- (i) kebebasan berpersatuan;
- (ii) kebebasan bersuara;
- (iii) pemansuhan peruntukan berkaitan kesalahan dan hukuman jenayah;
- (iv) pemansuhan peruntukan berkaitan penggantungan atau pembuangan secara automatik;
- (v) hak asasi pelajar kepada pendidikan;
- (vi) tatacara pengendalian kes tatatertib;
- (vii) penggantungan atau pembubaran pertubuhan pelajar;
- (viii) hak pelajar pasca siswazah;
- (ix) perwakilan dalam jawatankuasa kebajikan pelajar; dan
- (x) penglibatan pelajar di dalam Senat.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dimaklumi, AUKU sedia ada memperuntukkan bahawa mana-mana pelajar yang hendak menganggotai mana-mana persatuan atau organisasi di luar universiti hendaklah mendapat kebenaran daripada pihak universiti terlebih dahulu. Peruntukan ini dilihat oleh sesetengah pihak sebagai negatif dan tidak memberi kebaikan kepada pelajar dalam peningkatan ciri-ciri kepimpinan dan sahsiah diri. Justeru, rang undang-undang yang dicadangkan ini akan membenarkan pelajar untuk bersekutu dengan atau menjadi ahli mana-mana pertubuhan, persatuan atau organisasi sama ada di dalam atau di luar negara kecuali, ada juga kecuali Tuan Yang di-Pertua, kecuali:

- (i) parti politik sama ada di dalam ataupun di luar negara;
- (ii) pertubuhan yang menyalahi undang-undang sama ada di dalam ataupun di luar negara; dan
- (iii) pertubuhan, badan atau kumpulan yang dikenal pasti oleh menteri sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau universiti.

Dalam menyediakan senarai pertubuhan yang tidak sesuai tersebut, menteri akan berunding pula dengan LPU terlebih dahulu dan senarai yang akan disediakan adalah untuk kegunaan semua universiti di seluruh negara. Meskipun terdapat larangan ke atas pelajar untuk berpolitik, rang undang-undang ini masih memberikan sedikit pengecualian. Kuasa untuk memberi pengecualian ini akan dilaksanakan oleh Naib-naib Canselor. Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang dicadangkan ini juga akan memberikan kebebasan kepada pelajar untuk bersuara dalam hal yang berkaitan dengan perkara akademik yang diikuti atau dilakukannya. Pelajar adalah dibenarkan untuk memberi pendapat dalam seminar, simposium dan sebagainya dengan syarat seminar atau simposium tersebut tidak dianjurkan atau diberi peruntukan oleh entiti-entiti berikut:

- (i) parti politik sama ada di dalam atau di luar negara, republikan kah, demokrat kah tidak boleh bagilah;
- (ii) pertubuhan yang menyalahi undang-undang sama ada di dalam atau di luar negara; dan

- (iii) pertubuhan badan atau kumpulan yang dikenal pasti oleh menteri sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau universiti.

Pemansuhan kesalahan dan hukuman jenayah. Rang undang-undang ini juga akan menggantikan kesalahan dan hukuman jenayah yang diperuntukkan dalam di dalam AUKU dengan prosiding dan hukuman tatatertib. AUKU hendaklah dilihat dalam konteks untuk mendidik pelajar universiti dan bukannya melihat pelajar sebagai seorang penjenayah. Sekiranya pelajar yang terlibat dengan kes jenayah, kesnya akan dikendalikan berdasarkan undang-undang negara yang berkaitan jenayah seperti Kanun Keseksaan, Akta Keselamatan Dalam Negeri, Akta Polis, Akta Hasutan dan lain-lain lagi. Rang undang-undang ini akan turut memansuhkan peruntukan berhubung penggantungan atau pembuangan secara automatik.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. Saya asyik mendengar pembentangan Yang Berhormat sehingga masa hampir berlalutan. Masa cukup.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan bersidang semula pada pukul 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang.

■1430

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh teruskan huraian dia.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Suka saya menyentuh sedikit di mana saya berhenti sebentar tadi. Tuan Yang di-Pertua, saya menyebut tentang di mana pemansuhan kesalahan dan hukum jenayah, dan saya juga menyebut tentang pemansuhan penggantungan, buangan secara automatik kepada pelajar-pelajar untuk AUKU ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang akan turut memansuhkan peruntukan berhubung penggantungan atau pembuangan pelajar secara automatik yang menghadapi tuduhan jenayah atau disabit, atau ditahan di bawah undang-undang tahanan, pencegahan atau keselamatan dalam negeri, atau penjara. Melalui pindaan ini, Naib Canselor dibenarkan untuk mengguna budi bicara, sama ada untuk menggantung seorang pelajar didakwa, atau mengambil tindakan tatatertib terhadapnya yang disabitkan atas kesalahan boleh daftar, iaitu kesalahan seperti, kesalahan jenayah yang berat seperti mencuri, merogol, menculik dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini juga akan melindungi hak asasi pelajar kepada pendidikan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan. Hak-hak yang dilindungi ketika ini adalah seperti berikut:

- (i) membenarkan pelajar yang diletakkan di bawah tahanan, atau tertakluk kepada suatu perintah sekatan, atau dipenjarakan untuk menduduki peperiksaan dengan keizinan Senat, dan tertakluk kepada kelulusan Menteri Dalam Negeri atau pihak-pihak yang berkuasa yang berkaitan;
- (ii) membenarkan pelajar yang digantung atau dibuang daripada universiti memohon untuk memasuki universiti yang sama atau universiti lain, dengan kelulusan bertulis dari Menteri; dan
- (iii) membenarkan pelajar yang dibebaskan oleh mahkamah untuk kembali menyambung pengajian tanpa mengambil kira tempoh penggantungan ataupun tahanan.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang dicadangkan ini akan memantapkan lagi tatacara pengendalian kes tatatertib pelajar oleh pihak berkuasa tatatertib universiti supaya lebih telus dan lebih adil.

Antara perubahan yang dibuat, adalah menetapkan tempoh masa yang munasabah bagi sesuatu perbicaraan keputusan rayuan dengan lebih spesifik. Ini akan memastikan pelajar mendapat keadilan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini juga akan turut melindungi hak pertubuhan pelajar yang akan digantung atau dibubarkan untuk mengemukakan representasi bertulis pada Naib Canselor sebelum sebarang keputusan penggantungan atau pembubaran dibuat. Sekiranya mereka tidak berpuas hati dengan keputusan Naib Canselor tersebut, mereka dibenarkan untuk membuat rayuan secara bertulis kepada Menteri. Di samping itu, rang undang-undang yang dicadangkan ini akan membolehkan dua orang wakil Majlis Perwakilan Pelajar atau MPP, dilantik menganggotai Jawatankuasa Kebajikan Pelajar yang ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada tiga aspek pindaan utama yang telah dinyatakan tadi, rang undang-undang ini turut membuat beberapa perubahan dan penambahbaikan lain. Ia termasuklah urusan penubuhan kampus universiti, penubuhan universiti hanyalah di bawah AUKU dan Akta 555, kuasa pengecualian ke bawah Duli Yang di-Pertuan Agong, mengeratkan jalinan kerjasama dengan pihak swasta dan industri, pelucutan ijazah seorang siswazah dan juga pembaharuan takrif pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini juga akan meluaskan skop takrifan pelajar supaya merangkumi pelajar yang mengikuti kursus pengajian, pengajaran, latihan atau penyelidikan pada peringkat persediaan, pra ijazah, lepasan ijazah, atau lepasan kedoktoran, sama ada sepenuh masa atau sambilan dan termasuklah pembelajaran jarak jauh, luar kampus, pertukaran dan pelajar tidak berijazah. Ini akan dapat meluaskan akses pengajian tinggi dan membudayakan pembelajaran sepanjang hayat.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian menaruh kepercayaan tinggi bahawa pindaan-pindaan yang dicadangkan ini, akan dapat memantapkan lagi sistem tadbir urus universiti, memberi kebebasan berorganisasi dan berpersatuan kepada pelajar dalam spektrum yang dibenarkan. Mewujudkan budaya ilmiah di kalangan pelajar, menjaga hak dan kebajikan pekerja dan pelajar supaya selaras dengan undang-undang hak asasi manusia seperti yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan, menggalakkan keantarabangsaan dan meningkatkan boleh pasaran graduan di pasaran global.

Kementerian juga berkeyakinan bahawa pindaan-pindaan yang dicadangkan ini, akan menjadi landasan dan seterusnya memacu Malaysia menjadi pusat kecemerlangan pendidikan tinggi di peringkat serantau dan antarabangsa. Justeru, kementerian berharap agar pindaan-pindaan yang dicadangkan akan dapat diluluskan di Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Tuan Haji Fadillah bin Yusof]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Dato' Haji Idris Haji Buang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menerangkan rang undang-undang ini yang bernama Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2008.

■1440

Tahniah kepada pihak kerajaan yang telah membentuk rang undang-undang ini agar pihak universiti dan kolej universiti yang ada berkenaan dapat menyusun aturkan aktiviti dan juga langkah-langkah mereka untuk menjadi kilang atau *human capital*, dengan izin, bagi membentuk *human capital* yang bertaraf tinggi, bertaraf antarabangsa buat negara kita. Saya ingin hanya menyentuh tentang apakah nanti dengan adanya pindaan ini pihak pelajar akan terdedah kepada beberapa perkara yang mungkin sebelum ini tidak dibenarkan iaitu mengikuti seminar politik dan sebagainya.

Saya ingin bertanya, apakah langkah-langkah dan kekhawatiran yang harus kita ambil kira lebih-lebih lagi pihak yang mentadbir dan mengurus universiti-universiti dan kolej-kolej yang berkenaan sama ada naib canselor, pihak LPU ataupun *Senate* supaya memberi penekanan atau *priority* kepada pelajar nombor satu tentang pelajaran supaya mereka tidak terdedah dan dieksploitasikan oleh pihak-pihak tertentu. Di sini saya rasa rang undang-undang ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan bimbingan yang teratur *under control condition* dengan izin supaya pelajar-pelajar dapat menghayati, dapat mengambil manfaat terbaik daripada pendedahan-pendedahan seperti boleh berpolitik, yang *under control condition* itu tadi dan seterusnya pendedahan ini akan membentuk nilai-nilai yang sendirinya akan menjadi *priority* kepada mereka.

Adakah pendedahan-pendedahan yang akan diberi kepada mereka ini boleh menghasilkan mereka sebagai *human capital* yang betul-betul akan berjaya, bertanggungjawab kepada negara. Ini nilai-nilai kehidupan, kalau dari segi politik adakah mereka akan diberi pendedahan tentang politik agar mereka betul-betul menghayati dan memahami politik tanpa melibatkan mereka sendiri dalam politik tanah air agar mereka faham tentang tanggungjawab sebagai seorang warganegara dengan hak-haknya sebagai siapa sahaja dalam pentadbiran, siapa sahaja sebagai Ahli Parlimen dan sebagainya.

Pendedahan bagaimana, macam mana itu terpulang kepada budi bicara mereka yang saya katakan tadi yang ada kaitan dengan membimbing mereka. Kita tidak mahu rang undang-undang ini kalau telah disempurnakan menjadi undang-undang maka mereka berpegang kepada hak-hak mereka dan yang penting hak mereka untuk mendapat pendedahan bukan pendedahan itu sendiri, itu satu perkara yang harus kita lihat. Saya harap pihak yang berwajib akan membentuk dasar-dasar, panduan-panduan tertentu kepada anak-anak. Ini kerana mereka yang terdedah ini, mereka yang digelar pelajar di universiti-universiti mungkin mempunyai pengalaman yang agak kurang daripada orang yang telah berpengalaman kerana umur mereka mungkin dalam lingkungan 17, 18 tahun hingga 20-an.

Jadi dalam umur yang sedemikian, mereka saya rasa masih di kecapai apa yang *English induced*, dengan izin, yang selalu berkata *curiosity killed the cat*. Mereka ingin tahu dalam umur atau lingkungan usia yang sedemikian, mereka berani untuk mendekati apa-apa jua aktiviti yang dapat memberi mereka jawapan kepada apa juga yang mereka *curios*, dengan izin. Jadi mereka tidak harus dieksploitasikan oleh mana-mana pihak baik di dalam negara kita atau di luar negara kita. Kita harus memberi mereka seperti yang saya katakan tadi pembelajaran dan pendidikan yang benar-benar diperlukan oleh mereka di dalam universiti dan kolej universiti.

Seperti hari ini saya terbaca di dalam sebuah akhbar *mainstream news*. Ada sebuah tayangan filem nama *Histeria* dalam pembikinannya. Saya terbaca mungkin ini *subject to proof* yang lebih lagi kalau hendak disusun dengan izin, iaitu pelakon-pelakon, dua orang pelakon mengakui bercumbu sesama jenis, pelakon wanita memainkan watak dua orang gadis, pelajar zaman sekolah yang ada hubungan lesbian dalam cerita *Histeria* ini. Pengarah filem dikatakan seperti mengikut pengakuan di dalam surat akhbar nasional itu tadi mereka terpaksa melakukan *lesbian kiss* dengan izin, untuk memainkan watak itu kerana hendak menjiwai kononnya. Kisah pelajar-pelajar yang ada pada zaman persekolahan yang mungkin menggambarkan masyarakat pada masa mereka bersekolah dahulu.

Dengan sendirinya saya rasa pengakuan ini adalah satu walaupun tidak melibatkan AUKU dengan langsung tetapi saya rasa pengakuan sebegini adalah satu perkara yang sumbang dengan sendirinya tidak mengikut tatacara atau tatasusila, melanggar tabii. Mungkin satu kesalahan di bawah Undang-undang Kanun Keseksaaan kita sendiri, pengakuan mereka adalah satu kesalahan, satu bukti menjurus kepada kesalahan, *no offence has been committed* dengan izin dan yang mengarah harus juga didakwa kerana turut melakukan *abetment*.

Saya rasa pendedahan yang mereka ingin hendak ketengahkan saya pun tidak tahu di manakah nilai kehidupan yang patut mereka dedahkan untuk pelajar kita yang akan menonton wayang, saya hairan Lembaga Penapisan Filem Negara pun tidak menjalankan kewajipan dengan baik dengan membenarkan filem ini ditayangkan. Saya harap babak yang tertentu itu di sensor tetapi walaupun ia disensor tetapi lakonan itu dibuat dan diperkatakan dan diuar-uarkan.

Ini saya rasa satu pendedahan yang tidak baik. Peringkat sekolah saya rasa tidak boleh terima ini, peringkat universiti pun tidak boleh terima. Ini saya maksudkan.

■1450

Apakah kita sepatutnya sebagai Ahli Parlimen boleh buat pada peringkat sebegini. Di dalam merangka rang undang-undang sebegini, memang senang kita lihat undang-undang ini macam ini. Akan tetapi bila undang-undang ini diimplementasikan daripada segi pelaksanaannya nanti, oleh kerana kehidupan ini begitu banyak ragamnya, maka tidak semudah yang kita fikirkan pada peringkat memasyhurkan undang-undang ini.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Silakan.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Cerita drama yang Yang Berhormat sebutkan tadi, adakah pada pandangan Yang Berhormat bahawa perkara yang seumpama itu boleh kita letakkan di bawah tatatertib. Ertinya pelajar-pelajar yang didapati bersalah dalam kes itu hendaklah dibicarakan di bawah kes tatatertib yang terkandung di dalam AUKU ini, satu.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa filem yang ditayangkan di negara kita ini, ianya boleh ditayangkan apabila diluluskan oleh badan penapis filem. Tidakkah filem yang Yang Berhormat sebut tadi telah diluluskan oleh badan penapis. Dengan itu ertinya kalau hendak kita salahkan, kita tidak boleh salahkan kepada pelakon ataupun pengarah tapi sepatutnya kesalahan itu terletak juga kepada badan yang menapis dan meluluskan filem itu. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Terima kasih Yang Berhormat. Memang soalan Yang Berhormat itu saya rasa begitu tepat dan relevan. Sebenarnya dalam kes yang ada ini, ini bukan melibatkan *student* ya, bukan pelajar. Pelakon yang berlakon menjadi pelajar. Jadi, mereka berlakon ini untuk buat pendedahan kepada pelajar-pelajar, itu satu. Kedua, sekiralah perkara ini betul-betul berlaku terhadap pelajar, dengan sendirinya ia melanggar kesalahan. Saya rasa ini di bawah Kanun Keseksaan, satu daripadanya ialah hubungan seksual di antara sama jenis itu tak boleh.

Ketiga, peringkat *National Censorship Board* dengan izin, atau Lembaga Penapisan Filem ini walaupun saya rasa telah meluluskan, mereka tidak terlepas kritikan. Kita juga yang menonton, yang mendengar, kalau kita tak buat sesuatu, kita pun subahat. Bersubahat, syubhah dalam perkara yang lebih luas. Kalau sebagai orang Islamlah, syubhah kan?

Jadi saya hanya ingin nak melafazkan bangkangan saya. Bukan saya pembangkang, maksud saya bantahan saya terhadap perkara ini dengan sekeras-kerasnya dan saya harap Timbalan Menteri yang ada, yang membentangkan rang undang-undang ini di depan kita akan mengambil kira perkara seperti ini.

Di dalam politik pun, kalau kita nak memberi pendedahan kepada anak-anak, saya mempunyai anak-anak yang masih di dalam universiti juga, dalam kolej. Saya khawatir walaupun saya ahli politik, saya tidak mahu mendedahkan mereka kepada politik terlalu sangat. Saya akan lebih berkeras kalau mereka tumpukan kepada pelajaran mereka, pendidikan mereka supaya mereka berjaya dalam peperiksaan. Masa yang mereka ada itu singkat sekali dalam universiti. Untuk menghabiskan satu buku teks dengan teliti begitu susah.

Saya sendiri pun telah melaluinya, banyak rakan-rakan Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Yang Berhormat melalui zaman ini. Dengan adanya kesedaran kita, pengalaman kita, kita harus - Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mungkin akan mengambil kira perkara ini. Anak-anak kita tidak punyai masa. Masa itu emas dan sebagainya.

Jadi, kalau pun nak mendedah, biarlah kita dedah *the best of the best* dalam apa-apa jua perkara. Politik, ekonomi, apa-apa jua yang dapat membentuk mereka menjadi orang yang bertanggungjawab, berdisiplin, beretika, bijak; supaya mereka tahu apa sumbangan kepada negara, bukan apa yang mereka dapat daripada negara *all the time*.

Jadi, dalam politik misalnya bolehkah kita dedah mereka dengan mengajar mereka okey, buat rusuhan jalanan, buat piket. Jangan pergi sekolah, buat piket habis-habisan.

Satu perkara kecil yang dapat di *resolve* dengan izin, secara berdialog, secara bermuafakat, tepi muafakat, buat itu dulu. Lontarkan, buat *political stunt*. Ha! Itu tak boleh. Saya rasa ini yang saya kawatir anak-anak kita terdedah kepada itu dan dieksploitasi oleh sesiapa saja yang ada niat untuk menggunakan mereka kerana mempunyai sesuatu yang nak dikejar dalam politik atau dalam apa jua.

Saya rasa pihak Kementerian mesti mengambil berat tentang ini dengan memberi panduan, tunjuk ajar kepada mereka yang berwajib. Sebelum saya mengakhiri perbincangan saya yang singkat ini, saya harap pihak Kementerian juga memberi penjelasan sebaik-baiknya dan buku etika kalau ada *code of conduct*, *guidelines* untuk semua para pelajar dan semua warga pendidik agar mereka tahu apakah kesalahan, apa bukan kesalahan.

Hak mereka mungkin di dalam undang-undang ini kalau di interpretasi mengikut cita rasa mereka sendiri, mungkin akan membawa masalah. Kalau diberi penjelasan yang lebih awal sebelum berlakunya satu-satu permasalahan, saya rasa kita telah melakukan satu langkah yang lebih bijak. *Prevention is better than cure*, insya-Allah, *prevention is better than cure, anytime*. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Apakah *registrable offences* yang dimaksudkan? Kesalahan yang boleh daftar. Kalau daripada segi definisi yang ada pada sini, terlalu singkat.

Saya telah berbincang dengan Yang Berhormat Hajah Mumtaz tadi, kata dia, saya pun gelabah juga. Sebagai seorang peguam kecilah macam saya, saya rasa itu *seizable offences* saya rasa yang membawa hukuman penjara jika sabit kesalahan yang mungkin lebih daripada setahun, dua tahun. Ini bergantunglah kepada apa yang ada termaktub di dalam ordinan itu ataupun *regulation* mengenai *registration of criminal record*, dengan izin. Itu kena baca sekali dengan semua *subsidiary legislation* yang ada Yang Berhormat, dengan izin.

Jadi, kalau boleh perjelaskan. Berilah senarai, berilah indeks supaya pelajar-pelajar mempunyai pengetahuan yang luas dan khusus dan mereka tidak melakukan kesalahan yang mereka sendiri belum tahu sebelum itu. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Puan Heng Seai Kie, selepas itu Tuan Hj. Ahamad Yusop dan Puan Hajah Mumtaz ya. Bersedia.

2.59 ptg.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya turut serta dalam perbincangan Rang undang-undang AUKU 1971. Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya pindaan yang dicadangkan terhadap AUKU akan mendorong kepada pemantapan tiga aspek utama iaitu tadbir urus universiti, kebajikan dan hak asasi pekerja universiti.

▪ **1500**

Di mana ia bertujuan untuk memberi ruang kepada kedua-dua pihak pelajar dan universiti lebih kebebasan kerana didapati peraturan dalam AUKU sebelum pindaan adalah menyekat kreativiti pelajar dan pihak pengurusan, universiti dalam usaha mencapai tahap kecemerlangan di peringkat global. Melalui pindaan ini juga ia memberikan nafas baru kepada semua IPTA dalam merealisasikan matlamat menaikkan pemeringkatan universiti masing-masing di mata dunia.

Selain itu, ia juga memberikan kuasa autonomi yang tersendiri kepada pengurusan sesebuah universiti tempatan dan ini akan mengurangkan birokrasi dalam pembangunan institusi pengajian tersebut. Ia juga menggalakkan pembabitan pelajar dalam semua kegiatan yang membina dan konservatif. Walau bagaimanapun, antara pindaannya iaitu Fasal 7 yang menggantikan seksyen 12 Akta 30 telah memberikan kuasa kepada menteri untuk penubuhan kampus bagi universiti dan penubuhan kampus di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa penubuhan kampus merupakan satu projek besar yang melibatkan jumlah peruntukan kewangan yang amat besar.

Oleh itu dicadangkan supaya kuasa membuat perintah kampus diserahkan kepada Perdana Menteri Malaysia dan bukanlah Menteri Pengajian Tinggi. Selain itu, implikasi daripada pindaan seksyen 15 pula telah memberikan kebebasan kepada pelajar untuk menyertai dan menganggotai pertubuhan atau persatuan serta diberi kebebasan untuk bercakap dan bersuara.

Walau bagaimanapun, pindaan akta masih tidak membenarkan mahasiswa menganggotai atau terbabit dengan mana-mana organisasi atau parti politik. Mahasiswa hanya dibenarkan menganggotai persatuan atau pertubuhan yang tidak bertunjangkan politik. Satu persoalan di sini ialah, bagaimanakah pihak universiti dapat memantau pengaruh fahaman ahli politik yang mengikuti kursus di universiti kepada pelajar kerana dengan pindaan kepada AUKU ini juga, ia masih membolehkan seseorang ahli politik yang bergiat dalam mana-mana parti politik untuk mendaftar bagi sesuatu kursus di universiti tanpa perlu melepaskan kerjaya politiknya. Sedikit sebanyak pelajar-pelajar akan terpengaruh juga dengan kehadiran ahli politik di universiti yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang mengamalkan pemerintahan demokrasi, adalah penting dan perlu bagi kita mewujudkan golongan pelajar siswazah yang dinamik dan kritis serta peka terhadap isu semasa terutama sekali yang berkait dengan isu negara. Sehubungan dengan itu, saya syorkan bahawa pindaan seksyen 15 juga dapat dilonggarkan supaya penuntut-penuntut IPT yang berusia 21 tahun dan ke atas juga turut dibenarkan menjadi ahli mana-mana parti politik tetapi tidak memegang sebarang jawatan.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pindaan kepada sub seksyen 7 yang bertujuan untuk menghapuskan penalti jenayah yang diperuntukkan di bawah seksyen ini dan menggantikannya dengan pindaan tatatertib; ini bermakna mahasiswa yang melanggar AUKU tidak akan dihadapkan ke mahkamah dan kesalahan di bawah akta itu bukan lagi perbuatan jenayah. Jika dulu kesalahan mengikut AUKU boleh diambil tindakan mahkamah tetapi dengan pindaan ini semua penguatkuasaan kesalahan mahasiswa akan dipertanggungjawabkan sepenuhnya kepada universiti. Pindaan ini sudah tentu dapat menjaga kebajikan pelajar.

Selain itu, seksyen baru 15(d) juga mencadangkan *relief* kepada pelajar yang berhadapan dengan pertuduhan jenayah, penahanan perintah sekatan atau pemenjaraan. Seiringan dengan itu sub seksyen 4 juga membenarkan seseorang pelajar yang diletakkan di bawah tahanan atau tertakluk kepada suatu perintah yang mengenakan sekatan ke atasnya atau yang sedang dipenjarakan untuk menduduki peperiksaan jika diizinkan oleh senat. Pindaan ini sudah tentu membolehkan pelajar yang dikenakan tindakan disiplin termasuk mereka yang digantung oleh pihak universiti untuk mengambil peperiksaan.

Tuan Yang di-Pertua, berbeza daripada sebelum pindaan ini, seseorang mahasiswa yang dituduh atas sesuatu kesalahan akan digantung daripada menjadi mahasiswa sehinggalah keputusan prosiding jenayah itu diselesaikan. Maknanya jika sepuluh tahun masih lagi tidak diselesaikan kesnya, maka pelajar tersebut akan terus menganggur dan hilang status kemahasiswaannya. Oleh itu pindaan ini baik untuk masa depan pelajar kerana diberi peluang untuk menduduki peperiksaan.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 4(a) pula membolehkan menteri melantik suatu jawatankuasa untuk menasihatinya mengenai orang yang layak dan sesuai bagi pelantikan Naib Canselor ataupun apa-apa jawatan lain yang diperuntukkan kuasa di bawah akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, pelantikan jawatankuasa ini adalah wajar dan penting kerana untuk menaikkan mutu institusi pengajian tinggi di Malaysia, peranan seorang Naib Canselor adalah amat penting. Hanya dengan seorang Naib Canselor yang mempunyai kelayakan yang tinggi dari segi akademik dan keupayaan pengurusan yang cekap sahaja, sebuah universiti dapat dipimpin ke arah kecemerlangan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebelum pindaan menteri mempunyai kuasa mutlak untuk melantik mana-mana tokoh akademik yang dirasakan layak menduduki kerusi Naib Canselor dan rektor universiti di negara ini.

Walau bagaimanapun, persoalan saya di sini ialah sekiranya seseorang calon yang dicadangkan oleh jawatankuasa tidak dipersetujui oleh menteri, apakah yang akan berlaku?

Maka dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menyokong Rang Undang-undang Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Sekian, terima kasih.

3.09 ptg.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dengan rendah hati ingin menyumbang sedikit kepada perbahasan pindaan Akta AUKU ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apakah yang dikatakan *university education* dengan izin? Bagi saya tidak lain dan tidak bukan ialah kita ingin melahirkan warganegara daripada kalangan pelajar-pelajar kita yang belajar di universiti pada ketika ini, warganegara yang baik dan berguna pada masyarakat dan negara pada suatu hari nanti.

▪ 1510

Maka sesungguhnya dengan matlamat yang demikian, pendedahan para pelajar kita khususnya di waktu mereka belajar di kolej dan juga di universiti, tempoh masa mereka belajar itu walaupun singkat tiga tahun, empat tahun tetapi sebenarnya di situlah mereka membentuk apa yang dipanggil "*character*" ataupun "sahsiah" diri. Cara berfikir yang kritikal dengan suasana dan melahirkan fikiran-fikiran yang berasaskan kepada rasional dan empirikal. Jadi kita tidak mahu melahirkan graduan apa yang disebut dalam bahasa Inggeris, *half baked graduate* (graduan separuh masak).

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyorot dari sudut perspektif pengalaman sebagai pelajar ataupun lebih di zaman awal 70-an di Universiti Malaya. Akta AUKU ini diperkenalkan pada tahun 1974 kalau saya tidak silap dan peristiwa-peristiwa yang berlaku di kalangan para pelajar khususnya di kampus Universiti Malaya pada awal tahun 70-an, 71, 72, 73 dan seterusnya menggambarkan bahawa suasana belajar di Universiti Malaya pada ketika itu sangat *conducive*, dengan izin, kepada pembentukan sahsiah para pelajar.

Pelbagai pertubuhan sama ada pertubuhan bahasa ataupun pertubuhan politik dan begitu juga kelab-kelab termasuklah yang paling ketara, yang paling popular pada ketika itu ialah Kelab Sosialis Universiti Malaya. Walau bagaimanapun, daripada pendedahan inilah pelajar-pelajar kita dapat menikmati bukan sahaja pengalaman, bukan sahaja pendedahan, tetapi saling berinteraksi antara satu kaum dengan kaum yang lain dan membuahkan hasil yang sangat baik. Sehingga ke hari ini sebilangan besar pemimpin-pemimpin kita yang belajar di universiti tempatan khususnya daripada Universiti Malaya pada ketika itu boleh dibariskan, *the rest is history*.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian bahawa, sebelum ada Akta Universiti ini pun kampus Universiti Malaya tidak ada parti politik yang berminat untuk turun secara langsung dan mendekati pelajar-pelajar, apa lagi untuk merekrut mereka untuk menjadi ahli-ahli dalam pertubuhan-pertubuhan politik. Akan tetapi apa yang ada ialah satu suasana yang sangat kondusif, di mana kita menjemput para-para pemimpin politik dari pelbagai parti untuk turut serta dalam forum yang membina. Saya masih ingat Allahyarham Datuk Harun Idris sering ke kampus, Allahyarham Datuk Asri Haji Muda sering ke kampus untuk memberi ceramah, Goh Hock Guan daripada parti DAP dalam *The Great Economy Debate* Universiti Malaya setiap tahun mengambil bahagian.

Suasana ini telah menyemarakkan lagi semangat intelektual kepada para pelajar di samping kita mempunyai satu senario yang sangat pahit untuk perpaduan kaum. Malangnya suasana ini telah diambil kesempatan oleh segelintir pelajar-pelajar pada ketika itu khususnya daripada Kelab Sosialis pimpinan untuk menyebut beberapa namanya. Hishamuddin Rais dan rakan-rakannya telah mengambil alih kuasa pentadbiran universiti. Saya ingat bagaimana kumpulan ini telah menghalau keluar Allahyarham Profesor Datuk Ahmad Ibrahim daripada bilik pejabatnya dan selepas itu disuruhnya Profesor itu keluar dan dia mengambil alih kuasa pentadbiran universiti sampai ke peringkat itu. Nasib baik juga ada kumpulan yang merampas kuasa balik semula daripada kumpulan *Socialist Club* ini tadi.

Pada akhirnya pentadbiran universiti itu dapat dikembalikan kepada pentadbir yang sebenarnya bukan dikuasai oleh kumpulan yang pertama tadi. Tuan Yang di-Pertua, isu pindaan akta ini yang saya lihat ialah yang utamanya dari segi penglibatan para pelajar dalam pertubuhan politik. Itu yang selalu dibangkitkan.

Hujah yang selalu digunakan oleh para pelajar pada ketika itu dan pada ketika ini juga setelah akta ini diperkenalkan ialah, apakah hak berpolitik itu tidak diberi kepada para pelajar, sedangkan hak berpolitik itu diberi kepada semua warganegara yang lain di luar kampus. Itu yang selalu diperjuangkan oleh kumpulan para pelajar. Kenapa hak yang sama tidak diberi kepada pelajar-pelajar yang mereka menganggap diri mereka sudah cukup matang dan sebagainya, sedangkan warganegara yang di luar kampus tadi menikmati hak yang sama.

Itu sebenarnya yang selalu diperjuangkan oleh para pelajar. Namun demikian Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin berhujah dan pada ketika itu juga kita selalu mengadakan perbahasan dalam perkara ini, bahawa isunya bukan pada hak sangat, tetapi pada akauntabiliti dan kepada *social responsibility*. Apakah kalau hak yang diberi ini kepada para pelajar, hak yang sama untuk berpolitik ataupun menganggotai politik, kita yakin yang para pelajar ini mempunyai *social responsibility* yang tinggi dan kuat untuk memelihara ketenteraman universiti, ketenteraman awam dan ketenteraman negara. Itu yang dipertahankan kerana rata-rata para pelajar sekarang saya kurang mengikuti, tetapi pada ketika itu memang anti *establishment* tetapi bukan anti parti politik kah, tidak. Anti *establishment* sahaja. *Just for the sake of anti establishment*.

Akan tetapi setelah kita keluar daripada kampus, kita keluar belajar, *looking back*, apabila kita melihat semula perjalanan hidup kita sebagai seorang pelajar, sebagai mahasiswa selepas itu apabila kita sudah keluar menjadi *technocrat* sudah masuk dalam masyarakat dan sudah pun berpolitik. Saya menyedari bahawa ada baiknya akta itu dari sudut tidak membenarkan para pelajar tadi aktif berpolitik, kerana ini akan mendorong kepada salah laku atau salah guna ataupun ia boleh dipengaruhi oleh mana-mana parti politik di luar sana untuk pada akhirnya mungkin dijadikan alat perjuangan mereka. Jadi pada hemat saya Tuan Yang di-Pertua, pindaan akta ini adalah banyak manfaat. Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Puan Hajah Mumtaz

3.19 ptg.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk membahaskan Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2008. Saya mempunyai beberapa isu untuk dibentangkan kepada pihak kementerian untuk dibahaskan dalam akta ini.

■1520

Pertama, berkaitan seksyen 15D(1)(a) yang menyebut bahawa naib cancellor boleh menggantung mana-mana pelajar mengikut budi bicaranya yang pertama. Sekiranya digantung sedemikian, semasa prosiding jenayah belum selesai dia tidak boleh berada dalam atau memasuki kampus. Itu yang pertama. Dalam seksyen yang sama di bawah 15D(5), menyebut seseorang pelajar universiti yang digantung daripada menjadi pelajar universiti di bawah sub seksyen 1 semasa digantung boleh diterima masuk sebagai pelajar mana-mana universiti yang ditubuhkan di bawah akta ini dengan kelulusan bertulis menteri.

Jika menteri memberikan kelulusan itu, menteri boleh mengenakan apa-apa syarat dan terma yang difikirkan patut. Saya hendak tanya di sini, apakah yang dimaksudkan sekiranya dia digantung pada peringkat yang pertama, dia tidak dibenarkan masuk ke universiti yang sama atau dia boleh minta masuk untuk universiti yang lain sebab yang (b) itu tidak disebutkan memasuki kampus tersebut. Berhenti setakat kampus sahaja. Itu yang pertama.

Kedua, di bawah seksyen 15 juga, 15(1)(c) menyebut bahawa pelajar tidak boleh menjadi anggota mana-mana parti tetapi boleh menjadi anggota mana-mana pertubuhan. Akan tetapi, sekiranya pertubuhan itu difikirkan tidak sesuai oleh menteri, nasihatkan secara bertulis. Saya ingin bertanya adakah pihak kementerian mempunyai garis panduan bagi memastikan kesemua naib cancellor seluruh universiti di seluruh Malaysia khususnya di IPTA boleh mengenal pasti apakah ciri yang sesuai dan ciri yang tidak sesuai agar perkara ini boleh diketahui dengan umum oleh pelajar, bidang atau pertubuhan yang jenis mana yang mereka tidak boleh sertai.

Berkaitan dalam pengenalan awal, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa UIA tidak terlibat dalam akta ini. Akan tetapi, saya ingin menyatakan sebagai bekas pelajar UIA, sebenarnya undang-undang yang diliputi kepada pelajar UIA sebenarnya *copycat* atau pun verbatim dengan AUKU. Jadi tidak ada masalah, satu dalam bahasa Melayu dan mungkin satu lagi dalam bahasa Inggeris. Jadi, tidak ada apa-apa perbezaan di antara Universiti Islam Antarabangsa dengan IPTA-IPTA lain.

Seterusnya, saya ingin bertanya pihak kementerian tentang apakah Akta Universiti dan Kolej Universiti ini sebenarnya akta yang bertindak untuk hanya mengawal kegiatan pelajar atau sebenarnya akta yang dibuat untuk memastikan kita mempunyai satu polisi induk dalam membangunkan IPTA-IPTA seluruh Malaysia. Sebab kalau kita melihat kepada promosi atau pun cara berita yang disampaikan atau pun penekanan yang diberikan, kita melihat seolah-olah ini adalah satu akta yang mengawal kegiatan pelajar tanpa kita melihat kepada objektif atau pun sebab penggubalan akta sebenar akta ini di peringkat awal. Kita mengetahui bahawa setiap universiti mempunyai akta yang tersendiri.

Jadi, ini merupakan akta yang akan mengawal secara langsung atau memberikan polisi secara langsung bagaimana pembangunan pendidikan universiti diadakan seluruh Malaysia. Jadi, sekiranya perkara ini benar, saya pohon agar diberikan satu penjelasan yang lebih rasmi dan lebih menyeluruh bahawa apa sebenarnya peranan AUKU bukan hanya untuk digunakan untuk mengawal kegiatan pelajar. Jadi, saya ingin tanya kepada pihak kerajaan, objektif pindaan dan pengenalan AUKU kepada pelajar. Apakah implikasi langsung yang diterima oleh mahasiswa kesan pewartaan pindaan ini sama ada implikasi dari sudut pembangunan pendidikan mahupun implikasi kepada kegiatan mereka.

Kedua, apakah isu dan cabaran besar yang perlu ditangani oleh universiti khususnya dalam pembinaan sahsiah dan kepimpinan pelajar. Ini kerana, hari ini kita melihat isu-isu yang melibatkan mahasiswa dari sudut mencapai kecemerlangan saya rasa tidak dipertikaikan walaupun kita ini masih lagi belum mencapai tahap *ranking* yang tertinggi di kalangan universiti-universiti seluruh dunia. Akan tetapi, bagi saya yang lebih besar cabaran yang dihadapi oleh negara kita bukanlah cabaran kecemerlangan akademik tetapi cabaran kecemerlangan pembinaan sahsiah dan kepimpinan pelajar.

Sebagaimana tadi yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Idris bin Haji Buang berkenaan dengan filem yang hari ini mendapat liputan tentang bagaimana masyarakat cuba digembar-gemburkan dengan pemandangan bahawa apabila berada di sekolah atau universiti inilah keadaan yang berlaku. Pagi tadi kita mendengar bagaimana seorang menteri menyatakan bahawa sebelum ini, sebelum kes Nurin Jazlin, kes penculikan bayi dan kanak-kanak hanyalah 10 kes setahun. Akan tetapi, pada tahun 2008, apabila mana kes Nurin Jazlin dan Sharlinie tidak dapat diselesaikan, kes meningkat kepada 20 kes.

Ini berlaku kerana pemaparan atau paparan yang ada dalam media massa meluas menyebabkan mungkin orang yang berminat untuk melakukan jenayah lebih daripada berminat untuk melakukan perkara yang sama. Dalam konteks ini, kita melihat bagaimana gaya yang disampaikan oleh media khususnya berkaitan dengan akhlak pelajar-pelajar di universiti dari segi gejala seks, dari segi perbuatan-perbuatan songsang seperti lesbian dan pengkid atau pun lelaki lembut ini sebenarnya memberikan implikasi yang buruk.

Saya rasa perkara ini perlu penegasan daripada Kementerian Pengajian Tinggi untuk menyekat daripada pelabelan ini diletakkan kepada mahasiswa, saya telah meminta daripada pihak kementerian untuk menyatakan peratusan pelajar-pelajar yang terlibat dengan tindakan disiplin. Kita diberitahu bahawa jumlahnya tidaklah terlalu *significant*. Akan tetapi, apa yang digambarkan daripada filem-filem atau pun daripada media massa jelas menunjukkan seolah-olah kita berada di ambang keruntuhan. Jadi, perkara ini perlu tindakan yang lebih tegas kerana ini boleh memberikan implikasi kepada gejala sosial di kalangan mahasiswa.

Saya ingin bertanya kepada kementerian tentang nisbah peratusan terkini mahasiswa yang telah diambil tindakan sama ada amaran, digantung, dipecat dan jumlah mahasiswa yang terlibat dengan kes pelanggaran disiplin universiti, jenayah, dan kes salah laku sosial.

Ini kerana dalam perbincangan bajet, saya ada menyatakan perkara yang sama dan diberi jawapan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang datang mengatakan bahawa sepanjang AUKU dilaksanakan, tidak pernah ada mana-mana pelajar yang didakwa di mahkamah. Jadi, kita ingin mengetahui jika tidak ada pelajar yang didakwa di mahkamah, kenapa perlukan pindaan rang undang-undang? Jadi, kalau ada pelajar yang didakwa atau pelajar yang digantung, berapakah jumlahnya supaya kita boleh mengetahui rasional di sebalik pindaan rang undang-undang ini.

Kita juga ingin mengetahui, apakah pelan yang dirangka oleh Kementerian Pengajian Tinggi khususnya untuk mendidik pelajar dalam tempoh mereka telah dituduh tetapi belum disabitkan. Ini kerana, dalam akta ini jelas menyebutkan bahawa sekiranya mereka telah dituduh oleh *registrable offence*, mereka boleh digantung oleh pihak universiti. Jadi, dalam tempoh penggantungan sebelum tempoh sabitan, apakah pelan pendidikan untuk kita mengajar dan mendidik pelajar-pelajar tersebut. Ini kerana kita memahami apabila kes ini dihadapkan ke mahkamah, memanglah akan memakan masa. Tidaklah boleh pihak universiti dengan semudahnya melepaskan tugas pendidikan itu semata-mata kerana pelajar ini dituduh tetapi mereka belum lagi disabitkan.

Berkenaan dengan pertuduhan dan beban pembuktian yang terlibat dalam AUKU. Selepas daripada pindaan yang menyatakan bahawa tidak ada lagi kes-kes jenayah yang melibatkan AUKU tetapi hanya melibatkan tindakan tatatertib. Adakah bentuk-bentuk keterangan dan pembuktian yang perlu dibuktikan oleh pelajar? Adakah masih berbentuk *straight liability* atau pihak pendakwa perlu membuktikan di tahap *beyond reasonable doubt*. Ini kerana kita berhadapan sekarang ini, kes yang kita hadapi di kalangan pelajar-pelajar ini, mungkin yang terlibat dengan kes AUKU ialah anak yang kita didik, anak cemerlang.

Kita berhadapan dengan kes-kes juvana, kes-kes pesalah muda di mahkamah. Dalam kes pesalah muda di mahkamah, sebelum mana-mana kes diputuskan, majistret atau pun hakim akan memastikan pegawai JKM mengemukakan laporan tentang latar belakang keluarga. Mereka ini akan diadili, diwakili oleh peguam dan mereka boleh merayu. Dalam kes tindakan tatatertib, adakah pihak universiti sebelum memutuskan mana-mana kes, akan memastikan laporan tentang latar belakang pelajar diperoleh terlebih dahulu agar kita tidak membuat keputusan yang salah kerana, mereka ini adalah pelajar yang cemerlang.

Jangan kita layan orang yang tentunya membuat kes jenayah di peringkat bukan universiti dilayan lebih baik daripada pelajar yang telah pun masuk universiti. Jadi, saya mohon hak-hak ini tidak dinafikan walaupun dalam kes tindakan tatatertib kerana ini merupakan masa depan pelajar. Penggantungan atau pun pemecatan ini akan memberikan implikasi yang besar kepada masa depan mereka. Saya juga ingin bertanyakan kepada pihak kementerian bagaimana kita mentakrifkan golongan mahasiswa sehingga kelompok ini diperlukan atau dikehendaki mempunyai pendekatan yang berbeza dan undang-undang yang berbeza dalam mengawal dan menyelia mereka berbanding dengan orang awam. Kalau orang awam mereka tertakluk kepada akta-akta tertentu tetapi untuk mahasiswa mereka perlu ada unsur khas. Kenapa perkara ini perlu sehingga tahap ini? Adakah mereka ini mempunyai satu masalah yang khusus sehingga perlu kepada pendekatan seperti ini?

■1530

Kita percaya bahawa objektif AUKU perlulah bersifat mendidik dan membangunkan golongan mahasiswa yang mewakili generasi belia dan bukannya mempunyai persepsi dan berbentuk mencegah dan menakutkan pelajar dengan realiti politik di dunia sebenar khusus untuk pelajar berusia 21 tahun ke atas. Tanggungjawab mereka selaku warga negara menjadi pengundi berdaftar dan keluar mengundi bila mana hari pilihan raya. Bila mana kita menyebut bahawa pelajar tidak boleh menjadi mana-mana ahli parti politik, adakah hak berpolitik mereka tidak diberikan? Sekiranya hak mereka diberikan, sekadar mana hak berpolitik pelajar ini diberikan? Saya mohon diberikan penjelasan yang seadil-adilnya kerana ada pelajar yang bertanya saya, adakah kalau saya keluar mengundi dikira saya ini berpolitik?

Jadi saya tidak boleh jawab bagi pihak kementerian, saya minta pihak kementerian jawab kerana adalah tidak munasabah untuk menafikan hak mereka untuk mengenali mahupun mendekati parti politik sah sebelum mereka membuat keputusan untuk memilih calon pilihan mereka pada hari pilihan raya.

Universiti sebagaimana takrif asalnya yang bermaksud *universe*, yang bermaksud global, maksud menyeluruh seharusnya menjadi medan untuk mempersiapkan mereka menghadapi realiti di luar untuk meneruskan agenda memperjuangkan rakyat dan kemahiran, menyelesaikan masalah semasa dan selepas mereka keluar ke masyarakat, perlulah dijana dengan sebaik mungkin. Apakah persediaan di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi agar memastikan pelajar-pelajar kita mempunyai satu kemahiran khusus kerana kita percaya kemahiran untuk menyelesaikan masalah tidak datang dengan keadaan spontan ataupun secara kebetulan.

Saya menyeru bahawa dalam pendekatan ini, agresifnya orang muda yang intelek yang bersemangat berkobar untuk menolong orang lain dan menyelesaikan masalah dengan segera sama sekali tidak sama dengan agresif belia yang dijana oleh nafsu dadah. Sewajarnya, layanan dan pendekatan untuk menangani kedua-dua golongan ini haruslah dibuat dalam keadaan berbeza. Satu lagi isu yang saya rasa perlu ditangani oleh pihak kementerian ialah pada zaman saya belajar dan saya juga percaya pada zaman ini, dalam 10 tahun dan juga sekarang ini, tidak ramai sebenarnya mahasiswa yang benar-benar berminat untuk terlibat dan aktif dalam politik. Sepatutnya perkara ini yang kita bimbangkan, perkara pelajar sebenarnya langsung tidak menghiraukan perkembangan politik yang berlaku. Mereka lebih mengenali artis-artis, ahli-ahli sukan berbanding dengan politik. Jadi seharusnya minat untuk berpolitik secara sihat ini mesti kita jana kerana dalam kelas, dalam satu *batch* 100 orang, 200 orang yang hendak terlibat dengan kepimpinan pelajar pun tidak ramai.

Tidak ramai yang bersedia untuk menjadi calon dan memegang jawatan dengan keadaan benar-benar yakin. Jadi perkara ini perlu ditangani bukan hanya kita memikirkan bimbang mereka terlibat. Sekarang yang kita bimbang mereka tidak hendak terlibat langsung kerana beban akademik. Sebagaimana yang diujahkan oleh rakan-rakan saya sebelum ini bahawa beban akademik yang dipikul adalah banyak dengan mata kredit yang memakan masa.

Jadi penekanan, pengurusan dan pengagihan lebih perlu diperundangkan berbanding dengan menekan mereka daripada jangan menyertai mana-mana politik. Seharusnya mereka ini mesti dibenarkan untuk menjalankan hak-hak politik mereka tetapi dalam keadaan terkawal kerana inilah tugas sebuah universiti. Kita bimbang kita tidak mampu melahirkan pemimpin-pemimpin kerana di kala ini kita lihat bagaimana Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berulang-ulang kali mengatakan bahawa kadar perkahwinan sekarang telah pun meningkat ke usia yang lebih tinggi kerana perempuan-perempuan yang belajar yang menjadi graduan universiti susah untuk mencari pasangan yang setanding dengannya kerana ramai masuk serenti.

Jadi kita bimbang bukan masalah kalau terlalu ramai orang yang hendak berpolitik, kita memang tidak ada orang yang layak untuk menyertai parti politik yang sebenar sekiranya mereka dibenarkan. Saya juga ingin bertanya pihak kementerian, pernah kah pihak kementerian membuat sebarang kajian berkenaan dengan mitos bahawa pelajar yang aktif berorganisasi atau didakwa terlibat atau cenderung dengan mana-mana parti politik tidak cemerlang dalam akademik dan tidak punya masa depan yang cerah. Ini kerana saya percaya insan seperti inilah sebenarnya yang akan muncul sebagai warganegara yang bertanggungjawab pada masa akan datang.

Satu kaedah sebenarnya yang saya minta untuk dibuat oleh pihak kementerian khususnya untuk membantu pimpinan mahasiswa untuk dipantau dari sudut kecemerlangan ilmiah dan akademik kerana dibimbangi mutu kepimpinan mahasiswa tidak akan terjamin. Kita tidak boleh melahirkan pemimpin yang berketerampilan dari sudut zahir tanpa kualiti ilmu yang baik.

Jadi adakah kita mempunyai mekanisme untuk memastikan seluruh pimpinan mahasiswa yang dilantik ini, mereka dibantu dan dipantau dari sudut kecemerlangan ilmiah? Kita tidak mahu mereka ini hanya mampu bersuara tetapi tidak mempunyai kecemerlangan akademik yang setimpal. Saya juga ingin bertanya berkaitan dengan isu ini bila mana disebutkan juga dalam pindaan berkenaan dengan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta. Bagaimana kuasa yang dipunyai oleh Kementerian Pengajian Tinggi khususnya untuk memantau rancangan ataupun program ratu dan raja *prom* di kalangan mahasiswa.

Setakat mana had dan pemantauan Kementerian berhubung dengan perkara ini? Adakah ianya juga memerlukan aduan sedangkan ianya tersebar luas dalam media masa utama.

Kalau penglibatan mahasiswa diperincikan begitu sekali dalam organisasi politik, kenapa perincian yang sama tidak boleh dibuat dalam sektor hiburan dan seni kerana banyak aktiviti ini jelas menjuruskan ke arah gejala sosial yang tidak sihat dan menjatuhkan maruah universiti dengan aksi dan penampilan yang tidak sesuai dengan mahasiswa.

Kita mahukan perincian serasmi ini juga. Kalau tidak boleh menyertai parti politik untuk sektor hiburan dan seni perlu juga diperincikan kerana perkara ini sebenarnya yang menyebabkan keluarnya dalam NST, 50% pelajar-pelajar universiti yang mereka buat tinjauan terlibat dengan seks rambang. Jadi perkara ini perkara yang cukup memalukan. Pembinaan pemimpin dalam masyarakat tidak berlaku secara kebetulan dan spontan. Ianya perlu dijalankan dengan kaedah sistematik dan terancang agar belia dan beliawanis yang memahami realiti dan berkemahiran dapat tumbuh dan berfungsi dengan baik di negara kita.

Saya juga ingin bertanya, adakah kerajaan bercadang untuk membenarkan ataupun boleh meminda akta ini untuk membenarkan mana-mana mahasiswa memegang jawatan dalam mana-mana organisasi politik walaupun organisasi politik khususnya untuk portfolio pendidikan, kebajikan dan orang muda sebagai galakan untuk golongan ini terlibat dengan politik secara sihat.

Ini kerana adalah merupakan portfolio-portfolio yang jelas menjuruskan ke arah pendidikan. Saya kira orang yang terbaik di kalangan masyarakat yang boleh menjadi pemimpin di kalangan belia ialah mahasiswa di universiti. Apakah rasionalnya sehingga kini kita tidak membenarkan mahasiswa mempunyai pertubuhan di peringkat kebangsaan? Apa salahnya kita mempunyai majlis ala Parlimen mahasiswa musim cuti kerana ini mungkin merupakan satu cara untuk kita melihat bagaimana idea dan sikap pemimpin masa depan kita berhujah dan bertindak di peringkat negara. Kenapa kita begitu takut kerana kita telah mempunyai akta yang pelbagai. Kita ada ISA, kita ada OSA, kita ada pelbagai Akta Hasutan, kita ada Akta Polis. Kenapa tidak boleh kita benarkan mahasiswa di tempatkan dalam satu organisasi peringkat kebangsaan untuk mereka ini mengemukakan hujah dalam keadaan terkawal. Mungkin untuk percubaan, kerajaan mungkin boleh membenarkan satu ataupun dua pertubuhan yang dikawal secara percubaan.

Adakah kita perlu melihat perkara ini secara positif? Mungkin kita akan mendapat satu input yang cukup baik daripada golongan mahasiswa. Saya juga ingin bertanya pihak Kementerian, apakah kaedah yang diguna pakai dalam kita menggubal ataupun meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti ini berbanding dengan akta-akta ataupun kaedah yang dipakai oleh negara lain khususnya untuk menangani masalah mahasiswa.

Sekiranya negara lain mempunyai akta-akta, saya mohon untuk diberikan perbezaan dan persamaan supaya kita boleh menilai adakah negara-negara maju dan membangun, bagaimana gerakan mahasiswa di negara mereka dan bagaimana kerajaan mereka memantau gerakan-gerakan ataupun idea-idea yang dilontarkan oleh mahasiswa. Tentang status-status pesalah AUKU, kalau sebelum ini pesalah AUKU mungkin disabitkan dengan kesalahan jenayah. Bila mereka ini disabitkan dengan kesalahan tatatertib, saya ingin mengetahui apakah status pesalah AUKU? Adakah mereka ini dikira sebagai pesalah sivil atau bagaimana?

Bagaimana pula dari segi rekodnya, adakah mereka ini akan diklasifikasikan sebagai pesalah yang akan diambil cap jari dan mereka akan didaftarkan dalam rekod peribadi sekiranya mereka ini disabitkan salah di peringkat universiti. Apakah efek keputusan tribunal ke atas rekod peribadi pelajar yang terbabit? Berhubung dengan pengenalan sistem kuota 90% akademik dan 10% dari segi kokurikulum.

■ 1540

Saya juga ingin bertanya kepada pihak Kementerian apakah bentuk output dan penghasilan produk iaitu ijazah graduan yang mempunyai pendekatan yang sama agar kita melihat cara kemasukan 90:10. Apabila hendak keluar, adakah mereka juga akan dipantau dari sudut 90:10 ini.

Saya juga ingin bertanya berkaitan dengan universiti atau institut pendidikan perguruan. Kalau sebelum ini maktab-maktab, dalam perbahasan minggu lepas kita dibentangkan dengan Akta Pendidikan. Saya ada bertanya kepada menteri yang terbabit. Apakah hukuman ataupun undang-undang yang akan mengawal IPG-IPG khususnya yang telah menjadi UPG sebagaimana UPSI kerana kita diberitahu kesemua IPG-IPG ini akan melahirkan graduan-graduan dan siswazah. Jadi kenapa kita perlukan akta yang berbeza untuk mengawal guru-guru yang menjadi graduan daripada IPG dengan mahasiswa yang dilahirkan daripada universiti-universiti IPTA.

Khusus berkaitan dengan pilihan raya kampus. Sejauh mana pihak kementerian memantau pilihan raya kampus. Apakah kementerian mempunyai badan khas ataupun badan bebas yang dilantik? Sebagai contoh seperti MAFREL dalam pilihan raya umum yang dilibatkan untuk membuktikan tiada penglibatan parti politik baik di pihak kerajaan pemerintah mahupun pembangkang. Bagaimana pula pihak kementerian memantau sumber dan kos yang dibelanjakan oleh mana-mana calon dalam PRK agar ia jelas dan tidak ditaja oleh pihak lain di luar. Adakah pihak kementerian memantau rekod perbelanjaan kos poster dan aktiviti lain yang boleh dikaitkan sepanjang tempoh kempen?.

Sekiranya mana-mana pelajar di mana-mana universiti mempunyai bukti kukuh berkenaan dengan penglibatan parti politik sama ada di pihak kerajaan mahupun pihak pembangkang, sejauh mana keadilan tribunal dapat kita yakini sekiranya hakim yang dilantik ataupun yang menjadi naib cancellor ini dilantik oleh menteri. Saya pohon agar perkara ini diberikan penjelasan agar ia benar-benar telus kerana pengalaman peribadi saya sebagai pelajar, saya pernah melihat penglibatan jelas dan mempunyai bukti bagaimana penglibatan parti politik di pihak kerajaan terbabit dalam pilihan raya kampus. Jadi perkara ini kalau kita bawa ke atas untuk diadili dari segi tribunal dan tribunal ini pula dihakimi oleh seorang naib cancellor yang dilantik oleh menteri, bagaimana pihak pelajar boleh merasa mereka ini benar-benar selamat.

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian berkenaan dengan jumlah geran yang dinikmati oleh Majlis Perwakilan Pelajar di semua universiti dan adakah kerajaan bercadang untuk memastikan had nilai minimum yang perlu dipegang oleh mana-mana Majlis Perwakilan Pelajar sekurang-kurangnya RM500,000 atau bergantung kepada bilangan mahasiswa yang diwakili oleh mereka yang perlu diberikan oleh pihak universiti untuk Majlis Perwakilan Pelajar ini menjalankan operasi pentadbiran dan kerajaan mahasiswa dalam universiti kerana ini merupakan proses awal mereka ini menangani bajet Majlis Perwakilan Pelajar. Pada zaman saya menjadi Ahli Majlis Perwakilan Pelajar dulu, bajet yang kita terima sudah pun mencapai angka RM200,000. Jadi saya kira untuk tahun 2008 dan ke atas ini, sepatutnya pihak kerajaan memastikan semua Majlis Perwakilan Pelajar mempunyai sekurang-kurangnya untuk mereka ini bergerak dalam semua operasi walaupun mungkin cek ini perlu juga sama-sama ditandatangani oleh pihak pentadbiran universiti, tetapi memberikan jumlah yang besar agar mereka ini tahu untuk menggunakan dan boleh mengguna pakai wang yang besar kerana ini merupakan latihan terakhir sebelum mereka terjun ke masyarakat.

Seterusnya ialah berkaitan dengan AUKU juga. Adakah pemimpin politik akan dibenarkan untuk hadir ke mana-mana universiti sekiranya pihak pelajar di bawah akta ini mengatakan bahawa mereka boleh memberikan mana-mana pendapat dalam seminar yang dianjurkan oleh bukan parti politik. Penganjuran mungkin oleh pihak universiti. Adakah sekiranya penganjuran oleh pihak universiti atau pertubuhan-pertubuhan yang dibenarkan oleh kerajaan, adakah mereka boleh memanggil pemimpin politik. Jika jawapannya ya, apakah prosedurnya dan adakah terdapat sebarang garis panduan yang perlu dipatuhi oleh pemimpin-pemimpin politik ini sebelum mereka boleh hadir atau dibenarkan hadir oleh universiti untuk memastikan kesan positif supaya perkara ini dapat dipelajari oleh pelajar.

Khusus untuk pelajar subjek Sains Politik dan yang berkaitan dengannya sama ada di peringkat sarjana muda, sarjana ataupun PhD, adakah mereka ini boleh ataupun dibenarkan membuat praktikal dan *attachment* dengan mana-mana parti politik berdaftar untuk tujuan pembelajaran. Seterusnya berkaitan dengan kursus-kursus yang ditawarkan di IPTA dan IPTS. Saya difahamkan bahawa di *Harvard University*, mereka mempunyai satu kursus yang menawarkan kursus pentadbiran dan polisi pemerintahan negara. Adakah dalam era sekarang ini, bila mana kita memperkenalkan pindaan AUKU ini, kerajaan bersedia untuk menawarkan kursus Pentadbiran dan Polisi Pemerintahan Negara oleh mana-mana universiti.

Ini kerana pengalaman yang dihadapi oleh *Harvard University* ini, mereka boleh melahirkan ramai pemimpin-pemimpin dunia yang berpengaruh kerana mereka ini telah pun memahami seterusnya tentang hakikat berpolitik dari sudut teori dan dari sudut praktikal.

Jadi di dalam kes ini, kita memahami bahawa untuk menjadi pegawai kerajaan yang baik, mereka ini akan ditempatkan di INTAN. Akan tetapi untuk memastikan kita mempunyai *legislative* ataupun pembuat polisi yang baik, kita tidak pernah mensyaratkan mereka ini perlu mengikuti mana-mana kursus ataupun sijil, diploma ataupun ijazah. Adakah dalam kes ini, pihak kementerian bercadang untuk memperkenalkan beberapa kursus sama ada jangka panjang ataupun jangka pendek untuk dipelajari oleh pelajar khususnya berkaitan *direct* dengan polisi dan pentadbiran pemerintahan negara. Seterusnya, saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian, bilamana pelajar datang untuk menyerahkan memo tentang apa-apa cadangan mereka kepada pihak kerajaan, apakah rasionalnya bila perbuatan ini kadang-kadang dipandang serong oleh sesetengah pihak. Bagi pandangan peribadi saya, saya merasakan kita perlu memberikan galakan kepada mahasiswa untuk menyerahkan memo tanpa menyerahkan kepada mana-mana parti tetapi boleh diserahkan *direct* kepada parlimen sekiranya perkara ini mempunyai kesan langsung kepada mereka.

Jadi perbuatan ini bagi saya adalah sama dengan pernyataan yang mereka buat dalam mana-mana seminar. Cuma memo ini dalam bentuk bertulis. Seterusnya dari sudut perundangan ataupun dari sudut kesan. Apa akan jadi kalau pelajar berhenti dahulu sebelum mereka digantung. Sekiranya pelajar ini membuat apa-apa kesalahan, dia memohon berhenti sebelum dia dituduh. Setelah ada pertuduhan rasmi, mereka tidak disabitkan dan mereka masuk balik. Dalam kes yang pertama tadi, saya rasa dia perlu dapatkan balik kebenaran daripada menteri. Akan tetapi dalam kes pelajar dahulu yang minta berhenti, apa yang akan jadi atau apa prosedur yang perlu mereka patuhi. Khusus untuk kebajikan antara pekerja universiti. Bila mana IPTA-IPTA ini sudah mencapai angka melebihi 20 lebih, 26 saya rasa IPTA seluruh Malaysia, ada tidak pihak kementerian memberikan peluang untuk pertukaran tempat dan pengkhususan. Saya melihat kepada kes yang dibuat oleh AirAsia. Pihak AirAsia menggalakkan kebajikan dan kemahiran pekerja. Tidak pernah menghalang walaupun mungkin pada peringkat awalnya cuma menjadi pion, akhirnya boleh menjadi *pilot*. Dia boleh *dichannelkan* untuk menjadi *pilot* kemudiannya.

Dalam kes ini, adakah pihak kementerian khususnya pengajian tinggi ini membuat sebarang pengkhususan untuk memastikan pekerja-pekerja universiti khususnya di peringkat bawahan ini agar suatu masa mereka ini boleh menjadi graduan secara terhormat di tempat mereka bekerja dan sekiranya berlaku sebarang pertukaran tempat, apakah kesan kepada tangga gaji, emolumen dan kenaikan pangkat pekerja-pekerja tersebut. Saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian berkenaan dengan jumlah profesor yang diperlukan oleh negara dalam masa terdekat dan apakah pengkhususan yang kita perlukan sekarang kerana kita lihat sekarang ini ramai pelajar kita bila tamat belajar, mereka teruskan ke peringkat yang lebih tinggi. Cuma sekarang mungkin dari segi keutamaan yang diperlukan oleh kerajaan, kita mungkin tidak berapa jelas. Saya minta kalau kita ada sasaran profesor yang perlu kita ambil ataupun yang diperlukan oleh negara, berapa orang dan apa bidang yang mereka perlu ceburi untuk memastikan penjurusan pelajar-pelajar kita yang ambil Ph.D di luar negara.

■1550

Bagi seksyen 15(4) yang mengatakan bahawa ada setengah-setengah golongan pelajar akan dibenarkan untuk menyertai parti politik dengan kebenaran. Sebagai contohnya ahli politik tidak perlu lepas jawatan dan boleh belajar. Dalam kes ini apakah tempoh kebenaran akan dikeluarkan oleh pihak universiti daripada tarikh permohonan untuk masuk ke universiti? Ini kerana saya bimbang walaupun perkara ini mungkin diberikan tetapi kalau tidak diberikan satu piagam yang khas mungkin perkara ini akan jadi lambat. Terakhir sekali apakah polisi yang dipegang oleh Kementerian Pengajian Tinggi khususnya berkaitan dengan pembinaan akhlak dan personaliti mahasiswa di universiti-universiti?

Ini kerana kita melihat, kalau kita tengok dari sudut kesan yang diperoleh adalah jauh berbeza antara sikap satu pelajar universiti dengan satu pelajar universiti yang lain. Jadi bagaimana di pihak kementerian boleh memastikan sekurang-kurangnya kita mempunyai agenda yang sama.

Kalau di peringkat Kementerian Pelajaran mereka mempunyai PIPP, bagaimana pula pelan pembangunan yang ada di peringkat universiti agar pelajar yang kita lahirkan sama ada di IPTA mahupun di IPTS akan keluar dengan kualiti yang sama walaupun daripada rumah yang berbeza. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sila Puan Siw Chun

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas kesempatan yang diberi kepada saya mengambil bahagian di dalam perbahasan rang undang-undang yang bernama satu akta yang dinamakan Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan 2008). Tuan Yang di-Pertua, tiga aspek utama dalam cadangan pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 AUKU iaitu:

- (i) tadbir urus universiti iaitu untuk memastikan taraf dan prestasi universiti awam setanding dengan mana-mana universiti lain di dunia;
- (ii) kebajikan dan hak asasi pekerja universiti. Kecemerlangan sesebuah organisasi dalam mengurus dan mentadbir pekerjaanya dengan cekap; dan
- (iii) kebajikan dan hak asasi pelajar universiti iaitu memberi kebebasan berorganisasi, bersatu persatuan mengikut batasan, mewujudkan budaya ilmu, menjaga hak dan kebajikan pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan rang undang-undang ini pada hemat saya lebih banyak kuasa autonomi akan diberikan kepada pihak universiti dan dijangka akan memberi manfaat kepada kira-kira sejuta penuntut dan kakitangan di Institusi Pengajian Tinggi Awam iaitu IPTA dan swasta (IPTS) di seluruh negara. Rang undang-undang ini juga akan menambah baik autonomi universiti yang dilaksanakan dengan memindahkan beberapa kuasa Yang Dipertuan Agong dan Menteri kepada pihak berkuasa universiti antaranya terdiri daripada Lembaga Pengarah Universiti iaitu LPU, Senat dan Naib Canselor.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan terima kasih pada Menteri Pengajian Tinggi kerana telah membawa isu ini ke Parlimen. Kenyataan beliau untuk mengkaji AUKU 1971 sewaktu dilantik menjadi Menteri Pengajian Tinggi bukanlah cakap-cakap kosong. Beliau telah kotakan janjinya. Perkara yang sering diperdebatkan di kalangan mahasiswa ialah seksyen 15. Ini kerana seksyen 15 dikatakan memberi sekatan yang melampaui batas kemanusiaan mahasiswa sebagai warganegara Malaysia. Pindaan baru ke atas seksyen 15 jelas menunjukkan telah berlaku satu perubahan yang mana memberi kebebasan peluang kepada mahasiswa untuk melibatkan diri dengan persatuan, pertubuhan, badan ataupun kumpulan orang. Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dilakukan ini sedikit sebanyak telah membuka tali ikatan yang telah lama merantai kaki, tangan, mulut dan pemikiran golongan mahasiswa.

Ini kerana mahasiswa hari ini sering dikatakan sebagai jumud, kaku, lesu tidak mampu berkomunikasi dengan berkesan, tidak mampu untuk berfikir di luar kotak pembelajaran universiti dan tidak mampu membantu masyarakat berkaitan isu-isu kebajikan. Majoriti mahasiswa mengasingkan diri di dalam dewan kuliah, perpustakaan dan lingkaran pagar universiti. Maka Tuan Yang di-Pertua, pindaan seksyen 15 diharap dapat mengasah bakat kepimpinan mahasiswa untuk memimpin persatuan pelajar. Pertubuhan bukan kerajaan dan pertubuhan belia juga dapat melahirkan mahasiswa yang kritis dan terbuka dalam memberi pandangan serta idea terhadap sesuatu isu yang berlaku di dalam dan luar negara. Kenyataan Menteri Pengajian Tinggi pada 26 Julai 2008 bahawa pemimpin parti politik dibenarkan masuk ke IPTA untuk memberi ceramah dengan syarat tajuk ceramah itu mestilah yang ada kaitan dengan pengajian dan akademik mahasiswa.

Bagi saya Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan sikap telus kerajaan. Jika kita menyekat parti pembangkang masuk ke dalam IPTA, mahasiswa masih boleh mengakses laman web parti pembangkang. Ini kerana kita terdedah kepada dunia maklumat. Jadi lebih baik kita benarkan tetapi persoalannya saya ingin melahirkan rasa bimbang jika ada pemimpin politik yang mengambil kesempatan untuk meracuni pemikiran mahasiswa yang menghasut dan menghasut mahasiswa untuk menentang kerajaan.

Apakah tindakan yang boleh diambil oleh pihak universiti ataupun Kementerian Pengajian Tinggi dalam hak ini? Kita tidak mahu apabila kerajaan membenarkan parti politik memberi ceramah di dalam universiti ada pula pemimpin-pemimpin parti politik yang mengambil kesempatan. Persoalan yang kedua ialah seksyen 15(a) menyebut mahasiswa tidak boleh menyertai mana-mana parti politik. Saya minta Kementerian Pengajian Tinggi menjelaskan kenapa mahasiswa tidak dibenarkan menyertai parti politik? Tuan Yang di-Pertua, Mahasiswa yang berusia 21 tahun ke atas adalah layak mengundi di dalam pilihan raya umum.

Apakah maknanya mahasiswa berumur 21 tahun ke atas ini boleh mengundi tetapi pada masa yang sama tidak dibenarkan menyertai parti politik. Saya tidak mahu mahasiswa membuat tohmahan di dalam blog ataupun laman web dengan menuduh kerajaan mengamalkan *double standard* atau tidak adil. *Double standard* bermaksud mahasiswa di luar negara dibenarkan untuk menyertai parti politik iaitu Kelab UMNO luar negara ditubuhkan. Akan tetapi mahasiswa di dalam negara tidak dibenarkan menyertai parti politik. Harap Menteri Pengajian Tinggi jelaskan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengundur diri saya juga ingin mengambil kesempatan yang diberikan ini merakam setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga Timbalan Yang di-Pertua yang telah memberi banyak peluang di dalam Dewan yang mulia ini untuk saya menyuarakan berbagai-bagai cadangan dan pandangan demi kebaikan bangsa Siam. Saya sendiri khasnya dan negara amnya. Saya merasa bangga kerana dapat melihat sendiri cara Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua dapat memandu persidangan dengan cara profesional dan penuh tertib.

Kepada rakan-rakan seperjuangan saya dalam Dewan yang mulia ini saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas segala kerjasama dan tunjuk ajar yang diberikan kepada saya selama ini. Saya ingin mengucapkan *Merry Christmas* untuk kawan-kawan yang beragama Kristian dan *Gong Xi Fa Chai* kepada rakan-rakan dari kaum Tionghoa dan Selamat Tahun Baru 2009 kepada semua rakan-rakan sekalian.

Akhir kata saya ingin jura menyusun jari sepuluh memohon ampun dan maaf di atas kesalahan tindakan dan terkasar bahasa saya sepanjang masa berada di Parlimen. Ini kerana hari ini ialah hari akhir saya menjawat jawatan sebagai Senator pada petang ini dan saya tidak akan kembali untuk perbahasan hari Isnin minggu depan. Jadi, sekian Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan salam sejahtera. Saya turut menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya juga bagi pihak Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara dan semua Ahli-ahli Dewan ingin merakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah pun memberi sumbangan yang begitu baik sepanjang dua penggal menjawat sebagai Ahli Dewan Negara.

■1600

Kami juga berharap dan mendoakan agar Yang Berhormat dapat terus memberi sumbangan walaupun bukan lagi menjadi Ahli demi kepentingan negara, bangsa kita. Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Rusli.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Nampaknya lepas ini Dewan tak cun lagi sudah...
[Ketawa] Silakan Yang Berhormat.

Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim: Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang dikasihi sekalian. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam beberapa isu berhubung dengan pindaan undang-undang terhadap Akta Universiti dan Kolej Universiti yang telah pun dibentangkan oleh pihak kerajaan.

Sesungguhnya saya sendiri Tuan Yang di-Pertua tak boleh bercakap dengan tenang setelah Yang Berhormat Puan Siw Chun telah mengisytiharkan untuk berpisah buat sementara...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat lambat lagi, tak apa.

Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim: Tuan Yang di-Pertua, kita pernah mendengar suatu ungkapan iaitu peristiwa yang lalu tak perlu kita kenang tetapi pada hari ini saya cuba membawa kembali nostalgia kepada AUKU ini yang sedikit-sebanyak telah mewarnai dan menjadi satu dengan izin, *colorful* di kalangan perkembangan mental para pelajar dan mempengaruhi suasana yang ada di dalam negara kita ini.

Sebagaimana kita sedia maklum bahawa AUKU ini telah dibentuk pada tahun 1971 dalam suasana kebangkitan para pelajar pada tahun 1970an di mana semasa itu Allahyarham pemimpin besar Tun Hussein Onn telah mula menguatkuasakan pada 30 April 1971 semasa beliau menduduki sebagai Menteri Pelajaran dan hasil daripada penguatkuasaan AUKU maka suasana yang timbul ialah sedikit-sebanyak keresahan daripada ahli akademik, badan-badan hak asasi manusia dan juga NGO-NGO serta masyarakat luar daripada kampus telah memberikan satu penilaian dan juga cemuhan dan juga kritikan terhadap pembentukan AUKU pada tahun 1971 dan telah melalui beberapa proses yang mana AUKU selepas itu telah dilaksanakan beberapa pindaan sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1983 dan juga pada tahun 1996.

Kepada saya Tuan Yang di-Pertua ialah beberapa pindaan sebelum daripada ini dan juga pindaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengajian Tinggi pada hari ini adalah merupakan suatu pindaan untuk memberi satu natijah dan kebaikan kepada para akademik, memberi kebaikan kepada pelajar, masyarakat kampus dan juga memberi suatu tanggapan yang baik daripada umum. Sebab itulah saya terpanggil untuk memberikan pandangan pada petang ini...

Tuan Yang di-Pertua: Tidakkah akta ini lahir, sila duduk Yang Berhormat. Lahir daripada nilai-nilai yang kita sama-sama dukung ketika itu dan sedikit-sebanyak ada kaitan dengan perwatakan Allahyarham sebagai *disciplinarian*.

Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Inilah persoalan yang ingin saya kemukakan dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua iaitu apa jua pindaan yang dilaksanakan di dalam Dewan yang mulia ini bukan sahaja ianya merupakan satu *influence* dengan izin, dan juga bukan sahaja mempunyai suatu niat yang baik tetapi akhirnya kita dapat meletakkan sesuatu disiplin yang cukup tinggi terutama sekali kepada masyarakat kampus.

Sebab itulah pada petang ini saya ingin mengemukakan beberapa hujah. Bukan untuk mengkritik AUKU tetapi semata-mata untuk meletakkan satu pengharapan yang tinggi kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengajian Tinggi dan juga bagi pihak kerajaan supaya mengambil kira beberapa perkara di samping kita melaksanakan pindaan terhadap AUKU.

Perkara yang pertama Tuan Yang di-Pertua ialah penambahan peruntukan baru kepada seksyen 4A yang mana telah diperjelaskan bahawasanya dengan melaksanakan pindaan ini penubuhan suatu jawatankuasa yang mana Yang Berhormat Menteri perlu menubuhkan satu jawatankuasa dan di dalam soal ini apa yang ingin saya bangkitkan ialah tidak ada satu *term of references* dengan izin, serta bidang kuasa jawatankuasa yang sepatutnya perlu diperjelaskan.

Kita tidak mahu semangat dan peruntukan yang begitu baik zahirnya kelak akan menimbulkan suatu pertikaian berhubung dengan soal mereka yang menduduki di dalam jawatankuasa ini. Mereka yang menduduki di dalam jawatankuasa penasihat ini harus bebas dari sebarang kepentingan politik dan seharusnya bebas dari kepentingan perniagaan dan bebas dari masalah keperibadian itu sendiri.

Seterusnya saya ingin mengemukakan dan ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah menteri terikat dengan nasihat yang diberikan oleh jawatankuasa ini atau apakah menteri berhak melantik sesiapa sahaja dengan menggunakan budi bicaranya termasuk melantik mereka yang tidak langsung dicadangkan oleh jawatankuasa.

Perkara ini Tuan Yang di-Pertua ianya perlu diperjelaskan bagi mengelak jawatankuasa ini kelak akan nampak suatu platform yang cukup gah di dalam akta tetapi hanya akan merupakan satu badan yang akan digunakan oleh mana-mana pihak dan tidak menghormati pandangan daripada jawatankuasa itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan dan semangat pindaan kepada AUKU ini juga saya penuh yakin dan percaya ianya tidak dapat tidak adalah semata-mata untuk melihat kecemerlangan yang akan ditonjolkan oleh setiap universiti-universiti iaitu IPTA-IPTA kita khususnya. Bercakap soal kecemerlangan sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Mumtaz sekejap tadi di antara dua kecemerlangan yang perlu dan saya hendak tonjolkan di sini ialah kecemerlangan dari segi sahsiah dan yang keduanya ialah kecemerlangan akademik itu sendiri.

Saya cukup tertarik dengan polemik yang sering diutarakan dan juga komentar yang disebut dalam beberapa akhbar dan media utama di dalam negara kita ini. Beberapa komentar dan polemik yang diutarakan oleh pelbagai pandangan, dari pelbagai sudut, pelbagai pihak, pelbagai persatuan yang telah menjuruskan salah satu daripada unsur kecemerlangan kepada universiti-universiti tempatan ataupun IPTA ialah tanda dan kayu pengukurannya ialah kecemerlangan akademik.

■1610

Persoalan yang ada di hadapan kita Tuan Yang di-Pertua ialah sejak terlaksananya AUKU dan sekiranya kita membuat suatu perbandingan kecemerlangan Universiti Malaya sebelum wujudnya AUKU, saya di antara salah seorang yang bernasib baik dan masih lagi terkenang di kala ini kerana salah seorang daripada pelajar yang terlibat dan pernah menganjurkan debat ekonomi semasa itu. Kejayaan persatuan-persatuan di dalam Universiti Malaya pada masa itu cukup cemerlang. Bukan sahaja fakulti ekonomi dan pentadbiran yang berjaya menganjurkan suatu debat agung ekonomi tetapi kita lihat dari segi persatuan pelajar itu sendiri cukup cemerlang.

Suatu ketika Tuan Yang di-Pertua, UMSU misalnya Persatuan Pelajar Universiti Malaya itu sendiri bukan sahaja mempunyai suatu kekukuhan dari segi kewangan, kecemerlangan akademiknya bahkan kesungguhan UMSU pada masa itu boleh memiliki sebuah bas dan beberapa buah kenderaan yang dimiliki oleh UMSU itu sendiri. Bukan sahaja memiliki kenderaan untuk kemudahan pelajar dan ahli persatuan tetapi dengan gigih melaksanakan suatu perniagaan stesen minyak pada masa itu. Bahkan mempunyai sesuatu kekuatan serta kekukuhan kewangan yang dimiliki oleh UMSU. Kecemerlangan akademik Universiti Malaya tidak dapat dipertikaikan pada masa itu.

Persoalan yang timbul di hadapan kita Tuan Yang di-Pertua ialah kayu pengukur akademik Universiti Malaya pada masa ini telah pun jauh menurun daripada apa yang berlaku sebelum daripada ini. Saya hendak sebut sekali lagi di dalam Dewan yang mulia ini, kita tidak mahu dengan pindaan AUKU ini yang memberi kuasa yang besar kepada Naib Canselor secara umumnya yang hanya sekadar mempamerkan keghairahan membentangkan kertas kerja tetapi tidak cemerlang dari segi mengurus tabdir universiti-universiti. Kita tidak mahu pihak kerajaan dan khususnya Menteri dan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi tertipu dengan hujah-hujah dan juga fakta-fakta yang dikeluarkan melalui media-media utama di dalam negara kita ini yang menggambarkan institusi pengajian tinggi di bawah kepimpinannya berjaya melahirkan pelajar cemerlang meningkat tahun demi tahun tetapi tidak mempunyai suatu garis panduan yang menggambarkan kecemerlangan kepada institusi berkenaan.

Saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat yang mana Universiti Malaya khususnya sesetengah pendapat telah meletakkan dan telah menyenaraikan Universiti Malaya sebagai sebuah universiti di tangga 264 di dalam dunia dan setengahnya telah meletakkan kepada angka 230 dan persoalan ini masih lagi tidak mendapat suatu fakta yang sahih. Sebelum ini Universiti Malaya diletakkan di dalam lingkungan kecemerlangan 200 universiti di dalam dunia ini. Cukup memalukan kepada kita Tuan Yang di-Pertua, kalau kita buat perbandingan dengan dua buah universiti daripada negara jiran kita iaitu negara Singapura, dua buah universiti di sana iaitu *National University of Singapore* dan *Nanyang Technological University* berada di kelompok 200 terbaik bahkan turut berada di antara 100 terbaik dunia. Tidakkah ini memalukan kita sebenarnya? Negara Singapura yang baru ditubuhkan, tahap akademiknya adalah jauh lebih baik dan unggul daripada kita.

Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua untuk mengemukakan sedikit fakta. Saya pohon maaf, bukan berhasrat kepada saya untuk menyebut sesuatu yang keluar daripada mulut saya pada petang ini sebagai suatu untuk melontarkan dan berniat jahat kepada mana-mana pihak.

Akan tetapi izinkan kepada saya untuk mengeluarkan suatu fakta supaya kita dapat bermuhasabah demi masa hadapan dan kecemerlangan akademik kepada anak-anak kita pada masa yang akan datang ini.

Mengikut statistik ranking 2007 yang lalu, jelas Universiti Malaya ketinggalan jauh. Di mana *National University of Singapore* di kedudukan ke-33 dan *Nanyang Technological University* berada di tahap ke-69 dan pada masa itu Universiti Malaya terperuk di tangga yang ke-246 ataupun 230. Manakala bagi tahun 2008 pula, *National University of Singapore* telah naik ke anak tangga ke-30 dan bagi *Nanyang Technological University* di tangga ke-77. Persoalannya bukankah ini terlalu jauh keupayaan dua buah universiti terbabit jika mahu dibandingkan dengan perkembangan universiti di dalam negara?

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian pemberian kuasa yang cukup besar kepada Naib Canselor di setiap universiti tanpa mengambil suatu tindakan khusus daripada pihak kerajaan saya yakin tahap kecemerlangan pelajar di dalam negara kita ini akan menghadapi suatu zaman yang gelap. Bukan kerana pindaan terhadap AUKU bermakna kekangan terhadap pelajar sama ada AUKU ada atau tidak ada tidak timbul tetapi kemerosotan dari segi akademik jelas dizahirkan dengan fakta yang saya sebutkan sekejap tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyambung persoalan yang pernah disebut oleh rakan-rakan dan sahabat kita Ahli-ahli Yang Berhormat sekejap tadi, iaitu apakah kriteria ataupun ciri-ciri yang akan diguna pakai oleh menteri di dalam menentukan sama ada sesebuah persatuan ataupun pertubuhan di luar kampus itu tidak sesuai disertai oleh para mahasiswa? Ini juga perlu diberikan suatu *guidelines* dan suatu penjelasan kepada umum. Kita tidak mahu kuasa yang diberikan pada masa itu akan dilaksanakan oleh menteri dengan sewenang-wenangnya. Apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan frasa tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar Akta Universiti? Apakah yang dimaksudkan dengan perkataan sedemikian? Perkara ini perlu juga diperjelaskan.

Saya berpandangan dalam konteks pindaan seksyen 15(1), para pelajar sepatutnya diberi hak untuk menjadi ahli-ahli kepada mana-mana persatuan dan pertubuhan asalkan ianya merupakan pertubuhan yang sah dan didaftarkan serta diluluskan oleh pihak kerajaan meskipun persatuan, pertubuhan itu berada di luar daripada kampus.

■1620

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada seksyen 15A iaitu memperjelaskan suatu larangan mengutip wang oleh para pelajar ataupun pertubuhan pelajar. Daripada pengalaman yang lalu, telah banyak mengajar kita bahawa dengan peraturan sedemikian akan meletakkan persatuan pelajar berkenaan yang terpaksa bergantung pada kewangan daripada hal ehwal pelajar di universiti.

Ini bererti kita menyekat perkembangan sahsiah para pemimpin pelajar, kita menyekat keupayaan dan kebolehan yang dimiliki oleh para pemimpin dan ahli-ahli persatuan dan kita mengajar kepada generasi anak muda sekarang supaya terus bergantung hidup kepada kerajaan, kepada sumbangan melalui hal ehwal pelajar. Saya mencadangkan perkara ini perlu diperjelaskan satu ruang yang lebih besar bagi membolehkan persatuan pelajar untuk mendapatkan sumbangan daripada mana-mana pihak bagi meneruskan kegiatan serta mengatur kegiatan dan aktiviti di dalam kampus.

Tuan Yang di-Pertua, daripada pindaan ini bagi saya yang mustahak ialah sejauh mana pindaan ini akan dapat membantu perkembangan mental para pelajar, kecenderungan serta sikap dan minat pelajar terhadap kegiatan pelajar, di dalam kampus dan juga di luar kampus dan apakah pindaan ini akan mengongkang hak asasi manusia. Ia akan mengukur sekali lagi ke atas peranan oleh pihak kementerian dan hal ehwal pelajar dalam meneruskan bimbingan kepada para pelajar dengan pindaannya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengajian Tinggi dan pihak kerajaan. Saya mohon menyokong. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Haji Zamri.

4.23 ptg.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan...

Tuan Yang di-Pertua: Selepas ini saya akan minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab dan menggulung.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Terima kasih dengan keizinan untuk turut terlibat membentangkan beberapa aspek lagi dalam pindaan Rang Undang-undang AUKU 1971 menjadi pindaan 2008. Tuan Yang di-Pertua, menyedari dan menginsafi kualiti pendidikan khususnya institut pengajian tinggi di Malaysia yang bagi kita semakin dalam kedudukan yang merosot dan menyumbang kepada faktor ekonomi yang menjadi semakin jelas apabila negara berdepan dengan cabaran ekonomi ini sehinggakan kita di pintas oleh negara-negara jiran. Namun menyedari kualiti pendidikan cemerlang bukan hanya untuk memenuhi tuntutan ekonomi semata-mata. Kita harus menilai kualiti serta kedudukan pendidikan dari aspek intelektual dan kekuatan moral yang mengikat kuat jaringan masyarakat negara kita yang kita sedari daripada pelbagai bangsa yang ada dalam negara sejak kita merdeka.

Saya melihat pindaan kepada AUKU 2008 tidak benar-benar untuk melahirkan biasiswa yang berfikiran kritis, bebas dan dinamik seperti yang disebutkan oleh beberapa rakan tadi kerana masih terdapat beberapa sekatan tertentu yang menghalang pemikiran mahasiswa kita. Suasana ini bukan sahaja mengongkong mahasiswa kita yang baru menempuh kehidupan masyarakat yang asalnya yang di bawa oleh AUKU ini sebagai belasan tahun dan awal 20-an, tetapi pada kali ini ia juga terkesan di kalangan intelektual negara dan juga hampir semua lapisan masyarakat yang terlibat dalam pembelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya tarik perhatian tentang pindaan yang dibawa melalui seksyen 2D. ini. Di mana takrif pelajar pada kali ini didaftarkan sebagai pelajar berdaftar bagi semua universiti dan kolej yang mengikuti kursus pengajian, pengajaran, latihan ataupun penyelidikan. Jadi apa-apa perihalan di semua pra-ijazah, lepas ijazah dan lepas kedoktoran untuk semua universiti dan kolej universiti dan termasuklah pembelajaran jarak jauh, luar kampus, pertukaran dan pelajar tidak berijazah.

Daripada seksyen ini saya melihat ialah bagaimana ia merangkumi hampir semua orang yang terlibat dalam sistem pembelajaran akan terlibat kerana ia merangkumi sebelum ijazah, semasa pengajian peringkat ijazah dan juga selepas peringkat ijazah. Jadi, seolah-olahnya di sini pelajar benar-benar dilarang daripada hal-hal yang dilarang di bawah AUKU ini daripada turut terlibat.

Cuma saya ingin melihat dan mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, kementerian dan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang hadir di sini ialah tentang pelajar dilarang daripada turut terlibat ini khususnya dalam politik Malaysia. Akan tetapi berdasarkan kepada takrif pelajar di sini, seolah-olah ia menyekat mana-mana ahli politik daripada turut menjadi pelajar ataupun ingin meneruskan pengajian mereka. Dengan itu, kita meminta sedikit penjelasan mengenai takrifan ini. Adakah selain daripada satu hala ini menghalang pelajar daripada turut terlibat dengan politik dan dalam masa yang sama menghalang kepimpinan politik daripada terlibat menjadi ahli sebagai pengajar, menjadi pelajar dan juga tenaga pelajar di universiti.

Keduanya ialah saya ingin menarik perhatian tentang kuasa yang ada kepada menteri yang masih lagi ditinggalkan dalam AUKU sebagai suatu kuasa yang cukup besar mengikut seksyen baru iaitu seksyen 4A. dan 4B. di Bahagian III. Yang mana menteri dalam keadaan ini cukup berkuasa besar melainkanlah menteri akan mendapat nasihat daripada jawatankuasa, yang mana jawatankuasa ini dilantik oleh menteri. Itu yang menjadi persoalan oleh teman kita tadi; termasuklah dalam kes ini menteri lah yang akan melantik naib cancelor yang akhirnya naib cancelor lah menjadi orang yang cukup penting dalam mengendalikan seluruh akta yang ada di bawah AUKU ini.

Daripada beberapa hal ini, dalam pemerhatian saya melihat bahawa AUKU ini menjadikan sistem pembelajaran di institut pengajian tinggi kita akan melahirkan ramai tenaga-tenaga seperti yang dihasratkan dan disebutkan oleh kementerian menjadikan kilang atau mesin yang melahirkan mahasiswa dan saya lihat benar-benar akan menjadi kilang yang melahirkan mahasiswa.

Akan tetapi kita bimbang yang dilahirkan adalah mahasiswa yang hasil kilangnya lebih dekat kepada robot dan jentera yang khusus dalam sesuatu bidang yang tertumpu pada hal yang agak sempit apabila dihalang daripada terlibat dengan hal yang lain.

Ini adalah seperti mana pengalaman yang saya dengar dan kita kongsi daripada Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat yang pernah terlibat di pengajian tinggi sebelum digubal AUKU, semasa sedang digubal UKU dan selepas AUKU. Pengalaman yang beliau tunjukkan tadi bagaimana ketika sebelumnya pengajian universiti benar-benar melahirkan ramai pemimpin yang kita hormat dan segani sampai sekarang, pemimpin-pemimpin yang dilahirkan sebelum 1974 ataupun 1975 sebelum dikuatkuasakan AUKU. Sedangkan selepas 1974 hampir sangat kurang mereka yang boleh kita hormati sebagai pemimpin yang baik dalam negara.

Jadi dengan itu, saya juga menarik perhatian sekali lagi tentang bagaimana pindaan yang dibuat di bawah seksyen 15D. Cadangan pindaan baru di bawah seksyen 15(d) yang menyatakan jika seseorang mahasiswa dituduh melakukan kesalahan beliau boleh digantung pengajian oleh naib cancellor. Adalah bertentangan dengan prinsip seseorang itu tidak bersalah sehingga dapat dibuktikan sebaliknya menerusi perbicaraan ataupun secara khususnya mahkamah. Jadi, di sini di bawah kuasa yang cukup besar untuk menentukan seseorang itu boleh digantung dan diberikan kepada naib cancellor sedangkan ketika beliau hanyalah dituduh ketika itu.

■1630

Jadi cadangan menghapuskan seksyen 16(a) di AUKU ini juga bermakna semua hal ehwal tatatertib staf ini berada di bawah Akta Tindakan Tatatertib dan Surcaj Badan Berkanun atau dalam kes ini disebut sebagai Akta 605 yang merupakan peraturan yang merangkumi semua tatalaku ahli perkhidmatan awam dan sangat menggonggong ketika ini terutamanya sekali kebebasan bersuara. Bagi kita, bila kita menilai para akademik dalam universiti awam, walaupun gaji mereka dibayar oleh kerajaan tetapi tugas dan skop kerjaya mereka berbeza dengan kakitangan awam dan tidak wajar dikawal oleh peraturan tatatertib yang sama kerana hal ini bertentangan sama sekali oleh prinsip kebebasan akademik dan autonomi universiti yang merupakan tunggak kepada pencapaian kecemerlangan akademik.

Jadi menjadi persoalan sekarang adalah apakah tumpuan utama ataupun kenapa tumpuan utama AUKU ini untuk menghalang mahasiswa menyertai kepimpinan masyarakat melalui gandingan dengan pemimpin-pemimpin parti-parti politik semasa. Apakah bagi Kementerian Pengajian Tinggi, bahawa politik dan parti politik itu sangat negatif untuk didekati oleh mahasiswa selaku kelompok masyarakat yang sedang berada, dengan izin, di *turning point* dalam kehidupan daripada tahap remaja kepada tahap dewasa selepas melalui proses pengajian rasmi. Itu pun kalau kita berbicara tentang mahasiswa ini sebagai kelompok manusia yang berusia sekitar 17 sehingga 21 ataupun sampai 23 tetapi dalam seksyen yang saya sebut tadi, ianya tidak lagi sebegitu. Yang sebenarnya telah merangkumi hampir semua masyarakat Malaysia yang juga mungkin berusia sehingga 60 tahun, 70 tahun yang juga terlibat dalam pengajian ini.

Jadi yang ketiganya ialah Tuan Yang di-Pertua, perhatian juga kita ingin tarik kepada subseksyen 15(8) ini juga yang membincangkan tentang tahap penglibatan pelajar ataupun mahasiswa. Jadi persoalan juga timbul, Tuan Yang di-Pertua, adalah tentang halangan tadi. Jadi kita boleh bandingkan persoalan itu timbul kenapa boleh ditubuhkan Kelab UMNO di UK tetapi tidak boleh ditubuhkan Kelab UMNO di UKM. Saya inginkan penjelasan daripada pihak kementerian dan juga menteri kerana bagi saya keseluruhannya, Tuan Yang di-Pertua, perlu diingatkan bahawa dalam kita berusaha menjayakan konsep pembelajaran sepanjang hayat ataupun *a life long learning*, dengan izin, pelajar dan mahasiswa tidak lagi hanya melibatkan kelompok anak-anak selepas tamat SPM atau STPM seperti zaman dahulu yang saya sebutkan tadi mungkin berusia 17 hingga 21 tahun, tetapi kini ianya telah merangkumi hampir seluruh masyarakat.

Jadi saya pohon dan saya harapkan supaya ianya dilihat sebagai satu konsep IPT, Kementerian Pengajian Tinggi menjaga semua IPT kita supaya mengambil konsep agar ianya benar-benar kita jadikan sebagai pusat pengajian yang boleh dihormati. Jadi dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah minta..., panjangkah ucapannya itu?

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Tuan Yang di-Pertua, pendek sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan. 10 minit boleh? 10 minit.

4.34 ptg.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih atas kesudian Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua mengizinkan saya untuk turut serta dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang AUKU ini. Secara ringkasnya saya hendak menyatakan bahawa dari pengalaman saya yang belajar di Universiti Malaya dari tahun 1967 sampai tahun 1969. Masa saya belajar itu, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap hari Sabtu, satu kesukaan saya ialah untuk pergi ke *Speaker's Corner* kerana di situ pemimpin-pemimpin pelajar termasuklah Ketua Pembangkang sekarang akan menggunakan platform *Speaker's Corner* itu untuk bercakap hal-hal yang ada hubungannya dengan politik terutama sekali.

Sebahagian besar daripada ucapan-ucapan itu ialah menentang kerajaan. Tidak ada yang betul yang dibuat oleh kerajaan dan pada masa ini juga seperti yang disebut oleh sahabat saya yang terdahulu iaitu Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Rusli tadi, terdapat penganjuran debat agung atau *great debate* yang dianjurkan oleh Fakulti Ekonomi universiti. Lazimnya diundang tokoh-tokoh pembangkang. Pada masa itu sokongan pelajar-pelajar terutamanya pelajar-pelajar Cina, minta maaf kepada Yang Berhormat sahabat-sahabat saya, orang Cina, boleh dikatakan hampir semuanya menyokong DAP dan pemimpin-pemimpin DAP sangat-sangat dialu-alukan dan pemimpin-pemimpin kerajaan boleh dikatakan tidak mendapat langsung pada masa itu.

Jadi pengalaman-pengalaman ini sebenarnya tidak sangat disedari oleh pelajar-pelajar pada masa itu, tetapi dipelajari sungguh-sungguh oleh anggota-anggota kerajaan, oleh menteri-menteri. Saya lupa hendak sebut satu peristiwa, Yang Berhormat, kita kadang-kadang beri sokongan kepada kegiatan-kegiatan yang bersifat politik atau yang dianjurkan oleh parti politik di luar kampus, kita berarak sama. Ada satu hari saya ingat, pernah pelajar-pelajar dikejar oleh polis kerana kita lari masuk kampus Universiti Malaya. Polis ikut sama dan pelajar-pelajar memaki hamun Yang Berhormat Menteri Keselamatan Dalam Negeri pada masa itu, Allahyarham Tun Dr. Ismail kerana dakwaan mereka bahawa polis tidak boleh masuk ke kawasan universiti.

Itu kita dapat melihat bagaimana pandangan-pandangan yang agak kritikal pelajar-pelajar universiti pada masa itu. Jadi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, akta ini dibuat pada tahun 1970, kalau saya tidak salahlah ataupun 1971. Ini ertinya berdasarkan kepada apa yang kita pelajari atau yang dipelajari oleh pemimpin-pemimpin kerajaan, untuk menyelamatkan pelajar-pelajar maka tidak seharusnya parti politik dibiarkan mencampuri kehidupan pelajar-pelajar atau dengan perkataan lain, pelajar-pelajar tidak dibenarkan secara aktif, dengan cara yang nyata menjadi dan menyokong mana-mana parti politik di luar kampus seperti yang ada sekarang.

Setelah mendengar hujah yang begitu banyak dan lama sebelum pindaan yang dibawa di sini, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya menganggarkan bahawa kerajaan akan tunduk kepada permintaan-permintaan supaya dilonggarkan peraturan ini tetapi di sini nampaknya jelas bahawa berdasarkan kepada pengalaman-pengalaman pahit kita, kerajaan masih memikirkan untuk keselamatan mahasiswa dan pelajar-pelajar kita tidak seharusnya kita biarkan, apa yang disebut sebagai kebebasan berpolitik di dalam kampus.

Saya tidak bersetuju hendak mengatakan kepada orang yang mengatakan bahawa sahsiah diri pelajar kita ini, corak pimpinan yang akan kita terima daripada siswazah-siswazah kita ini tidak akan menjadi bulat, tidak akan menjadi sempurna kerana tidak adanya elemen politik dalam pembangunan diri mereka. Jadi seolah-olah kerana tidak didedahkan kepada politik, maka seorang bakal pemimpin yang akan keluar daripada universiti tidak akan menjadi seorang pemimpin yang baik tetapi keadaan yang sebenarnya memperlihatkan kita berapa ramai sangat pemimpin-pemimpin yang terdedah kepada parti politik menjadi pemimpin-pemimpin politik yang disegani. Jadi itu mengatakan bahawa saya menyokong kuat apa yang ada di dalam rang undang-undang, Yang Berhormat.

Satu perkara lagi saya hendak sebut, mengambil kesempatan dengan izin Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, iaitu berhubung dengan kemajuan Universiti Malaya. Ramai orang mengatakan bahawa Universiti Malaya telah menurun prestasinya. Saya tidak tahu ukuran mana. Mungkin barangkali berdasarkan ukuran atau *rating international* TIMES, saya rasa, majalah TIMES yang disebut oleh sahabat saya mungkin begitu.

■1640

Akan tetapi pengalaman saya, masa saya belajar dulu daripada tahun 1967, kebanyakan pelajar-pelajar Melayu mengatakan bahawa *Faculty Engineering*, Fakulti Perubatan, Yang Berhormat lebih tahu berhubung dengan perubatan, merupakan dua fakulti yang disifatkan sebagai *slaughtering house*, tempat menyembelih. Jarang-jarang biji mata anak Melayu yang dapat kelulusan yang baik dari ini. Masa saya belajar itulah pertama kali Naib Canselornya orang Melayu dan pensyarah-pensyarah Melayunya terlalu kurang. Selepas itu barulah kita perhatikan bertambah ramai pelajar Melayu dalam beberapa bidang yang tertentu termasuklah bidang kejuruteraan dan bidang perubatan. Bertambah ramainya pensyarah Melayu seperti yang ada sekarang.

Jadi kalau hendak dikatakan bahawa mutu pengajaran Universiti Malaya berkurangan atau jatuh daripada dulu jika dibandingkan sekarang saya rasa tidak begitu tepat. Mungkin *rating* yang dibuat berdasarkan kepada universiti-universiti di seluruh dunia, berdasarkan kriteria-kriteria yang tertentu, menempatkan Universiti Malaya pada tempat-tempat yang tertentu. Akan tetapi kalau dianalisis sebaik-baiknya perkembangan Universiti Malaya itu sendiri sebagai institusi pendidikan tinggi negara kita, saya rasa itu merupakan satu institusi pendidikan tinggi yang berjaya. Cuma saya merasa sedikit dukacita baru-baru ini Yang Berhormat bila kerajaan memilih Universiti Sains Malaysia, saya tidak mengatakan universiti ini tidak bagus, tidak memilih Universiti Malaya sebagai Universiti APEX.

Sebab apa saya merasakan bahawa dalam beberapa keadaan, Universiti Malaya adalah lebih baik menjadi Universiti APEX. Tuan Yang di-Pertua, mengikut keterangan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang membawa rang undang-undang ini dalam mukadimahnyanya sekejap tadi, jelas menunjukkan bahawa kita telah mendidik anak-anak kita di beberapa buah universiti. Alhamdulillah universiti kita bertambah dari masa ke semasa menggunakan AUKU yang hari ini kita hendak perbaiki. Jadi menunjukkan bahawa kita boleh hidup dan mengeluarkan siswazah-siswazah yang baik menggunakan AUKU dan mungkin akan bertambah baik harapannya dengan sedikit sebanyak pindaan-pindaan yang kita lakukan ini.

Jadi saya menolak sama sekali kalau ada orang mengatakan bahawa oleh sebab tiada kebebasan yang diberikan kepada pelajar-pelajar maka pelajar-pelajar kita, siswazah-siswazah kita tidak akan mungkin menjadi siswazah yang baik dan tidak akan mungkin menjadi pemimpin-pemimpin yang baik, kerana bukanlah elemen politik yang menjadi faktor penentu kebaikan, ketinggian dan tingginya sahsiah seseorang pelajar itu. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat boleh jawab dan gulung, Yang Berhormat mempunyai 45 minit kiranya untuk membereskan rang undang-undang ini. Sekiranya Yang Berhormat sanggup supaya berterusan sehingga hari Isnin pun boleh.

4.45 ptg.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas rangsangan dan galakan yang diberikan kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua: Bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak berpeluang untuk berucap, jangan patah semangat sebab selepas ini akan ada Rang Undang-undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2008, lagi banyak bahan boleh bercakap.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya percaya rang undang-undang selepas ini lebih menarik daripada rang undang-undang yang bakal saya berikan jawapan kepada hujah-hujah yang telah dibawa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil peluang ini juga untuk mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berhormat Senator-senator yang telah mengambil bahagian.

Saya kira tidak kurang dari lapan orang kesemuanya, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Idris bin Haji Buang, Yang Berhormat Senator Puan Heng, Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof, Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz, Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Rusli, Yang Berhormat Senator Puan Siw Chun yang akan meninggalkan Dewan ini dengan kehodohan, kerana 'cun'nya sudah tidak ada Tuan Yang di-Pertua, saya ikut Tuan Yang di-Pertua tadi. Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Rusli dan Yang Berhormat Tuan Haji Ir. Zamri serta yang tidak kurang pentingnya Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rashid.

Terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian sebentar tadi, dan di pihak kementerian saya yakin hujah-hujah yang telah dibawa oleh Yang Berhormat tadi akan menjadikan rang undang-undang yang dibawa di peringkat Dewan Negara ini bertambah nilai dan maknanya. Sebelum saya menggunakan...

Tuan Yang di-Pertua: Supaya Yang Berhormat tidak tergesa-gesa, saya tidak banyak kuasa tetapi peraturan mesyuarat memberikan saya 15 minit untuk saya tambah. Jadi Yang Berhormat ada lebih kurang sejam.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Saya pun tidak dalam tergesa-gesa Tuan Yang di-Pertua, cuma mungkin saya akan lebih bersimpati kepada rakan saya yang menunggu di sebelah dan berbisik kepada saya kalau boleh cepat-cepat sikit, kerana jantungnya pun berdegap degup untuk membentangkan Rang Undang-undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas ini. Tuan Yang di-Pertua, saya suka untuk menjawab segala hujah yang dibawa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi dengan bermula pada premis ini. Bilangan IPTA di negara kita Tuan Yang di-Pertua adalah sebanyak 20 IPTA. Bilangan pelajar keseluruhannya adalah berjumlah 403,009 orang.

Bilangan program akademik di seluruh IPTA di negara kita adalah 940 program, yang mana program ini adalah program di peringkat sarjana muda. Bilangan kelab-kelab IPTA di negara kita tidak kurang daripada 1,200 kelab-kelab yang berasaskan budaya, berasaskan kegiatan-kegiatan kemasyarakatan yang terdapat di seluruh 20 IPTA di negara kita, dan bilangan aktiviti kegiatan pelajar di IPTA di negara kita tidak kurang dari 500 aktiviti bagi setiap IPTA pada setiap tahun. Itu premis untuk saya menjawab kepada hujah-hujah yang telah dibawa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

Terima kasih saya ucap kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Idris yang telah membawa cerita histeria, yang sedikit memberikan rangsangan kepada Dewan sebentar tadi apabila menceritakan tentang bagaimana gambaran sebuah wayang gambar yang mempamerkan nilai-nilai destruktif di kalangan pelajar-pelajar kita di peringkat institusi pengajian tinggi sama ada awam dan swasta. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengajian Tinggi, apabila saya bertanya kepada pegawai-pegawai di belakang seorang pun belum lagi menonton filem wayang gambar histeria ini.

Akan tetapi yang pastinya ia bukan di bidang kuasa Kementerian Pengajian Tinggi, tetapi suka kami memanjangkan mesej Yang Berhormat ini kepada kementerian yang berkaitan, iaitu kementerian yang mengawal selia FINAS, Perbadanan Penapisan Filem Nasional ini yang kebetulan pengerusinya adalah juga merupakan salah seorang daripada Ahli Dewan Rakyat ketika ini dan bekas pengerusinya, mantan pengerusinya adalah Ahli Dewan Senat ini. Jadi insya-Allah kami akan memanjangkan dan kami juga akan memberikan penekanan bahawa hujah berkaitan dengan AUKU dikaitkan bagaimana moral dan nilai yang didukung oleh pelajar-pelajar universiti boleh disalah anggap oleh masyarakat apabila menonton filem Histeria ini.

Cuma saya tidak pasti pelakornya sama ada lelaki atau perempuan. Kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, pelakon perempuan berlagak lelaki dalam filem ataupun pelakon lelaki sebaliknya.

■1650

Tuan Yang di-Pertua, masa yang singkat empat tahun hingga ke lima tahun di dalam sesebuah institusi pengajian tinggi. Kita di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi, kita faham bahawa di sinilah sebenarnya di mana pelajar dan siswa-siswi universiti ini dianggap seperti *sponge*, akan menyerap segala-gala yang berada di sekeliling mereka dan inilah masa yang mereka akan gunakan untuk dijadikan sebagai langkah pertama ke arah penentuan corak gaya hidup mereka di masa hadapan.

Oleh sebab itulah, maka Kementerian Pengajian Tinggi merasakan perlu ada suatu sistem perundangan, sistem peraturan, bagi membentuk gaya hidup, cara hidup siswa-siswi di universiti, tetapi AUKU yang kita bawa ini bukan hanya merangkumi kegiatan cara hidup siswa dan siswi, tetapi ia merangkumi tadbir urus universiti daripada Pengerusi LPUnya, Ketua Pegawai Eksekutifnya, hinggalah ke kakitangan bawahannya, termasuklah pelajar-pelajar dan universiti itu secara keseluruhannya.

Jadi Yang Berhormat, sekali gus boleh saya katakan di sini, bagaimana sesebuah universiti itu boleh di *govern*, boleh ditadbir urus, jika tidak ada satu sistem yang boleh membentuk budaya cara hidup dari pegawai, kakitangan akademik dan sokongan hinggalah ke pelajar-pelajarnya. Di dalam ruang lingkup universiti itu, berbataskan *boundary* nya, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Saya faham Yang Berhormat begitu mengambil berat tentang kegiatan-kegiatan pelajar yang boleh mempamerkan imej yang negatif seperti rusuhan dan piket yang diadakan yang bersifat tentangan, bersifat apa yang difikirkan baik oleh satu pihak, pelajar ini akan mengambil ruang untuk membangkang. Dalam bahasa yang lebih besar, dia sebut *anti establishment*.

Kami tidak merasakan demikian, rusuhan dan piket adalah suatu perkara yang pelajar-pelajar rasakan sebagai suatu yang ditanam di dalam jiwa mereka. Oleh sebab itu, di dalam akta jelas menunjukkan bahawa pelajar-pelajar tidak boleh terlibat secara langsung di dalam perkumpulan-perkumpulan seperti ini. Jika mereka mendapat keizinan daripada Ketua Pegawai Eksekutif sesebuah universiti itu yang mungkin pada ketika itu telah mengambil kira segala-galanya daripada kebaikan, keburukan, kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman.

Jika mereka mengizinkan bahawa perkumpulan pelajar, bukan rusuhan, perkumpulan pelajar memperjuangkan sesuatu itu berlaku, silakan, kerana kita akan menyerahkan kuasa ini kepada pihak Ketua Pegawai Eksekutif sesebuah universiti. Jika ini difikirkan dapat membina nilai seseorang pelajar dan siswa itu. *Code of conduct*, ini disebutkan oleh Yang Berhormat ketika soalan lisan pagi tadi. Saya percaya kementerian saya telah berikan jawapan bahawa kementerian memang menyediakan *code of conduct* ini, dan kementerian sentiasa di dalam proses yang berterusan untuk menentukan bahawa *code of conduct* ini dihayati dan difahami oleh pihak-pihak yang menerima di sebelah sana. Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Idris.

Untuk Yang Berhormat Senator Heng, yang telah menyebutkan bagaimana seksyen 15 dan 16...

Tuan Yang di-Pertua: Saya ganggu sebentar, mendengar hujah Yang Berhormat yang pertama tadi. Maka atas premis Yang Berhormat sebutkan tadi, 400 ribu insan yang lebih kurang muda-muda belaka, melalui jangka masa tiga empat tahun yang aktiviti mereka menjurus kepada pengajaran dan pembelajaran, perlu pada satu *regulatory framework* dan kerajaan mungkin tidak bertanggungjawab, kalau tidak ada *regulatory framework* di atas premis yang sedemikian rupa. Adakah itu Yang Berhormat maksudkan?

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Benar Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan penjelasan yang saya kira penjelasan itu dapat membantu sekali gus ahli-ahli Yang Berhormat untuk memahami apakah sebenarnya roh, *spirit* AUKU itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat senator Heng ada membangkitkan sama ada kuasa menteri itu, bolehkah dialihkan ataupun diangkatkan kepada kuasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jadi di sini saya ingin menyatakan kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri kita adalah seseorang daripada anggota Kabinet.

Seorang anggota Kabinet akan bertanggungjawab dan akan menjawab kepada anggota Kabinet yang lain yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sebarang penubuhan kampus semestinya mendapat kelulusan dan perlu dimaklumkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Jadi sekali gus, jika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil alih tugas ataupun peranan Yang Berhormat Menteri, ia mungkin akan menambah beban dan peranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mana pada pendapat Kementerian, tugas dan peranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah jauh lebih besar daripada memastikan penubuhan sesebuah universiti di negara kita.

Yang Berhormat Senator Heng juga menyebut, bagaimanakah pelajar-pelajar kita pada hari ini, dengan kehadiran AUKU ini, boleh menjadi lebih dinamik dan boleh menjadi seorang yang kritikal. Yang Berhormat, suka saya maklumkan di sini, apabila Yang Berhormat mengaitkan AUKU menghalang pelajar-pelajar daripada terlibat dengan sesebuah parti politik, ini sekali gus akan menyebabkan pelajar tidak menjadi seorang dinamik dan tidak menjadi seorang yang kritikal. Saya beranggapan itu mungkin satu pendapat yang disimpulkan dari satu pandangan sahaja.

Mengikut kajian Kementerian, terdapat ratusan malah ribuan pertubuhan-pertubuhan NGO, bukan sahaja di peringkat kebangsaan, bahkan di peringkat antarabangsa yang boleh disertai oleh pelajar-pelajar dan mahasiswa selepas Akta Universiti dan Kolej Universiti ini diluluskan. Sebelum ini, pelajar-pelajar tidak boleh langsung menyertai mana-mana pertubuhan sosial kemasyarakatan, kerana ketika itu AUKU tidak membenarkan mana-mana pertubuhan-pertubuhan belia, pertubuhan-pertubuhan NGO yang lain untuk mengadakan kegiatan di dalam kawasan universiti, Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi pada kali ini, akta ini telah dipinda dan pelajar-pelajar dibenarkan untuk menyertai dan memegang jawatan di dalam pertubuhan-pertubuhan ini. Ini sekali gus akan menjadikan pelajar memperoleh peluang untuk menjadi kritikal dan menjadi lebih dinamik.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Heng juga telah menyebut bahawa sama ada mengesyorkan supaya pindaan AUKU melonggarkan seksyen 15 supaya pelajar berumur 21 tahun ke atas, diberikan kelonggaran untuk menyertai mana-mana parti politik, tetapi tidak perlu memegang sebarang jawatan.

Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan pindaan AUKU yang dikemukakan ini, sememangnya telah memberi kuasa kepada budi bicara kepada Ketua-ketua Pegawai Eksekutif untuk memberikan kebenaran kepada mana-mana pelajar yang memohon untuk terlibat di dalam parti politik. Perkara ini diperuntukkan di bawah seksyen 15(4) rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Heng juga telah...

■1700

Tuan Yang di-Pertua: Di sini saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apabila kita timbang baik buruk pelajar masuk parti, bolehkah kita pisahkan ataupun adakan dikotomi yang mutlak, pemisahan di antara pelajar masuk parti dan parti masuk universiti. Mungkinkah diasingkan dua pertimbangan ini, pelajar masuk parti, timbang buruk baik dan parti masuk universiti, timbang buruk baik. Bolehkah secara realistik ditimbang buruk baik.

Datuk Ir Haji Idris bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, saya pasti ianya bukan suatu yang boleh kita kira sebagai jalan basah kerana hujan, kerana hujan, jalan basah. Jalan tidak semestinya basah kerana hujan Tuan Yang di-Pertua, mungkin orang siram air ke atas jalan tersebut. Begitu juga jalan tidak akan basah kalau tidak kerana air, bukan hanya kerana hujan. Begitu juga kita sukar untuk mengenal pasti di manakah baik buruk jika sesebuah parti politik dibenarkan untuk masuk ke dalam sesebuah universiti dan begitu juga seorang pelajar dibenarkan untuk menyertai parti politik. Pada kita, kita memberikan suatu *benefit of the doubt*.

Tuan Yang di-Pertua: Maka apabila pelajar masuk parti, automatik parti sudah masuk universiti.

Datuk Ir Haji Idris bin Haji Haron: Kerana pelajar berada di dalam universiti. Apabila pelajar masuk parti, parti sudah secara automatik masuk universiti.

Tuan Yang di-Pertua: Parti masuk universiti.

Datuk Ir Haji Idris bin Haji Haron: Akan tetapi tidak semestinya apabila parti masuk ke universiti, pelajar itu masuk ke dalam parti. Itu yang saya umpamakan jalan basah bukan hanya kerana hujan, mungkin kerana orang siram jalan itu. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya pun sudah di mana Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta maaf.

Datuk Ir Haji Idris bin Haji Haron: Ya, ini satu perumpamaan lagi. Jawapan daripada kementerian ini banyak sangat perumpamaan Tuan Yang di-Pertua. Ketika belajar, ketika mengaji di sebuah institusi pengajian tinggi, kita beranggapan pelajar ini masih lagi, kalau dia umpama memandu, dia memegang lesen 'L' ataupun 'P'. Jadi setelah bergraduasi, barulah dia memperoleh lesen penuh. Jadi ketika lesen 'P' itu, AUKU tidak benarkan dia untuk menyertai parti politik tetapi hanya menyertai persatuan-persatuan yang bersifat persatuan belia, NGO dan lain-lain lagi. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana membantu saya tadi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Berapa sangat yang saya bantu Yang Berhormat, saya cuba hendak jadikan perbincangan lebih koheren pada kita semua.

Datuk Ir Haji Idris bin Haji Haron: Ya Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator...

Tuan Yang di-Pertua: Bukan saya tidak mahu bantu tetapi saya cuma bimbang, takut Ahli-ahli kata saya memihak kepada Yang Berhormat.

Datuk Ir Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat @ Ahmad bin Yusop menyebut tentang bagaimana keseimbangan di antara pencapaian akademik dan pembangunan sahsiah diri. AUKU 1971 sama-sama kita telah berkongsi pengetahuan dan berkongsi sejarah daripada *senior-senior* terutamanya yang lahir daripada Universiti Malaya yang sudah pasti melahirkan pemimpin-pemimpin negara yang signifikan pada hari ini. Saya percaya apa yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat @ Ahmad tadi adalah merupakan juga apa yang telah difikirkan oleh pihak kementerian.

Untuk makluman Yang Berhormat, ketika kementerian menggagas akta ini, kita telah mengambil kira pandangan-pandangan daripada tokoh akademik, kita mengambil kira pandangan-pandangan daripada tokoh-tokoh pemimpin pelajar, kita juga mengambil kira pandangan pelbagai pihak untuk memberikan gambaran kepada mereka bahawa pindaan AUKU ini mengambil kira apa yang telah disuarakan oleh kumpulan-kumpulan pelajar, kumpulan-kumpulan tokoh akademik ini sejak AUKU ini digubal pada tahun 1971. Saya kira ia termasuk juga mengambil kira pandangan Yang Berhormat Senator, pandangan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rasyid sebentar tadi yang hasilnya hari ini kalau kita lihat AUKU ini, kalau kita katakan yang AUKU ini telah gagal melahirkan pemimpin yang seimbang dari segi pencapaian akademik dan pembangunan sahsiah dirinya, kita lihat ramai juga pemimpin-pemimpin muda yang lahir dari universiti-universiti tempatan ini yang hari ini berdiri di pentas kepimpinan negara.

Sebagai contoh Yang Berhormat Senator Ir. kita sebentar tadi adalah orang muda, Yang Berhormat Senator Hajah Mumtaz sendiri. Kalau Senator Hajah Mumtaz menyatakan bahawa akta IPTS itu adalah *copycat* kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti ini, Yang Berhormat Senator Mumtaz hari ini berdiri dengan bergaya menyampaikan hujah. Bukankah ini hasil daripada Akta AUKU yang digagaskan oleh kerajaan pada tahun 1971. Jadi saya kira kenyataan-kenyataan Yang Berhormat sebentar tadi adalah memberikan rangsangan kepada kementerian untuk terus bekerja keras dan melahirkan pelajar-pelajar, graduan-graduan yang seimbang dari aspek kejayaan pembangunan jasmani, rohani, emosi dan intelek mereka.

Yang Berhormat Hajah Mumtaz telah memberikan 11 perkara. Yang Berhormat, saya kira 11 perkara ini tidak dapat saya jawab secara terperinci kerana sebahagian daripadanya adalah berkaitan dengan pentadbiran dan urusan di peringkat IPT itu sendiri. Namun begitu, boleh saya jawab beberapa isu yang dibawa oleh Yang Berhormat yang berkaitan dengan pertama sekali, bilangan kampus di negara kita. Yang Berhormat, bukan 28 Yang Berhormat, kita ada 20 kampus IPTA. Mungkin Yang Berhormat telah mengambil kira kampus-kampus yang ada kaitannya dengan GLC seperti Uniten, Petronas, Telekom, Multimedia dan sebagainya.

Yang Berhormat, sebenarnya saya berikan premis tadi, Tuan Yang di-Pertua adalah menjawab kepada hujah-hujah yang dibawa oleh Yang Berhormat yang mengatakan AUKU ini sebenarnya adalah lebih kepada menjadi kongkongan kepada pelajar-pelajar. Saya menghormati kenyataan Yang Berhormat ini kerana ada kenyataan yang lebih teruk daripada Yang Berhormat yang mengatakan AUKU ini adalah umpama menjadikan universiti kita seperti sekolah rendah dan *vice chancellor* nya sebagai guru besar, TNC-TNCnya sebagai guru penolong kanan. Tuan Yang di-Pertua, itu kenyataan yang lebih teruk. Yang Berhormat ini kira okey sedikit lagilah.

Saya juga mendengar kenyataan-kenyataan yang lebih menghina IPTA kita mengatakan AUKU yang menjadikan mereka demikian yang mengatakan VC-VC di negara *vice chancellor-vice chancellor* di negara kita tidak layak pun duduk sebaris dengan VC-VC lain di dunia. Yang Berhormat ada memberikan beberapa contoh universiti di Singapura umpamanya, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ahmad bin Rusli memberikan contoh universiti-universiti di Singapura. Suka saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini sebenarnya kita telah membuat pemerhatian bahawa universiti-universiti di Singapura juga mempunyai akta yang bukan mengongkong tetapi mengikat pelajar mereka lebih berat daripada yang mengikat pelajar-pelajar kita di negara kita.

Yang Berhormat Senator Hajah Mumtaz menyatakan pelajar yang digantung tidak dibenarkan berada dalam atau memasuki kampus, ini seksyen 15(d)(1). Untuk makluman Yang Berhormat, pelajar yang digantung di bawah seksyen 15(d)(1) ini tidak dibenarkan berada di dalam atau memasuki kampus universiti tersebut. Walau bagaimanapun peruntukan ini perlu dibaca dengan peruntukan di bawah seksyen 15(5) yang membenarkan pelajar yang digantung itu memohon untuk memasuki mana-mana universiti yang ditubuhkan di bawah Akta 30 dengan kelulusan menteri.

■1710

Maknanya pelajar boleh merayu kepada Yang Berhormat Menteri untuk memasuki mana-mana universiti lain dan pelajar juga dibenarkan untuk memasuki mana-mana IPTS di negara kita, Yang Berhormat.

Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Saya pohon penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Terima kasih Tan Sri. Pertama saya rasa saya ingin membetulkan kenyataan tadi bahawa....

Tuan Yang di-Pertua: Bila dengar pertama itu saya mohonlah mencelah jang panjang-panjang.

Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Dua saja. Ya, Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya tidak mengatakan bahawa AUKU mengongkong sepenuhnya tetapi apakah penumpuan AUKU ini. Sama ada nak mengongkong atau nak membangunkan pendidikan universiti, satu. Kedua, berkenaan dengan yang 15(d) tadi, yang saya maksudkan ialah kalau dia digantung, yang saya faham daripada akta ini ialah kalau dia digantung, dia tidak boleh berada di dalam kampus tapi dalam 15(5) mengatakan kalau dia digantung, dengan kebenaran menteri, dia boleh masuk mana-mana kampus. Maksudnya, dia tak boleh masuk kepada kampus yang asal dan dia boleh *apply* yang lain ataupun macam mana? Saya kurang faham di sini daripada segi implikasinya.

Kalau dia digantung oleh katalah universiti 'A' yang menggantungnya, adakah dia hanya boleh masuk universiti 'B', 'C' dan 'E' dan tidak boleh masuk universiti 'A' tadi sebab di 'B' itu tidak tulis "tersebut". Itu saya nak penjelasan itu.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Yang Berhormat. Bila digantung, bila digantung itu maksudnya ialah pelajar itu tidak dibenarkan berada di kampus dan tidak boleh mengikuti pengajiannya pada ketika itu. Jadi apabila selesai kesnya itu sama ada dibuang kes ataupun dibicarakan dan didapati tidak bersalah, maka pelajar itu dibenarkan untuk menyambung semula pengajiannya di universiti kalau 'A' tadi universiti 'A' itu tapi kalau didapati bersalah, maka sudah pasti dia akan dijatuhkan hukuman dan di sinilah sebenarnya ada budi bicara menteri supaya kita tidak memusnahkan masa depan seorang anak muda.

Jadi di sini kita akan menggunakan kuasa sama ada untuk membenarkan pelajar tadi memasuki universiti lain ataupun di IPTS. Terima kasih Yang Berhormat. Saya dah sebutkan isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat adalah di bawah bidang dan urusan pentadbiran sesebuah universiti dan tidak terangkum di bawah akta namun isu-isu yang dibawa oleh Yang Berhormat tadi bolehlah saya jawab secara bertulis kalau Yang Berhormat ingin mengetahuinya dengan lebih lanjut. Yang Berhormat juga ada membawa beberapa isu lain yang saya kira boleh kita kongsi bersama dalam saya menjawab hujah-hujah yang dibawa oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Antaranya ialah takrif mahasiswa.

Tuan Yang di-Pertua, di sini kita meletakkan pelajar boleh didefinisikan sebagai termasuk pelajar pasca siswazah, *postgraduate students*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah satu definisi yang amat luas kerana ia membolehkan pelajar untuk mendapat ijazah dan jika kita tidak termasuk dalam definisi pelajar, katakan seorang pelajar *postgraduate* tidak mengizinkan mereka ini ditakrifkan sebagai pelajar kerana mereka telah lebih 21 tahun, mereka telah ada cara berfikir tersendiri dan sebagainya. Jadi di sini di manakah AUKU itu boleh diaplikasikan kepada seseorang yang tidak ditakrifkan sebagai pelajar tetapi berada di dalam ruang lingkup dan batasan geografi sesebuah IPT itu.

Jadi di sinilah kita meletakkan definisi pelajar yang luas merangkumi seorang yang mengaji di peringkat *undergraduate*, ijazah pertama, di peringkat sarjana dan di peringkat kedoktoran. Jadi walaupun dia adalah seorang Ahli Yang Berhormat, seorang Ahli Dewan Negara, seorang Ahli Dewan Rakyat dan saya sendiri pernah menjadi seorang pelajar ketika saya sedang bertugas sebagai seorang jurutera. Jadi ketika saya berada di dalam universiti, saya lebih rela dipanggil pelajar kerana banyak faedah, *advantage* yang boleh saya perolehi sebagai seorang pelajar daripada sebagai seorang jurutera ketika berada di sesebuah universiti.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat juga bertanya apakah bahan pembuktian yang digunakan di dalam kes tatatertib. Bagi maklumat Yang Berhormat, bahan pembuktian bagi kes tatatertib tidak sama dengan kes jenayah. Kes tatatertib pelajar, kita tidak menggunakan natural *justice beyond reasonable bound* Kita tidak menggunakan konsep itu. Konsep melampaui keraguan yang munasabah hanya digunakan dalam kes jenayah. Bagi kes tatatertib, pihak berkuasa tatatertib akan menilai kes berdasarkan keterangan yang ada dan membuat keputusan sama ada pertuduhan boleh dibuat terhadap seseorang pelajar itu ataupun tidak. Jadi ini jawapan kepada pertanyaan Yang Berhormat sebentar tadi.

Yang Berhormat, suka saya jelaskan di sini bahawa hak berpolitik seperti yang dibangkitkan Yang Berhormat, Yang Berhormat juga menyebut tak kenal maka tak cinta. Ini satu madah yang baik Tuan Yang di-Pertua. Saya pun nak sebut jugalah, dari mana datangnya cinta, dari mata turun ke hatilah. Itu Tan Sri, jadi untuk kita bercerita tentang politik, di universiti Tuan Yang di-Pertua, istilah politik ini selalu dikaitkan dengan parti politik. Sebenarnya, pelajar-pelajar kita telah berpolitik sekian lamanya semenjak universiti-universiti ditubuhkan, mereka telah mengadakan pilihan raya kampus dan hari ini pada setiap tahun, pilihan raya-pilihan raya kampus diadakan dan di sini suka saya menegaskan bahawa yang menentukan pimpinan pelajar ini adalah pelajar-pelajar sendiri Tuan Yang di-Pertua.

Tidak ada campur tangan mana-mana pihak. Jika Yang Berhormat ada menyebutkan tadi terdapat campur tangan ketika Yang Berhormat menjadi pemimpin pelajar zaman Yang Berhormat mengaji di UIAM, suka saya jelaskan bahawa mungkin zaman Yang Berhormat itu 10 hingga 15 tahun yang lepas, sezaman dengan saya tapi hari ini bawah kepimpinan Yang Berhormat Menteri yang baru, kita telah menjelaskan sejelas-jelaskan kepada seluruh warga kepimpinan universiti yang kementerian tidak ingin mencampuri urusan pilihan raya kampus dan hasilnya pada kali ini Tuan Yang di-Pertua, dahulu kita pernah dengar pro aspirasi, pro siswa.

Yang pro 'A' ini adalah penyokong kerajaan, yang pro 'S' ini adalah penyokong Pembangkang. Hari ini tidak ada lagi garisan yang memisahkan di antara kedua-dua kumpulan siswa ini. Mereka adalah siswa, siapa juga yang menang, pihak Kementerian Pengajian Tinggi akan memberikan sokongan dan dukungan dalam apa jua bentuk sekalipun. Ini satu jaminan kepada Yang Berhormat Senator Mumtaz yang saya tahu beliau pun dulu begitu bercinta dengan politik di zaman muda remajanya di UIAM. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Rusli telah pun bertanya apakah kriteria-kriteria bagi menentukan sebuah organisasi tidak sesuai bagi pelajar?.

Bagi maklumat Yang Berhormat, kriterianya adalah kriteria akademik. Pastinya bukan politik. Contoh, jika sesuatu organisasi tidak sesuai bagi kesentosaan dan kepentingan pelajar dalam konteks memudaratkan kesihatan dan juga boleh menjejaskan nilai moral serta boleh melemahkan keupayaan pelajar untuk memberi fokus kepada pembelajaran, maka organisasi itu adalah dianggap sebagai organisasi yang tidak sesuai disertai oleh pelajar seperti yang disebutkan oleh akta ini Tuan Yang di-Pertua. Pelajar-pelajar boleh menyertai semua pertubuhan-pertubuhan belia kecuali yang tidak sesuai difikirkan oleh Yang Berhormat Menteri. Jadi takrifan tidak sesuai tadi Yang Berhormat, telah saya jelaskan...

■1720

Tuan Yang di-Pertua: Macam *Nudist Association of Australia* lah?

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Ya Tuan Yang di-Pertua. Saya pula hanya satu sahaja pertubuhan yang saya nampak tidak sesuai Tuan Yang di-Pertua, Al-Qaeda saja yang tidak sesuai disertai oleh pelajar-pelajar. Namun, yang lain itu saya ingat boleh, di negara kita pun telah banyak persatuan-persatuan belia antarabangsa seperti *World Assembly of Youth*, *World Youth Foundation*, Dunia Melayu, Dunia Islam dan sebagainya yang banyak boleh disertai oleh penuntut-penuntut kita Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Rusli, maafkan saya Tuan Yang di-Pertua bila Tuan Yang di-Pertua sebut sahaja, saya hilang punca. Walau apa pun saya ingin kembali kepada Yang Berhormat Haji Ahamat Yusop. Yang Berhormat Senator Ahamat Yusop menyatakan kenapakah istilah yang sama tidak digunakan kepada pelajar dalam kampus seperti mana hak yang diberikan kepada pelajar luar kampus.

Yang Berhormat, untuk makluman Yang Berhormat, di luar kampus pun ada kawalan akta-akta yang lain seperti kanun keseksaan, Akta Hasutan, ISA dan sebagainya. Jadi, sekurang-kurangnya di dalam kampus pelajar-pelajar boleh berlindung di bawah AUKU. Sebelum akta-akta yang lain dikenakan kepada pelajar, AUKU ini akan lebih utama melindungi pelajar-pelajar dan bukannya untuk menyekat kebebasan pelajar-pelajar ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Siw Chun, saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat. Saya percaya Yang Berhormat telah menyumbang begitu banyak sekali di dalam Dewan ini terutama dalam menambah keserian dan keindahan Dewan ini. Saya percaya antara orang yang akan merindui Yang Berhormat adalah saya kerana senyuman dan tawa Yang Berhormat itu akan menyebabkan saya sentiasa termimpi-mimpi Yang Berhormat.

Terima kasih Yang Berhormat kerana menyokong usaha kerajaan yang telah membawa rang undang-undang ini sehingga ke peringkat Dewan tertinggi negara ini. Saya percaya Yang Berhormat adalah antara orang yang sentiasa menjawab apa juga bentuk tohmahan dan juga tuduhan yang ditulis di dalam laman web. Terima kasih Yang Berhormat, saya setuju dengan Yang Berhormat seperti Yang Berhormat kata kenapa di luar negara boleh ada kelab UMNO? Kenapa belajar di dalam negara tidak boleh ada kelab-kelab, pertubuhan politik dan sebagainya.

Suka saya jelaskan Yang Berhormat bahawa yang kita nampak hanyalah kelab UMNO tetapi banyak juga kelab-kelab lain yang berbentuk tidak menyokong pihak kerajaan berada di luar negara. Akan tetapi yang lebih penting daripada itu Yang Berhormat ialah kegiatan pelajar-pelajar di luar negara tidak termaktub, tidak dirangkumi di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti di dalam negara kita ini. Itu sebablah ada kelab UMNO di luar negara, ada juga kelab-kelab lain, tidak perlulah saya sebutkan, di luar negara yang juga bergerak aktif dan kadang-kadang kalau di undang itu tidak langsung di undang mana-mana penjawat jabatan kerajaan, Menteri-menteri, Timbalan Menteri. Saya sendiri menerima senarai, ramai di antara kawan-kawan saya di sebelah sana yang di undang tetapi tidak langsung mengundang saya ke program-program mereka di luar negara.

Ini kenyataan Yang Berhormat, 'kalau tak orang, tak kita'. Jadi sama-samalah kita mendoakan anak-anak kita di luar negara ini supaya dengan kegiatan-kegiatan ini mereka dapat menjadi insan yang terbaik yang dapat mewarisi kepimpinan negara kita pada masa hadapan.

Yang Berhormat Senator Ir. Haji Zamri Haji Yusuf, saya dah sebutkan tadi bahawa AUKU bukanlah suatu rang undang-undang untuk mengongkong pelajar kita. Akan tetapi ia lebih kepada rang undang-undang untuk membina modal insan yang berkualiti tinggi supaya ianya dapat menjadi suatu jaminan yang negara kita akan diwarisi oleh pelajar-pelajar, oleh orang-orang yang mempunyai keseimbangan dalam cara berfikir dan cara kerja mereka.

Saya telah sebutkan takrif pelajar, penglibatan di dalam politik, tentang kuasa-kuasa yang diberikan kepada Menteri. Saya tidak nampak bahawa pindaan ini adalah satu pindaan yang tidak kena pada masanya kerana setelah lebih kurang 37 tahun akta ini berada di negara kita dan inilah rombakan serta pindaan yang terbesar pernah diadakan yang melibatkan lebih daripada 60 pindaan.

Kepada Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid, untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rashid, pelajar di Universiti Malaya pada tahun 1962, saya belum dilahirkan lagi Tuan Yang di-Pertua. Ketika itu saya tidak tahu sama ada ayah saya sudah berjumpa dengan ibu saya ke belum tetapi Dato' Rashid dah berada di UM. *Speaker's Corner* yang dibanggakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Rashid sebentar tadi adalah salah satu daripada pentas bagi melatih bakat pelajar supaya boleh berbicara menjadi juru bicara masyarakat. Akan tetapi hari ini, *Speaker's Corner* juga diwujudkan di universiti seperti di Universiti Kebangsaan Malaysia merencana untuk mewujudkan *speaker corner*.

Akan tetapi bukan hanya bertujuan untuk menjadi pentas bagi menghentam usaha-usaha murni yang telah diwujudkan oleh kerajaan untuk melahirkan pelajar supaya bijak berbicara, membela mana yang betul dan menidakkan mana yang salah. Debat ekonomi, hari ini untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Debat Agung Ekonomi yang diadakan di Universiti Malaya yang sekali gus dikatakan telah membawa perubahan kepada senario landskap ekonomi negara. Hari ini kita juga mempunyai pelbagai pentas debat dan ada antara pendebat-pendebat kita yang telah berjaya berdiri di pentas antarabangsa. 'Lain hulu, lain parang' Tuan Yang di-Pertua, 'lain dulu, lain sekarang'.

Sekarang debatnya lebih kepada membuktikan siapakah yang lebih hebat di dalam pengendalian, penggunaan alat-alat teknologi canggih dan sebagainya. Mungkin debat hari ini lebih di dalam bentuk laman web dan juga penyertaan di dalam blog-blog. Jadi inilah yang saya katakan apa pun kita lakukan adalah terhasil daripada niat yang suci dan murni Kementerian Pengajian Tinggi untuk membina generasi bangsa negara yang bakal dihormati dan disegani oleh rakan dan lawan di masa akan datang.

Terima kasih Ahli Yang Berhormat sekalian, terima kasih di atas sokongan dan hujah yang diberikan oleh Yang Berhormat. Saya percaya ia akan menyumbang kepada pembangunan Kementerian Pengajian Tinggi sekali gus membawa Malaysia ke mercu kejayaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemuka kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 28 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa pun dah cukup. Jadi bolehkah Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat masih mahu bentang Rang Undang-undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia hari ini atau kita tunggu sahaja pada hari Isnin? Walau apa jua, Yang Berhormat terpaksa terus sambung pada hari Isnin.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Hasan bin Malek]: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan cadangan untuk membentangkan pada hari Isnin.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan bersidang semula pada hari Isnin jam 10 pagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.33 petang.